LAPORAN
AKTIVITI TAHUNAN
2012


JABATA
AUDI
NEGA

KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA

PERUTUSAN
KETUA AUDIT NEGARA

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Laporan Aktiviti Tahunan 2012 Jabatan Audit Negara (JAN) telah disediakan dengan memuatkan pelbagai laporan aktiviti dan peristiwa yang berlaku di peringkat ibu pejabat dan di negeri-negeri sepanjang tahun 2012. Pelaksanaan fungsi teras JAN iaitu pengauditan telah meningkatkan prestasi pengurusan wang awam dan urus tadbir kerajaan. Ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang telah mencapai prestasi cemerlang dalam pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti.

Sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan kepada pelanggan juga dapat di pertingkatkan melalui pelbagai inisiatif, kreativiti dan inovasi warga kerja jabatan dalam membangun, mengemaskini dan menambah baik sistem serta proses kerja secara berterusan. JAN juga telah membuat pengauditan projek mega Kerajaan seperti projek MRT dan *River of Life* bagi memastikan projek besar seperti ini dilaksanakan berpaksikan kepada integriti dan akauntabiliti, bebas daripada isu pemborosan, pembaziran dan penyelewengan. Selaras dengan dasar kerajaan supaya agensi-agensi kerajaan bekerjasama bagi memaksimumkan penggunaan sumber masing-masing melalui Strategi Lautan Biru, JAN telah mengorak langkah mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Agensi Remote Sensing Malaysia.

Sepanjang tahun 2012, JAN telah memperolehi beberapa pengiktirafan seperti Penarafan 5 bintang kepada portal Jabatan oleh pihak MDec dan Johan Kategori Agensi Kerajaan Acara Perarakan Sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Tahun 1433H/2012M Peringkat Kebangsaan. Di peringkat antarabangsa, JAN telah mengadakan perjanjian persefahaman dengan Institusi Audit Luar Negara serta penganjuran beberapa mesyuarat kumpulan kerja INTOSAI dan ASOSAI serta seminar antarabangsa.

Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) yang diumumkan oleh Kerajaan pada tahun 2012 adalah kesinambungan inisiatif daripada Program Transformasi Kerajaan 1.0 (GTP 1.0) serta rancangan tugas-tugas baru bagi mengukuhkan lagi program transformasi berkenaan. Di bawah GTP 2.0 bagi inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Membanteras Rasuah, JAN telah diberi peranan sebagai salah satu agensi yang boleh membantu menangani isu rasuah negara. Empat inisiatif baru berkaitan dengan pengauditan yang telah dipersetujui oleh PEMANDU ialah Akses Pantas Kepada Maklumat Susulan atas Laporan Ketua Audit Negara; Penubuhan Jawatankuasa Tindakan Mengenai Laporan Ketua Audit Negara; Papan Pemuka Ketua Audit Negara Secara Atas Talian; dan Inkuisisi Putrajaya. JAN telah mengambil beberapa langkah positif bagi melaksanakan keputusan tersebut mulai tahun 2013.

Selaras dengan matlamat untuk meletakkan institusi audit negara di negara ini setaraf dengan institusi audit negara-negara lain dari segi sistem, prosedur dan amalan terbaik *(best practices)* dalam bidang pengauditan, JAN telah melibatkan diri di dalam pelbagai aktiviti *capacity building* dan pembangunan profesionalisme di peringkat antarabangsa sama ada ianya dilaksanakan di dalam negara di mana Jabatan sendiri menjadi tuan rumah ataupun sebagai peserta program yang diadakan di luar negara. Selaras dengan pelantikan Malaysia sebagai Pengerusi *Knowledge Sharing Committee, ASEANSAI* beberapa seminar telah dilaksanakan di dalam dan luar negara. Malaysia juga telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah Perhimpunan ASOSAI Ke-13 pada tahun 2015. Untuk memastikan program ini berjalan dengan jayanya, maka persiapan dan persediaan awal telah dilakukan melalui penubuhan beberapa jawatankuasa yang bertanggungjawab melaksanakan pelbagai aktiviti.

Budaya inovasi dan kreativiti juga telah dipupuk melalui pelbagai aktiviti seperti ceramah, kursus, Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) serta Hari Inovasi JAN Tahun 2012. Hasilnya beberapa projek inovasi telah dipilih untuk dilaksanakan bagi menambah baik dan meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan kerja selaras dengan usaha untuk menjadikan JAN sebagai sebuah jabatan contoh.

Sepanjang tahun 2012, dua buah bangunan pejabat JAN, Negeri telah dirasmikan iaitu di Negeri Sembilan dan Kelantan. Bangunan-bangunan tersebut telah dijenamakan dengan nama Wisma Audit. Wisma Audit JAN, Negeri Sembilan telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 26 Januari 2012 manakala Wisma Audit JAN, Negeri Kelantan pula telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhamad V, Sultan Dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Kelantan Darul Naim pada 21 Oktober 2012. Manakala Wisma Audit JAN, Negeri Pahang masih dalam pembinaan.

Selamat Maju Jaya



TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG
Ketua Audit Negara


LAPORAN
A AUDIT NEGARA
NEGERI PAHANG
Tahun 2011
JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA
LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
Negeri Sarawak
Tahun 2011
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK
LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan
Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi
DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS
LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
2011
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI
KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
JABATAN AUDIT NEGARA
LAPORAN
KETU AUDIT NEGARA
2011
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN
ENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN
LAPORAN
A AUDIT NEGARA
NEGERI SABAH
Tahun 2011
JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PEMBENTANGAN LAPORAN

KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2011

PEMBENTANGAN LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2011

PEMBENTANGAN LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2011

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara (KAN) mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Tuan Yang Terutama yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Parlimen/ Dewan Undangan Negeri.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2011 telah dibentangkan di Parlimen pada 15 Oktober 2012. Manakala Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2011 telah dibentangkan pada 22 November 2012. Pembentangan LKAN Tahun 2011 di Dewan Undangan Negeri adalah seperti berikut :

DEWAN UNDANGAN NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN
Kelantan	15 – 17.10.2012
Sabah	22.10.2012
Melaka	29.10.2012
Pulau Pinang	01.11. 2012
Selangor	19.11.2012
Kedah	22.11.2012
Perlis	05.12.2012
Johor	07.12.2012
Terengganu	10.12.2012
Pahang	11.12.2012
Negeri Sembilan	14 -18.12.2012
Perak	17.12.2012

PEJABAT DAN WISMA AUDIT

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA


MSC
MALAYSIA
National ICT Initiative
Anugerah Cemerlang
dianugerahkan kepada
Jabatan Audit Negara
di atas pencapaian
Penarafan 5 Bintang
di dalam
Portals and Websites Assessment

PEJABAT DAN WISMA AUDIT, JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA





IBU PEJABAT JABATAN AUDIT NEGARA
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya
Malaysia

03-8889 9000

03-8889 9721



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI JOHOR
Tingkat 21, Menara Ansar
No. 65, Jalan Trus
80000 Johor Bahru
Johor

07-2243511 / 07-2235060 / 07-2227275 / 07-2227285

07-2238127



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SABAH
Blok A, Aras 4, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS-Sulaman
Beg Berkunci No. 2021
88450 Kota Kinabalu
Sabah

088-488117 / 088-488119 / 088-488120 / 088-488137

088-488140 / 088-488144 / 088-488123



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SARAWAK
Tingkat 4, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93518 Kuching
Sarawak

082-242372 / 082-242342 / 082-234872

082-242191 / 082-239876



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SELANGOR
Wisma Audit, Persiaran Perbandaran, Seksyen 14
40000 Shah Alam
Selangor

03-55147400

03-55147405



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PAHANG
Tingkat 6, Wisma Persekutuan
Jalan Gambut
25518 Kuantan
Pahang

09-5121388 / 09-5121369

09-5157546



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PERAK
Wisma Audit, Persiaran Meru Utama
Bandar Meru Raya
30518 Ipoh
Perak

05-5279984 / 05-5268646 / 05-5269646

05-5280358 / 05-5280371



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI KEDAH
Aras 3, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
06550 Bandar Muadzam Shah
Kedah

04-7309855 / 04-7310624 / 04-7310625

04-73277417



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI TERENGGANU
Tingkat 11, Wisma Persekutuan
20518 Kuala Terengganu
Terengganu

09-6221040

09-6225194



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI KELANTAN
Wisma Audit, Bandar Baru Tunjong
Jalan Pasir Mas-Salor
15518 Kota Bharu
Kelantan

09-7418460

09-7445399



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 2, Wisma PERKESO
No.3012, Lebuh Tenggiri 2
13700 Seberang Jaya, Perai
Pulau Pinang

04-3904967

04-3905017



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI MELAKA
Wisma Audit, Persiaran MITC
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka

06-2325141 / 06-2325184

06-2325771



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SEMBILAN
Wisma Audit, Jalan Haruan 2
Oakland Commercial Centre, Seremban 2
70300 Seremban
Negeri Sembilan

06-7629700 / 06-7635996 / 06-7613076 / 06-7627037

06-7639817



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PERLIS
Tingkat 1, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
Perlis

04-9770013 / 04-9761351

04-976 5015

PERNYATAAN KORPORAT

PERNYATAAN KORPORAT

LAMBANG PERSEKUTUAN

Melambangkan punca kuasa dan kebebasan yang diperuntukkan kepada KAN bagi melaksanakan pengauditan akaun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

DUA TANGKAI PADI

Melambangkan usaha dan kegigihan warga Audit untuk meningkatkan produktiviti Jabatan secara berterusan serta pelaporan seimbang yang diamalkan oleh JAN.

BENTUK BULAT

Melambangkan keteguhan dan keutuhan semangat kerja berpasukan di kalangan warga Audit sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam dalam menghadapi era globalisasi.

WARNA MAROON

Melambangkan imej korporat dan identiti JAN.

WARNA KUNING

Melambangkan kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang melantik KAN atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

WARNA PUTIH

Melambangkan keikhlasan dan ketelusan Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan sektor awam.

PELANTIKAN KETUA AUDIT NEGARA

KAN dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja mengikut Artikel 105 Perlembagaan Persekutuan. Seseorang yang telah memegang jawatan KAN boleh dilantik semula tetapi tidak boleh dilantik bagi apa-apa jawatan lain dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesebuah Negeri. KAN boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan tetapi tidak boleh dilucutkan jawatannya kecuali atas asas dan kaedah yang sama bagi melucutkan jawatan seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan.

MANDAT AUDIT

Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menggariskan tanggungjawab KAN untuk mengaudit Akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Awam Lain dan Badan-Badan yang ditentukan dengan perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mandat bagi pengauditan Syarikat Kerajaan/Anak Syarikat Kerajaan juga diterima melalui Perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. LKAN bagi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di Parlimen. Manakala LKAN bagi Kerajaan Negeri dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/ Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Besar/Yang di-Pertua Negeri untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

KAN berkuasa penuh untuk mendapatkan segala maklumat dan keterangan serta penjelasan dalam menjalankan kewajipannya. Beliau berhak memeriksa semua dokumen dan boleh meminta individu tertentu memberi keterangan secara bersumpah serta memberi kuasa kepada mana-mana individu menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan bagi pihak beliau. Di samping itu, KAN juga boleh mendapatkan khidmat nasihat perundangan bagi menjalankan tugasnya. Segala keterangan dan maklumat yang didapati oleh KAN berkaitan dengan kewajipannya adalah rahsia.

VISI

Untuk Menjadi Penyumbang Utama Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dan Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam Menjelang Tahun 2020

MISI

Melaksanakan Pengauditan Secara Profesional Dan Bebas Serta Mengemukakan Laporan Seimbang Kepada Parlimen Dan Dewan Perundangan Negeri Ke Arah Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam

OBJEKTIF

- Menyediakan Laporan Audit yang berkualiti dan menepati masa untuk dikemukakan kepada Parlimen / Dewan Undangan Negeri
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada *stakeholders* dan auditi
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan
- Menjadi Jabatan contoh

PIAGAM PELANGGAN

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa
- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka

SLOGAN KUALITI

‘Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti’

DASAR KUALITI

- JAN adalah komited kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan Standard Pengauditan Antarabangsa
- JAN adalah komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua Objektif Kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa memenuhi kehendak pelanggan

OBJEKTIF KUALITI

- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan yang lengkap
- Menyiapkan pengauditan Pengurusan Kewangan dan mengeluarkan laporan mengenainya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh mula pengauditan
- Memastikan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun

BUDAYA KORPORAT

- **INTEGRITI**

  Mematuhi kod etika profesional dalam melaksana dan melaporkan penemuan Audit
- ***ESPRIT DE CORPS***

  Menekankan kepentingan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang produktif yang menekankan kepada semangat *esprit de corps* dan berinovasi
- **BERTANGGUNGJAWAB**

  Bertanggungjawab di dalam semua tindakan sama ada sebagai Juruaudit atau kakitangan Jabatan
- **PROFESIONALISME**

  Memastikan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan Audit dengan memberi penekanan kepada disiplin kakitangan dan kualiti kerja
- **KEBEBASAN**

  Melaksanakan tugas tanpa kekangan supaya dapat melapor dan memberi pendapat dengan bebas selaras dengan keperluan Akta Audit 1957
- **KUALITI**

  Memastikan kualiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan menekankan kepada budaya kerja yang baik dan pembangunan profesional yang berterusan

PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN AUDIT NEGARA 2011-2015

Perancangan strategik JAN bertujuan untuk membantu Jabatan dalam menghadapi dan mendepani cabaran pentadbiran modenisasi sektor awam dan perubahan landskap. Strategi dan program yang dirangka perlu bersesuaian dengan peranan JAN sebagai pemantau yang dapat menambah baik tadbir urus sektor awam agar segala dasar perbelanjaan kementerian, jabatan dan agensi dilakukan secara teliti, cekap dan berkesan serta mempunyai *value for money*.

Perancangan strategik ini menjadi rangka untuk memperkasakan Jabatan dan rangka kerja kepada pegawai dan kakitangan dalam menyediakan rancangan tahunan bagi mencapai visi, misi dan objektif Jabatan untuk tempoh 2011 hingga 2015. Dokumen ini, diharap menjadi panduan agar usaha yang berterusan dapat dilaksanakan bagi memastikan JAN terus relevan dan utuh dalam persekitaran sektor awam yang kian berkembang dan mencabar.

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

FOKUS 1 :

***Stakeholders*/Pelanggan**

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
1. Menyediakan laporan Audit yang berkualiti (format mudah difahami, fokus dan menitikberatkan impak kepada Kerajaan), *timely* dan seimbang	• Semua LKAN Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan disediakan sebelum 31 Mei tahun berikutnya • 70% isu-isu laporan diambil tindakan oleh auditi dalam tempoh ditetapkan • 70% tindakan susulan selepas mesyuarat PAC
2. Penglibatan aktif Jabatan dengan *stakeholders*/pelanggan	• Bilangan mesyuarat /forum/kumpulan kerja yang disertai • Bilangan penganjuran persidangan/simposium/seminar
3. Kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan	• Mencapai 95% tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberi

FOKUS 2 :

Produk/Perkhidmatan

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
1. Mengenalpasti topik kajian audit yang relevan dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) serta program dan aktiviti RMK-10, RMK-11 dan Koridor Pembangunan Wilayah	• Sekurang-kurangnya 2 projek/program/aktiviti dari NKRA/NKEA/RMK10/RMK11/ Koridor Wilayah Pembangunan
2. Menceburi bidang pengauditan baru seperti pengauditan forensik, ICT dengan mewujudkan kumpulan pakar *(Subject Matter Experts)* termasuk pakar pengauditan prestasi (tanah, kontrak, bangunan, pelaburan, pengurusan risiko, pembangunan laut, pulau dan sebagainya)	• 1-2 unit/kumpulan baru diwujudkan
3. Melaksanakan Pengauditan Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI), Pengauditan Prestasi, Syarikat, ICT dan Audit Khas setiap tahun berdasarkan sumber yang sedia ada	• Pelaksanaan 100% bilangan Pengauditan Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan AI tercapai • Pelaksanaan sekurang-kurangnya 95% bilangan Pengauditan Prestasi tercapai
4. Menjalankan penyelidikan untuk menambahbaik metodologi & pendekatan pengauditan	• Sekurang-kurangnya 2 kajian komprehensif dalam tempoh 5 tahun
5. Menjalankan dan membangunkan hasil inovasi pengauditan	• Sekurang-kurangnya 2 hasil inovasi pengauditan dibangunkan dalam tempoh 5 tahun

FOKUS 3 :

Modal Insan

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
1. Membuat penilaian kesesuaian penempatan kakitangan dan pegawai berdasarkan kelayakan serta kompetensi mereka	• Mengeluarkan garis panduan penempatan pegawai • 95% pematuhan polisi
2. Menyedia dan memperkemas pelan pembangunan kerjaya bagi pegawai yang berprestasi tinggi	• Pewujudan Pangkalan Data Khusus
3. Menjalankan program *cross-fertilisation* dengan sektor swasta	• Sekurang-kurangnya 2 pegawai setahun

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
4. Meningkatkan jumlah juruaudit berkelayakan Sarjana, PhD,kelayakan profesional dalaman (MIA/MICPA/CIA/MIT), kelayakan profesional lain (ACCA/ICAEW/CISA) dan sebagainya	• Mensasarkan seramai 20% Juruaudit berkelayakan Sarjana, PhD atau mempunyai kelayakan profesional
5. Penempatan secara kader kakitangan daripada pelbagai bidang seperti perangkawan dan juruanalisis perniagaan	• Sekurang-kurangnya seorang pegawai profesional diambil
6. Memperkemas garis panduan Juruaudit –pusingan kerja Juruaudit dibuat 3 hingga 5 tahun sekali	• 50% pematuhan
7. Menyediakan program latihan yang efektif (kemahiran teknikal dan *soft skills* serta menggalak pembelajaran berterusan)	• 90% pegawai dan kakitangan sedia ada Jabatan diberi latihan • 100% pegawai dan kakitangan baru dilatih
8. Menyemak semula dan memperkemas modul serta kaedah pembelajaran pengauditan, perakaunan, ICT dan pengurusan secara berkala Membangunkan modul pembelajaran *e-learning*	• Semakan sekurang_kurangnya 1 kali dalam tempoh 2 tahun • 2 kursus baru diperkenalkan setiap tahun • 1 modul baru pembelajaran dilaksanakan secara interaktif setiap 2 tahun
9. Membangun dan menyedia tenaga pengajar di Jabatan yang lebih efektif	• Setiap tenaga pengajar wajib menghadiri *Training of Trainers* (TOT) • Penilaian penceramah berdasarkan penilaian kursus pada skala sekurang-kurangnya purata 7 bagi 3 kursus terkini • Tenaga pengajar *(across the board)* boleh mengajar maksimum sebanyak 10 jam sebulan
10. Mengadakan kerjasama latihan dengan IPTA untuk meningkatkan peluang pembelajaran dan kelayakan akademik pegawai dan kakitangan dalam bentuk *smart partnership*	• Sekurang-kurangnya 2 program kerjasama dilaksanakan.
11. Membangunkan Akademi Audit Negara mengikut zon, wilayah masing-masing	• Satu Akademi wilayah dibangunkan dalam tempoh 5 tahun.
12. Menjalankan program kehidupan sihat bagi menjaga kebajikan pekerja untuk mengurangkan tekanan kerja dan meningkatkan motivasi dan produktiviti.	• Sekurang-kurangnya 2 program dilaksanakan setiap tahun

FOKUS 4 :

Organisasi

PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
1. Menjadikan JAN sebagai entiti bebas bagi membolehkan Jabatan mengurus sumber-sumbernya sendiri tanpa bergantung kepada kuasa pihak luar	• Penubuhan Suruhanjaya Audit Negara pada tahun 2015
2. Penstrukturan semula organisasi secara dinamik berdasarkan pola-pola aktiviti sektor/ cawangan dari semasa ke semasa	• Pengisian perjawatan pada tahap 90% hingga 95%
3. Meningkatkan infrastruktur ICT dari segi rangkaian, keselamatan dan peralatan serta membangunkan sistem Firma Audit Swasta (e-FAS), *Integrated Campus Management System* (ICMS) dan sebagainya bagi memenuhi keperluan Jabatan	• 90% peratus infrastruktur ICT memenuhi keperluan Jabatan dan sekurang-kurangnya 1 sistem dibangunkan secara *in-house* setiap tahun
4. Memaksimumkan dan memudahkan penggunaan Sistem Pengurusan Pengauditan (eSPP II) untuk mengurus dan memantau kerja pengauditan termasuk berfungsi sebagai Sistem Pengurusan Pengetahuan (*Knowledge Management System*)	• 100% penggunaan eSPP II • 1 hingga 2 penambahbaikan dijalankan setiap tahun
5. Menyediakan ruang pejabat sendiri melalui kaedah sewa-beli *(build-lease/transfer)* bagi ibu pejabat dan cawangan audit negeri	• Sekurang-kurangnya 2 pejabat baru siap dibina menjelang 2015
6. Meneruskan khidmat bantuan kepada institusi audit luar negara dalam *Capacity Builiding* (latihan kepakaran, program sangkutan, menyemak garis panduan)	• Sekurang-kurangnya 2 pegawai dihantar setiap tahun
7. Penglibatan aktif dalam kumpulan kerja peringkat ASOSAI/INTOSAI dan mengaudit akaun pertubuhan antarabangsa	• Sekurang-kurangnya 2 pegawai mengambil bahagian
8. Mengetengah kajian audit/inovasi Jabatan melalui sumbangan artikel dalam ASOSAI/INTOSAI	• Sekurang-kurangnya 1 artikel disumbang setiap tahun • Sekurang-kurangnya 1 produk inovasi dihasilkan dan digunakan sepenuhnya

PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT JABATAN AUDIT NEGARA 2011-2015

Visi ICT :

Peneraju Utama Pengauditan Sektor Awam Yang Berkualiti Berteraskan ICT Menjelang Tahun 2020

Misi ICT :

Memantapkan ICT Ke Arah Transformasi Pengauditan Yang Lebih Efisien Dan Efektif

Teras 1 :

Pemantapan Tadbir Urus ICT JAN

Teras 2 :

Pengukuhan Aplikasi Dan Perkongsian Maklumat

Teras 3 :

Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT

Teras 4 :

Pengukuhan Pembudayaan Dan Pengurusan Perubahan Dalam ICT

KOD ETIKA JURUAUDIT

Kod Etika dikeluarkan untuk menjadi panduan kepada semua anggota Audit selaras dengan hasrat bagi mempertingkatkan prestasi dan profesionalisme Jabatan bersesuaian dengan fungsi Jabatan untuk meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan wang awam

- Keutuhan
- Kebebasan, Adil dan Saksama
- Profesionalisme
- Tadbir Urus yang baik
- Kerahsiaan
- Kompetensi dan Ketelitian Profesional yang sewajarnya
- Jaminan Kualiti
- Disiplin Diri
- Perancangan Kepentingan
- Penglibatan Dalam Aktiviti Luar

SEJARAH DAN EVOLUSI

SEJARAH DAN EVOLUSI

Institusi Audit Negara di Tanah Melayu dikesan bermula pada awal abad ke-20 iaitu semasa zaman penjajahan Inggeris. Institusi ini merupakan salah satu organisasi perkhidmatan awam yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris bagi mengukuhkan sistem pentadbiran kewangan Kerajaan pada masa itu. Ia diwujudkan secara berasingan di 4 buah Negeri Melayu Bersekutu iaitu Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang serta 3 Negeri Selat iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura.

Di setiap Negeri Melayu Bersekutu, Institusi ini dikenali dengan nama *Audit Office* dan diketuai oleh *State Auditor*. Dengan dibantu kakitangan seramai lebih kurang 10 orang, *State Auditor* ini juga dikenali sebagai *Revenue Auditor* bertanggungjawab mengaudit akaun Perbendaharaan Negeri masing-masing terutamanya hasil negeri. Ibu pejabat bagi *Audit Office* ini terletak di Kuala Lumpur dan diketuai oleh seorang *Chief Auditor*. Beliau yang mempunyai kakitangan seramai lebih kurang 40 orang menyelaras tugas pengauditan di peringkat negeri selain daripada menyediakan laporan untuk dikemukakan kepada Ratu England.

Institusi Audit Negara yang lebih tersusun dari segi struktur dan bidang tugasnya bermula pada 26 November 1906. Ia merupakan tarikh bersejarah apabila jawatan *Auditor-General of the Federated Malay States* yang pertama diwujudkan bagi menggantikan jawatan *Chief Auditor*. Bekas Setiausaha Residen British Negeri Perak pada ketika itu, W.J.P Hume telah dilantik bagi memegang jawatan ini.

Bagi Negeri-Negeri Selat pula, Institusi Audit dikesan wujud di akhir abad ke-19 namun ianya berpusat di Singapura dan hanya melibatkan 2 negeri di Semenanjung Tanah Melayu iaitu Pulau Pinang dan Melaka.

Antara tahun 1906 hingga 1931 kedua-dua Institusi ini terus wujud secara berasingan antara Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat dan mengalami berbagai perubahan pada skop kerja dan perjawatannya selaras dengan keperluan semasa. Pada tahun 1932 satu penstrukturan semula telah dilakukan oleh pihak Inggeris di mana kedua-dua Institusi ini digabungkan dan dikenali dengan nama *Audit Department Of The Straits Settlements And The Federated Malay States*. Semasa pihak Inggeris meluaskan pengaruhnya ke Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu ia turut memperkenalkan bersama Institusi ini apabila pada tahun 1934 *Auditors of the Straits Settlements and the Federated Malay States* dilantik menjadi *Audit Advisor* di negeri-negeri tersebut. Sejak daripada itu sistem pengauditan yang lebih menyeluruh tersebar ke semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Jumlah kakitangan keseluruhan Pejabat Audit telah meningkat daripada 40 jawatan pada tahun 1906 kepada 140 jawatan pada tahun 1932 menunjukkan peningkatan beban kerja selaras dengan perkembangan sistem pentadbiran Kerajaan pada masa itu.

Semasa Perang Dunia Kedua meletus antara tahun 1941 hingga 1946, Institusi ini telah dikuasai oleh Penjajah Jepun. Walaupun tidak banyak maklumat yang diperolehi, namun adalah dipercayai pemerintah Jepun tidak melakukan banyak perubahan berkaitan bentuk pengauditan dan pelaporan yang diamalkan.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, jawatan *Auditor General Of The Federation Of Malaya* mula dikenali dengan nama Juru Odit Negara Persekutuan Tanah Melayu. Sejak dari tahun ini juga peranan dan fungsi Institusi Audit Negara menjadi semakin penting.

Sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan daripada pihak Inggeris, sebahagian besar jawatan tertinggi Kerajaan pada ketika itu termasuklah jawatan Juru Odit Negara masih lagi disandang oleh pegawai-pegawai Inggeris. Hanya pada tahun 1963, Jawatan Ketua Audit Negara yang pertama disandang oleh anak tempatan iaitu En. S. Kandiah memandangkan sebelum dari tarikh ini jawatan tersebut dilantik di kalangan pegawai British *Colonial Audit Service*.

MANTAN

KETUA AUDIT NEGARA

MANTAN
KETUA AUDIT NEGARA

Auditor General of the Federated Malay States/States of the Straits Settlement

1906 – 1911 W.J.P Hume
1911 – 1919 F.W Talbot
1919 – 1931 G.P Bradney

Auditor General of the Colonial Administration

1932 – 1936 G.P Bradney
1936 – 1946 L.G Corney

Auditor Malayan Union


1946 – 1947 R. McDonald

Director of Audit, Malaya

1948 – 1951 R. McDonald
1951 – 1954 C.W.S Seed



H.M.Watson
1957 – 1960



D.G. Bompas
1960 – 1966



S.Kandiah
1966 - 1969



Haji Mohd Zain bin Ahmad
1969 – 1975



Tan Sri Ahmad Noordin bin Haji Zakaria
1975 – 1986



Tan Sri Dato' Ishak bin Tadin
1986 – 1994




Datuk Haji Mohd. Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor
1994 – 2000




Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil
2000 -2006

CARTA
ORGANISASI

CARTA ORGANISASI JABATAN AUDIT NEGARA




KETUA AUDIT NEGARA
SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI
Timbalan Ketua Audit Negara
ZON I
JAN NEGERI SARAWAK
Pengarah Audit Negeri
JAN NEGERI PAHANG
Pengarah Audit Negeri
JAN NEGERI TERENGGANU
Pengarah Audit Negeri
JAN NEGERI KELANTAN
Pengarah Audit Negeri
ZON II
JAN NEGERI SABAH
Pengarah Audit Negeri
JAN NEGERI PERAK
Pengarah Audit Negeri
JAN NEGERI PULAU PINANG
Pengarah Audit Negeri
JAN NEGERI KEDAH
Pengarah Audit Negeri
JAN NEGERI PERLIS
Pengarah Audit Negeri
ZON III
JAN NEGERI SELANGOR
Pengarah Audit Negeri
JAN NEGERI JOHOR
Pengarah Audit Negeri
JAN NEGERI MELAKA
Pengarah Audit Negeri
JAN NEGERI SEMBILAN
Pengarah Audit Negeri
SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
Pengarah
BAHAGIAN KEWANGAN
Timbalan Pengarah Audit
CAWANGAN KEWANGAN 1
Ketua Penolong Pengarah Audit
CAWANGAN KEWANGAN 2
Ketua Penolong Pengarah Audit
CAWANGAN KEWANGAN 3
Ketua Penolong Pengarah Audit
CAWANGAN KEWANGAN 4
Ketua Penolong Pengarah Audit
CAWANGAN KEWANGAN 5
Ketua Penolong Pengarah Audit
BAHAGIAN SOSIAL
Timbalan Pengarah Audit
CAWANGAN SOSIAL 1
Ketua Penolong Pengarah Audit
CAWANGAN SOSIAL 2
Ketua Penolong Pengarah Audit
CAWANGAN SOSIAL 3
Ketua Penolong Pengarah Audit
CAWANGAN SOSIAL 4
Ketua Penolong Pengarah Audit
BAHAGIAN SYARIKAT
Timbalan Pengarah Audit
CAWANGAN SYARIKAT 1
Ketua Penolong Pengarah Audit
CAWANGAN SYARIKAT 2
Ketua Penolong Pengarah Audit
SEKTOR AUDIT KHAS & PENYELIDIKAN
Pengarah
BAHAGIAN PENGAUDITAN AIR
Pengarah
BAHAGIAN KAJIAN KHAS
Timbalan Pengarah Audit
BAHAGIAN PENGAUDITAN ICT
Timbalan Pengarah Audit
BAHAGIAN PENYELIDIKAN
Timbalan Pengarah Audit
BAHAGIAN PENGAUDITAN ALAM SEKITAR
Timbalan Pengarah Audit
BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT
Timbalan Pengarah Audit




GAN PENGURUSAN KEWANGAN
AKAUNTABILITI TAHUN 20
ALAYSIA
AN INOVASI






THE 4TH SEMINAR ON
ENVIRONMENTAL AUDITING & 3RD WORKING MEETING
OF
ASOSAI WORKING GROUP ON ENVIRONMENTAL AUDIT (WGEA)
18 - 20 SEPTEMBER 2012




SELAMAT MENYAMBUT
MAULIDUR RASUL 1433 H



IMBASAN PERISTIWA DAN AKTIVITI

IMBASAN PERISTIWA DAN AKTIVITI

TARIKH	PERISTIWA
25 – 27 Januari	INTOSAI *Working Group On IT Audit*
26 Januari	Perasmian Wisma Audit Negeri Sembilan
05 Februari	Perarakan Dan Perhimpunan Sempena Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Kebangsaan Tahun 1433H/2012M
08 Februari	Perasmian *Working Group on Fighting Against Corruption and Money Laundering* (WGFACML)
09 -10 Februari	ASEANSAI *Committee Meeting*, Kota Kinabalu Sabah
14 – 17 Februari	Bengkel *Task Force Group* Program Bersepadu Potensi Dan Kompetensi (PROSPEK)
24 Februari	Majlis Penghargaan Kepada Kontinjen JAN Kerana Muncul Sebagai Johan Perarakan Sempena Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Kebangsaan Tahun 1433H/2012M
28 Februari – 03 Mac	12th ASOSAI *Assembly*, Jaipur India
29 May	Majlis Menandatangani MOU di Antara JAN dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
12 Jun	*Town Hall* Audit Sekolah
07 Ogos	Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan ke-55 Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, JAN dan Jabatan Imigresen Malaysia
08 Ogos	Kunjungan Hormat Ketua Setiausaha Negara
	Town Hall Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
09 Ogos	*Town Hall* Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan
28 Ogos	*Town Hall* Sektor Audit Khas & Penyelidikan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Pengurusan
03 – 13 September	Lawatan Kerja KAN ke Australia
18 – 20 September	*The 4th Seminar on Environmental Auditing and 3rd Working Meeting ASOSAI Working Group on Environmental Auditing (WGEA)*
01- 02 Oktober	Hari Audit Se- Malaysia, Persidangan Juruaudit Sektor Awam Dan Majlis Makan Malam Bersama KAN Bagi Tahun 2012
03 Oktober	Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011 Bagi Kementerian, Jabatan Persekutuan Dan Badan Berkanun Persekutuan
11 Oktober	*Town Hall* Unit Audit Dalam
15 Oktober	Pembentangan LKAN Tahun 2011 (Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan)
	Taklimat LKAN 2011 Kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam
16 Oktober	*Town Hall* Bahagian/Unit Audit Dalam
21 Oktober	Perasmian Wisma Audit Negeri Kelantan
05 – 06 November	Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) JAN & Hari Inovasi JAN 2012
22 November	Pembentangan LKAN Tahun 2011 (Badan Berkanun Persekutuan)
26 November	Majlis Penghargaan Pegawai JAN dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
29 November – 01 Disember	Persidangan Sektor Pengurusan
03 – 05 Disember	Persidangan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
04 – 05 Disember	Persidangan Akademi Audit Negara
12 Disember	*Seminar On Enhancing Synergy To Face New Challenges In Public Sector Auditing*
18 – 21 Disember	Persidangan Sektor Audit Khas & Penyelidikan
20 – 21 Disember	Persidangan Sektor Audit Kerajaan Negeri
22 – 23 Disember	Persidangan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan

LAPORAN AKTIVITI SEKTOR
AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN


SELAMAT MENYAMBUT
MAULIDUR RASUL 1433 H (A1050)
"Persefahaman Asas Perpaduan Ummah"

LAPORAN AKTIVITI SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN



Lau Tze Ngiik
Pengarah Bahagian I

Dato' Hj. Anwari Bin Suri
Timbalan Ketua Audit Negara
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan

Hj. Abdul Rashid Bin Yaakub
Pengarah Bahagian II



Yusnani Binti Zakaria
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Syarikat)



Hj. Mohd Said Bin Supar
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Kesihatan)



Hjh. Noraini Binti Wahab
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Pertahanan)



Hj. Mohd Zaki Bin Ismail
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Pendidikan)



Nor Salwani Binti Hj. Mohammad
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Jabatan Perdana Menteri)



Hjh. Raftah Binti Ibrahim
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Kewangan)



Chiew Koh Chon
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri)



Hj. Muhammad Iskandar Bin Hj. Mokhtar
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Cukai Pendapatan)



Abdul Aziz Bin Shaari
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Kerja Raya)

Marlia Binti Abas
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Penerangan)

Paul Chai Sin Ngee
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Kastam)

Mona Binti Othman
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit PKJ I)



Farida Binti Veerankutty
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit PKJ II)

Sharifah Zarina Binti Syed Ahmad
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit PKJ III)

Yati Binti Md. Lasa
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Pengangkutan)

Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Pertanian & Industri Asas Tani)

Jacinta Wong Ngouk Hua
Timbalan Pengarah Audit
(Cawangan Audit Kementerian Pengajian Tinggi)

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN



Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diterima daripada Jabatan Akauntan Negara pada 04 Mac 2012. Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2011 disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wan Selamah Binti Wan Sulaiman, Akauntan Negara Malaysia kepada YBhg. Dato' Hj. Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan).

Pengauditannya telah selesai dijalankan dan sijil bersih telah dikeluarkan pada 29 Mei 2012.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

JAN telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) dalam pengauditan pengurusan kewangan dengan memberikan markah terhadap tahap pematuhan oleh Kementerian/Jabatan yang diaudit. Pengiraan markah ini akan membolehkan JAN memberikan *rating* dan juga *ranking* Kementerian/Jabatan terlibat.

Setiap Kementerian/Jabatan akan dinilai berdasarkan hasil pengauditan terhadap kriteria yang telah ditetapkan bagi setiap indikator/sub indikator di bawah 6 elemen yang disebut di atas dan juga hasil analisis prestasi kewangan sesuatu tahun kewangan. Hasil penilaian akan diberi skor antara 1 hingga 4 bintang berdasarkan tahap pematuhan Kementerian/Jabatan terhadap undang-undang/peraturan kewangan. Skor yang diperolehi akan dijumlahkan berasaskan wajaran yang ditetapkan bagi mendapat markah keseluruhan.


Secara umumnya, sesuatu Kementerian/Jabatan akan diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti berikut:

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90 - 100	Cemerlang (Sangat Baik)	★★★★
70 - 89	Baik	★★★
50 - 69	Memuaskan	★★
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	★


Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dilaksanakan di kesemua 25 Kementerian dan 4 Jabatan wajib iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Bagi tahun 2012, pengauditan *across the board* akan dijalankan terhadap Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Pelajaran Negeri, di mana kesemua cawangan di 13 negeri telah dipilih untuk diaudit. Selain itu, pengauditan juga dijalankan di 42 dari 109 Jabatan Persekutuan lain yang dipilih mengikut giliran pusingan bagi tempoh 3 tahun.

Manakala bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 pula, Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI telah dilaksanakan di kesemua 25 Kementerian dan 42 Jabatan Persekutuan (termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia). Pengauditan *across the board* pula dijalankan terhadap Polis Di Raja Malaysia. Prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/ Jabatan Persekutuan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 berdasarkan pengauditan yang dilaksanakan untuk Kerajaan Persekutuan adalah seperti di carta berikut:


PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 HINGGA 2011



PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 HINGGA 2011



PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 HINGGA 2011



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2012, sebanyak 65 pengauditan prestasi yang melibatkan aktiviti Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan cukai dan ICT Tahun 2012. Pengauditan prestasi yang dilaksanakan adalah seperti di jadual berikut:

PENGAUDITAN PRESTASI YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2012

BIL.	CAWANGAN AUDIT	TAJUK
1.	Syarikat Kerajaan	Prestasi Kewangan Syarikat Secara Keseluruhan Dan Pengawasan Syarikat Kerajaan Oleh Kementerian Kewangan
2.	Cukai Pendapatan	Pengurusan Skim Bayaran Ansuran Syarikat (Borang CP204)
		Projek Pembinaan Pusat Pemprosesan, Pengeluaran Dan Gudang, Bangi
		Case Management System (CMS)
		Pengurusan Aktiviti Audit Luar Terhadap Cukai Pendapatan Syarikat
		Pengurusan Percukaian Petroleum
3.	Jabatan Perdana Menteri	Pengurusan Penerimaan Aset Alih Dan Tak Alih, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
		Pengurusan Geran, Bayaran Aktiviti Dan Pengumpulan Maklumat Rukun Tetangga, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional
		Pengurusan Pembinaan Dan Penyenggaraan Alat Rangkaian *Trunk Radio*, Majlis Keselamatan Negara
		Pembinaan Kompleks Markas Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), Majlis Keselamatan Negara
		Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Guna Sama Kerajaan Persekutuan
4.	Kastam	Pengurusan Aktiviti Eksport
		Pengurusan Risiko Untuk Pelepasan Dagangan Import Kargo Udara
		Kawalan Terhadap Kedai Bebas Cukai
		Taksiran Duti Kastam
5.	Kementerian Dalam Negeri	Pembinaan Kompleks CIQ Dan Jeti Penumpang Di Muara Sungai Melaka
		Pengurusan Perolehan Pesawat *Beechcraft King Air* 350 Untuk Pasukan Gerakan Udara, Polis DiRaja Malaysia
		Pengurusan Aktiviti Pendaftaran Pertubuhan, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
		Pengurusan Kad Pintar Pelbagai Guna MyKad, Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
		Program Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran
		Pengurusan Kehilangan Aset Pasukan, Polis DiRaja Malaysia
6.	Kementerian Kerja Raya	Pentadbiran Kontrak Bagi Projek JKR
		Pengurusan Fasiliti Bangunan Guna Sama Persekutuan
		Pengurusan Projek Sakit Oleh Jabatan Kerja Raya
7.	Kesihatan	Pengurusan Program Latihan Kejururawatan
		Pengurusan Ambulans
		Pengurusan Aktiviti Pendidikan Kesihatan
		Pengurusan Kemudahan Pakaian Seragam
		Pengurusan Program Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekitar (BAKAS)
8.	Kewangan	Pengurusan Dana Syarikat Yang Ditubuhkan oleh Kementerian
		Pengurusan Wang Jaminan Pelaksanaan
		Pengurusan Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal Dan Pembatalan Bayaran
		Pengurusan Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor
9.	Pelajaran	Pengurusan Program Susu 1 Malaysia
		Projek Pembinaan Dan Perolehan Peralatan Prasekolah

BIL.	CAWANGAN AUDIT	TAJUK
		Pengurusan Perkhidmatan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan Di Sekolah / Institusi Pendidikan
		Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Sekolah / Institusi Pendidikan
		Pengurusan Projek Khas Kementerian Pelajaran Malaysia
10.	Pelbagai Kementerian/ Jabatan I	Pengurusan Projek Kemudahan Rekreasi Di Sekitar Bandaraya Kuala Lumpur
		Pengurusan Pemberian Bantuan, Jabatan Belia Dan Sukan Negara
		Projek *River Of Life* (Fasa 1)
		Pengurusan Akademi Kemahiran Belia Golf Bukit Kiara
11.	Pelbagai Kementerian/ Jabatan II	Pengurusan Kenderaan Dan Jentera, Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia
		Pengurusan Projek Insinerator, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
		Pengurusan Projek Pusat Transformasi Luar Bandar
12.	Pelbagai Kementerian/ Jabatan III	Pengurusan Pemberian Bantuan Kewangan Kepada Badan-badan Bukan Kerajaan NGO, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
		Pengurusan Projek Sistem Pembetungan Negara Di Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air
13.	Penerangan	Projek Perkhidmatan Panggilan Kecemasan (MERS 999)
		Pengurusan Perolehan Dan Penggantian Peralatan Studio Radio
		Pembinaan Bangunan Tambahan Dan Naik Taraf Bumbung, Balai Seni Visual Negara
		Pengurusan Pelantikan Artis Berjadual Dan *Piecemeal*, Jabatan Penyiaran Malaysia
14.	Pengajian Tinggi	Pengurusan Menaik Taraf Kolej Komuniti
15.	Pengangkutan	Projek Peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah
		Projek Pembinaan Dan Pembaikan / Menaik Taraf Jeti Penumpang Dan Guna Sama Untuk Keselamatan, Jabatan Laut Malaysia (JLM)
16.	Pertahanan	Pengurusan Rangsum Kering Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia
		Pengurusan Peralatan Perubatan Hospital, Angkatan Tentera Malaysia
		Pengurusan Penggunaan Dan Penyenggaraan Pesawat Pejuang SUKHOI, SU-30 MKM
		Projek Pembangunan Semula Kompleks Bangunan Kolej Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut, Perak
		Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Pangkalan Udara, Tentera Udara Diraja Malaysia, Labuan, Sabah
		Projek Pembinaan Kolej Tentera Darat, Port Dickson
17.	Pertanian & Industri Asas Tani	Perikanan Marin Dan Alam Sekitarnya
		Pembinaan Ladang Satelit, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
18.	Sabah	Pengurusan Projek Penyenggaraan Dan Pembaikan Cerun Di Negeri Sabah
19.	Sarawak	Pengurusan Projek Bangunan Sekolah Di Negeri Sarawak
		Pengurusan Program Pengedaran Barang Perlu Di Negeri Sarawak

GAMBAR AKTIVITI SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN




Lawatan Tapak bagi Pengauditan Program Susu 1 Malaysia (PS1M)



Pengurusan Perolehan Jentera, Peralatan Dan Kelengkapan, Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia



Peningkatan Lapangan Terbang Kota Kinabalu (Pakej 1 & Pakej 2)





Pengurusan Aset Alih Dan Tak Alih Di Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia



Pengurusan Aktiviti Pendidikan Kesihatan



Lawatan Tapak ke Projek Insinerator Pulau Langkawi





Projek Perkhidmatan Malaysian Emergency Response Services 999

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pada tahun 2012, Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 8 syarikat Kerajaan Persekutuan dan 5 anak syarikat Kerajaan Persekutuan, di mana lebih daripada 50% modal saham berbayarnya dipegang oleh Kerajaan Persekutuan. Syarikat yang diaudit adalah seperti di jadual berikut:

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT DAN ANAK SYARIKAT TAHUN 2012

BIL.	SYARIKAT
1.	Khazanah Nasional Berhad
2.	Bank Perusahaan Kecil & Sederhana (SME) Berhad
3.	Bank Pertanian (Agrobank)
4.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad
5.	Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.
6.	Malaysia Debt Ventures Berhad
7.	Sepang International Circuit Sdn. Bhd.
8.	Megajana Sdn. Bhd.
BIL.	**ANAK SYARIKAT**
1.	Sarawak Hidro Sdn. Bhd.
2.	Plug & Play Technology Management Sdn. Bhd.
3.	KTMB (Car Park) Sdn. Bhd.
4.	Technology Park (M) College Sdn. Bhd.
5.	CTRM Aviation Sdn. Bhd.

PENGAUDITAN LAIN

KAJIAN KHAS

Pengauditan ini dilaksanakan terhadap aktiviti tertentu atas permintaan Agensi Pusat/*stakeholder* serta bagi memenuhi keperluan/syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi antara Kerajaan dengan pihak pemegang konsesi. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2012 adalah seperti di jadual berikut:

KAJIAN KHAS ATAS PERMINTAAN AGENSI PUSAT/*STAKEHOLDER* TAHUN 2012

BIL.	TAJUK KAJIAN
1.	Pengesahan *User Fee* Dan Tuntutan MARCS oleh Malaysia Airports Holdings Berhad
2.	Pengesahan Tuntutan Subsidi Dan Insentif (RAS) Perkhidmatan Udara Luar Bandar oleh MASWings Sdn. Bhd.
Pada tahun 2012, sebanyak 8 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang pembinaan/pengurusan bangunan dan kemasyarakatan/sosial dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2012

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Pengurusan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Terengganu	Mahkamah Syariah Negeri Terengganu
2.	Pembinaan Rumah Kedai Bagi Pusat Pertumbuhan Desa	• Unit Perancang Ekonomi Negeri • Pejabat Daerah Dungun • Pejabat Daerah Marang • Pejabat Daerah Kemaman • Pejabat Daerah Hulu Terengganu • Pejabat Daerah Setiu • Pejabat Daerah Besut • Pejabat Daerah Kuala Terengganu • Majlis Daerah Besut • Majlis Perbandaran Kemaman • Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
3.	Program Rumah Mampu Milik/Rumah Pangsa Mampu Milik	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
4.	Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu
5.	Pengurusan Pelesenan	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
6.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
7.	Projek Pembinaan Dan Menaik Taraf Jalan Kampung, Jeti Dan Jambatan Daerah Kemaman	Pejabat Daerah Kemaman
8.	Pengurusan Pinjaman Pelajaran	Yayasan Terengganu

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat dijalankan terhadap 4 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT TAHUN 2012

BIL.	SYARIKAT
1.	Permodalan YPK Sdn. Bhd.
2.	Permint Minerals Sdn. Bhd.
3.	Telemate Telesystems Sdn. Bhd.
4.	Sterling Hecters Sdn. Bhd.



Rose Zainam Binti Ahmad
Timbalan Pengarah Audit Negeri,
Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan

Mohamed Ziadi Bin Zakaria
Pengarah Audit Negeri,
Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI KELANTAN

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2012, sebanyak 22 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan, Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2011 telah disahkan. Manakala 1 Agensi sedang dalam proses pengesahan.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2011 BERBANDING TAHUN 2010

BIL.	AGENSI	SIJIL AUDIT			
		TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
		2010	2011	2010	2011
1.	Badan Berkanun Negeri	9	7	0	1
2.	Kerajaan Negeri	1	1	0	0
3.	Majlis Agama Islam	1	1	0	0
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	12	12	0	0
JUMLAH		**23**	**21**	**0**	**1**

Nota: Tiada Sijil Bertentangan Dan Penafian Dikeluarkan Pada Tahun 2010 Dan 2011

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Penarafan tahap Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2011 telah diperoleh oleh 10 Jabatan/Agensi Negeri bagi penarafan 4 bintang (sangat baik), 10 mencapai penarafan 3 bintang (baik) dan 1 mencapai penarafan 2 bintang (memuaskan). Manakala pada tahun 2012 pula JAN Negeri ini telah melaksanakan sebanyak 18 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI merangkumi 10 Kementerian/Jabatan Negeri, 2 Badan Berkanun Negeri, 1 Majlis Agama Islam, 4 Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Perbendaharaan Negeri.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI) TAHUN 2012

BIL	JABATAN
1.	Perbendaharaan Negeri Kelantan
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan
3.	Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
5.	Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan
6.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
7.	Pejabat Tanah Dan Jajahan Gua Musang
8.	Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok
9.	Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh
10.	Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan
11.	Jabatan Perikanan Negeri Kelantan
BIL.	**BADAN BERKANUN NEGERI**
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
2.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

BIL.	MAJLIS AGAMA ISLAM
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
BIL.	**PIHAK BERKUASA TEMPATAN**
1.	Majlis Daerah Kuala Krai
2.	Majlis Daerah Tanah Merah
3.	Majlis Daerah Machang
4.	Majlis Daerah Pasir Puteh

PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2012, sebanyak 7 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan pertanian/ penternakan, kemasyarakatan/sosial, dan lain-lain perkhidmatan kerajaan telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2012

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Pengurusan Pengagihan Bantuan Kebajikan Masyarakat	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
2.	Program Subsidi Baja Padi	Pejabat Pembangunan Negeri
3.	Program Bantuan Rumah Dhua'fa	• Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu • Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas • Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat • Pejabat Pembangunan Negeri
4.	Pengurusan Zakat	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
5.	Pengurusan Sisa Pepejal	• Majlis Daerah Pasir Mas • Majlis Daerah Tumpat
6.	Pengurusan Rezab Ragut Haiwan Negeri Kelantan	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
7.	Pengurusan Pembalakan	Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 4 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri.

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT TAHUN 2012

BIL.	SYARIKAT
1.	Infra Quest Sdn. Bhd.
2.	Kelkon Sdn. Bhd.
3.	Kelstone Sdn. Bhd.
4.	Ladang Tapis Sdn. Bhd.



Hj. Amir Zaki Bin Ahmad
Pengarah Audit Negeri,
Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang



Noriza Binti Abd. Hamid
Timbalan Pengarah Audit Negeri,
Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PULAU PINANG

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2012 sebanyak 12 Penyata Kewangan iaitu Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2011 telah disahkan.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGANTAHUN 2011 BERBANDING TAHUN 2010

BIL.	AGENSI	SIJIL AUDIT			
		TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
		2010	2011	2010	2011
1.	Badan Berkanun Negeri	7	8	-	-
2.	Kerajaan Negeri	1	1	-	-
3.	Majlis Agama Islam	1	1	-	-
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	2	1	-	1
JUMLAH		**11**	**11**	**0**	**1**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI

Penarafan tahap Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2011 telah diperoleh oleh 4 Jabatan/Agensi Negeri bagi penarafan 4 bintang (sangat baik) dan 3 mencapai penarafan 3 bintang (baik). Manakala pada tahun 2012 pula JAN Pulau Pinang telah melaksanakan sebanyak 12 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI merangkumi 7 Jabatan Negeri, 3 Badan Berkanun Negeri, 1 Majlis Agama Islam dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI) TAHUN 2012

BIL.	JABATAN
1.	Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah
4.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang
6.	Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang
7.	Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya
BIL.	**BADAN BERKANUN NEGERI**
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
2.	Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang
3.	Perbadanan Bukit Bendera
BIL.	**MAJLIS AGAMA ISLAM**
1.	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
BIL.	**PIHAK BERKUASA TEMPATAN**
1.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang

PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2012 sebanyak 8 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan alam/alam sekitar, pengurusan bangunan, hal-hal keagamaan, kemasyarakatan/sosial, pengurusan kutipan hasil negeri dan pengurusan/penyenggaraan aset kerajaan telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2012

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Pengurusan Perumahan Awam	Majlis Perbandaran Pulau Pinang
2.	Kutipan Hasil Cukai Tanah	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara & Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut
3.	Pengurusan Pengeluaran Sijil Halal	Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang
4.	Projek Mendalam Dan Membaiki Sungai	Jabatan Pengairan Dan Saliran Pulau Pinang
5.	Pengurusan Bantuan Am	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
6.	Pengurusan Pembangunan Batu Kawan	Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang
7.	Pengurusan Kenderaan	Majlis Perbandaran Seberang Perai
8.	Pengurusan Zakat	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 4 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri.

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT TAHUN 2012

BIL.	SYARIKAT
1.	PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.
2.	PDC Properties Sdn. Bhd.
3.	PDC Setia Urus Sdn. Bhd.
4.	As-Sahabah Urus Zakat



Jaafar Bin Md Gauth
Timbalan Pengarah Audit Negeri,
Jabatan Audit Negara Negeri Melaka

Abid Bin Abdul Jalil
Pengarah Audit Negeri,
Jabatan Audit Negara Negeri Melaka

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI MELAKA

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2012 sebanyak 17 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka, Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2011 telah disahkan.

BIL.	AGENSI	SIJIL AUDIT			
		TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
		2010	2011	2010	2011
1.	Kerajaan Negeri	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	8	10	3	1
3.	Majlis Agama Islam	1	1	0	0
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	3	3	1	1
JUMLAH		**13**	**15**	**4**	**2**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Penarafan tahap Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2011 telah diperoleh oleh 5 Jabatan/Agensi Negeri bagi penarafan 4 bintang (sangat baik) dan 8 mencapai penarafan 3 bintang (baik). Manakala pada tahun 2012 JAN Negeri telah melaksanakan sebanyak 13 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI merangkumi 6 Jabatan Negeri, 5 Badan Berkanun Negeri, 1 Majlis Agama Islam dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan.

BIL.	JABATAN
1.	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka
2.	Jabatan Ketua Menteri Melaka
3.	Jabatan Kerja Raya Melaka
4.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Melaka
5.	Mahkamah Syariah Negeri Melaka
6.	Jabatan Pertanian Negeri Melaka
BIL.	**BADAN BERKANUN NEGERI**
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
2.	Yayasan Melaka
3.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka
4.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
BIL.	**MAJLIS AGAMA ISLAM**
1.	Majlis Agama Islam Melaka
BIL.	**PIHAK BERKUASA TEMPATAN**
1.	Majlis Perbandaran Alor Gajah

PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2012 sebanyak 7 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan kemasyarakatan/ sosial, projek pembinaan dan pengurusan kutipan hasil telah dilaksanakan.

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Pengurusan Permohonan Tukar Syarat Tanah	Pejabat Tanah dan Daerah Melaka Tengah
2.	Pengurusan Permohonan Hak Milik Strata	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka
3.	Pengurusan Gerai Dan Pasar	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
4.	Pengurusan Program Pembangunan Rakyat Termiskin	Unit Pembela, Pembangunan Desa Dan Pemantauan ADUN Melaka, Jabatan Ketua Menteri
5.	Projek Pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka	Mahkamah Syariah Negeri Melaka
6.	Pengurusan Tadika	Jabatan Agama Islam Melaka
7.	Pengurusan Zakat	Majlis Agama Islam Melaka

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 4 Syarikat Kerajaan Negeri

BIL.	SYARIKAT
1.	Melaka Sentral Sdn.Bhd.
2.	Pemasaran Melaka Sdn.Bhd.
3.	YM Mediscience Sdn.Bhd.
4.	Invest Melaka Sdn.Bhd.



Zulkifli Bin Tungal
Pengarah Audit Negeri,
Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan

Mariaty Binti Mohd Ali
Timbalan Pengarah Audit Negeri,
Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SEMBILAN

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2012 sebanyak 15 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan, Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2011 telah disahkan serta memperoleh Sijil Audit Tanpa Teguran.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2011 BERBANDING TAHUN 2010

BIL.	AGENSI	SIJIL AUDIT TANPA TEGURAN	
		2010	2011
1.	Badan Berkanun Negeri	5	5
2.	Kerajaan Negeri	1	1
3.	Majlis Agama Islam	1	1
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	8	8
JUMLAH		**15**	**15**

Nota: Tiada Sijil Bertentangan Dan Penafian Dikeluarkan Pada Tahun 2010 Dan 2011

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Penarafan tahap Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2011 telah diperoleh oleh 6 Jabatan/Agensi Negeri bagi penarafan 4 bintang (sangat baik) dan 6 Jabatan/Agensi mencapai penarafan 3 bintang (baik). Manakala pada tahun 2012 pula JAN Negeri ini telah melaksanakan sebanyak 14 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI merangkumi 8 Jabatan, 2 Badan Berkanun Negeri, 1 Majlis Agama Islam dan 3 Pihak Berkuasa Tempatan.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI) TAHUN 2012

BIL.	JABATAN
1.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan
2.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan
3.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Sembilan
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan
5.	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan
6.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan
7.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
8.	Pejabat Kewangan Negeri Sembilan
BIL.	**BADAN BERKANUN NEGERI**
1.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan
BIL.	**MAJLIS AGAMA ISLAM**
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
BIL.	**PIHAK BERKUASA TEMPATAN**
1.	Majlis Daerah Rembau
2.	Majlis Perbandaran Nilai
3.	Majlis Perbandaran Port Dickson

PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2012, sebanyak 7 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan pertanian/penternakan, pembinaan/pengurusan bangunan, kemasyarakatan/sosial, bekalan air dan pengurusan kutipan hasil negeri telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2012

BIL.	TAJUK KAJIAN	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
1.	Pengurusan Bantuan Am	Jabatan Kebajikan Masyarakat
2.	Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan	Majlis Daerah Kuala Pilah Majlis Perbandaran Port Dickson
3.	Pengurusan Rancangan Tebatan Banjir	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan
4.	Pengurusan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan Dan Ladang Rakyat	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan
5.	Pengurusan Zakat	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
6.	Pengurusan Bekalan Makanan Ke Asrama Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
7.	Pengurusan Kutipan Hasil Cukai Tanah	Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 4 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri.

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT TAHUN 2012

BIL.	SYARIKAT
1.	Ganda Akademik Sdn. Bhd
2.	Liberty Capital Sdn. Bhd.
3.	MAINS Zakat Sdn. Bhd.
4.	Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.





Noor Hishamuddin Shah Bin Mohd Shafiee
Timbalan Pengarah Audit Negeri,
Jabatan Audit Negara Negeri Perlis

Ahmad Zainurin Bin Alias
Pengarah Audit Negeri,
Jabatan Audit Negara Negeri Perlis

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PERLIS

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2011 sebanyak 9 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis, Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2010 telah disahkan. Sebanyak 6 Agensi memperoleh Sijil Audit Tanpa Teguran dan 3 Agensi Sijil Audit Berteguran.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2011 BERBANDING TAHUN 2010

BIL.	AGENSI	SIJIL AUDIT			
		TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
		2010	2011	2010	2011
1.	Kerajaan Negeri	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	4	4	2	2
3.	Majlis Agama Islam	0	0	1	1
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	1	0	0	1
JUMLAH		**6**	**5**	**3**	**4**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pencapaian penarafan tahap Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2011 menyaksikan oleh 1 Jabatan/Agensi Negeri memperoleh 4 bintang (sangat baik) iaitu Perbendaharaan Negeri Perlis manakala 6 Jabatan/Agensi Negeri memperoleh 3 bintang (baik) dan 3 Jabatan/Agensi mencapai tahap 2 bintang (memuaskan). Pada tahun 2012 pula JAN Negeri ini telah melaksanakan sebanyak 8 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI merangkumi 5 Jabatan, 2 Badan Berkanun Negeri dan 1 Majlis Agama Islam Negeri.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI) TAHUN 2012

BIL.	JABATAN
1.	Perbendaharaan Negeri Perlis
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis
4.	Jabatan Perhutanan Negeri Perlis
5.	Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis
BIL.	**BADAN BERKANUN NEGERI**
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
BIL.	**MAJLIS AGAMA ISLAM**
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis

PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2011, sebanyak 4 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan pengurusan tanah, pertanian/penternakan, kemasyarakatan/sosial, hal-hal keagamaan sumber dan lain-lain perkhidmatan kerajaan telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2012

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN / AGENSI NEGERI
1.	Pengurusan Ladang Tumbuhan Ubatan	Jabatan Perhutanan Negeri Perlis
2.	Pembangunan Dan Pengurusan Kemudahan Sukan	Majlis Sukan Negeri Perlis, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
3.	Pengurusan Rancangan / Projek Kecil	Unit Pentadbiran Daerah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
4.	Pengurusan Zakat	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 2 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri.

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT TAHUN 2012

BIL.	SYARIKAT
1.	Perlis Comm Sdn. Bhd.
2.	Karun Mestika Sdn. Bhd.



LAPORAN AKTIVITI SEKTOR
AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN



Hjh. Saadatul Nafisah Binti Bashir Ahmad
Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Kewangan)

Ong Swee Leng
Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan

Lim Chin Teong
Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Sosial)

Nikrul Tarmizi Bin Awalludin
Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Syarikat)

AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN


PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2012, sebanyak 122 Badan Berkanun Persekutuan (BBP) perlu diaudit oleh Sektor Audit BBP mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Selain itu, Sektor ini juga mengaudit 12 Kumpulan Wang Persekutuan. Sektor Audit BBP telah mengaudit 25 daripada 134 Penyata Kewangan tahun 2011 manakala baki 109 penyata kewangan diaudit oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik oleh KAN mengikut seksyen 7(3) Akta Audit 1957. Pengauditan yang dijalankan terhadap 134 penyata kewangan BBP dan Kumpulan Wang Persekutuan bagi tahun kewangan 2011, mendapati 2 jenis sijil telah dikeluarkan iaitu Sijil Tanpa Teguran dan Sijil Berteguran. Sebanyak 125 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran, 5 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan 4 penyata kewangan diberi Sijil Berteguran.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI


Sepanjang tahun 2011, Sektor Audit BBP telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 41 BBP dan diberi penarafan berdasarkan AI. Bilangan BBP yang dipilih secara pusingan sekali dalam 3 tahun terhadap pengurusan kewangannya bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti carta berikut:

BILANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG DIAUDIT TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN PADA TAHUN 2010 HINGGA 2012




Daripada 41 BBP yang dipilih untuk diaudit pada tahun 2011, 6 agensi bersaiz kecil tidak dibuat penarafan kerana sebahagian besar daripada kawalan utama pengurusan kewangan tidak diterima pakai di agensi tersebut. Hasil daripada pengauditan, 4 agensi telah mendapat prestasi pengurusan kewangan di tahap sangat baik, 28 pada tahap baik dan 3 pada tahap memuaskan berbanding tahun 2010 sebanyak 10 BBP berada pada tahap sangat baik, 19 pada tahap baik dan 2 pada tahap memuaskan.

**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
TAHUN 2010 DAN 2011**



Sepanjang tahun 2012 Sektor Audit BBP telah menjalankan 22 pengauditan prestasi yang merangkumi pelbagai aktiviti. Bilangan pengauditan prestasi yang dijalankan bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti carta berikut:

BILANGAN PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2010 HINGGA 2012



Bagi tahun 2012, Sektor Audit BBP telah menjalankan pengauditan prestasi yang merangkumi pelbagai aktiviti seperti berikut:

BIL.	TAJUK KAJIAN
1.	Pengurusan Aktiviti Operasi Haji Oleh Lembaga Tabung Haji (LTH)
2.	Pengurusan Pemberian Subsidi Diesel Kepada Nelayan Oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
3.	Pengurusan Pelaburan KWSP di Luar Negara
4.	Pengurusan Geran Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MY SIHAT)
5.	Pengurusan Agihan Zakat Kepada 8 Asnaf Oleh MAIWP
6.	Pengurusan Taman Botani Negara Di Shah Alam Oleh Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
7.	Pengurusan Perolehan Wang Kertas Dan Duit Syiling Baharu (BNM)
8.	Pengurusan Kedai PERNAMA Oleh PERNAMA
9.	Pengurusan Tanah Oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
10.	Pengurusan Perolehan Oleh PIDM
11.	Pengurusan Projek FELDA Generasi Kedua Oleh FELDA
12.	Pengurusan Pembinaan Secara PFI di UTHM
13.	Pengurusan Pembinaan Bangunan Kampus UMK di Bachok dan Jeli
14.	Pengurusan Pembinaan Stesen Bas Dan Teksi Perbadanan Labuan
15.	Pengurusan Perolehan Peralatan Kolej Kemahiran Tinggi MARA
16.	Pengurusan Penyelenggaraan & Perkhidmatan Sistem Mekanikal & Elektrikal Dan Infra UMS
17.	Pengurusan Peralatan di Universiti Utara Malaysia
18.	Pengurusan Pelaburan Ekuiti KWAP
19.	Pengurusan Pembinaan Kampus UNIMAP
20.	Pengurusan Pembinaan Kapal Penyelidikan UMT
21.	Pengurusan Caruman PERKESO
22.	Pengurusan Geran Di Bawah Dasar Bekalan Makanan LPP





Lawatan Tapak Semaian Getah

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Bagi tahun 2012 Sektor Audit BBP telah menjalankan pengauditan pengurusan syarikat kerajaan terhadap 18 syarikat subsidiari BBP berbanding 16 syarikat pada tahun 2011 dan 17 syarikat pada tahun 2010. Kesemua 18 syarikat subsidiari adalah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 di mana lebih 50% modal saham dipegang oleh BBP. Senarai syarikat yang diaudit pada tahun 2012 adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	NAMA SYARIKAT SUBSIDIARI
1.	Kuari Terengganu Tengah Sdn. Berhad
2.	Surada Jaya Sdn. Berhad
3.	Risda Baja Sdn. Berhad
4.	Kolej KETENGAH Sdn. Berhad
5.	USAINS Holding Sdn. Berhad
6.	UiTM Document Services Sdn. Berhad
7.	R&D Serindit Com UUM Sdn. Berhad
8.	Smallholder Development Corporation Sdn. Berhad
9.	UMP Holdings Sdn. Berhad
10.	KESEDAR Dagang Sdn. Berhad
11.	Risda Semaian Dan Landskap Sdn. Berhad
12.	Uniutama Properties Sdn. Berhad
13.	Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad
14.	Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Berhad
15.	THP Bina Sdn. Berhad
16	UKM Perunding Kejuruteraan Dan Arkitek Sdn. Berhad
17.	Institut Professional Baitulmal Sdn. Berhad
18.	PPJ KOM Sdn. Berhad

PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pada tahun 2012, Sektor Audit BBP di peringkat Ibu Pejabat dan Cawangan Negeri telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 107 pejabat/cawangan/syarikat BBP di seluruh Negara.










PARLIMEN

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA TAHUN 2012



Sepanjang tahun 2012, sebanyak 14 mesyuarat berkaitan pengauditan yang dijalankan oleh JAN telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam seperti di jadual berikut:

BIL.	TARIKH	TAJUK MESYUARAT
1.	05.03.2012	Bil. 1 Tahun 2012 • Pertukaran Saham MAS dan AirAsia • Projek Pengurusan Fidlot Nasional • Fungsi & Aktiviti 1MDB • Projek Makmal Komputer Sekolah • Pengurusan Penang Port Sdn. Bhd.
2.	19.03.2012	Bil. 2 Tahun 2012 • Projek Pengurusan Fidlot Nasional
3.	20.03.2012	Bil. 3 Tahun 2012 • Projek Pengurusan Fidlot Nasional
4.	21.03.2012	Bil. 4 Tahun 2012 • Projek Pengurusan Fidlot Nasional
5.	16.04.2012	Bil. 5 Tahun 2012 • Projek Pengurusan Fidlot Nasional
6.	20.06.2012	Bil. 6 Tahun 2012 • Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PAC
7.	26.06.2012	Bil. 7 Tahun 2012 • Projek Pengurusan Fidlot Nasional
8.	27.06.2012	Bil. 8 Tahun 2012 • 1MDB
9.	25.09.2012	Bil. 9 Tahun 2012 • Projek Pengurusan Fidlot Nasional
10.	04.10.2012	Bil. 10 Tahun 2012 • Projek Pengurusan Fidlot Nasional
11.	10.10.2012	Bil. 11 Tahun 2012 • Projek Pengurusan Fidlot Nasional
12.	15.10.2012	Bil. 12 Tahun 2012 • Taklimat KAN Mengenai LKAN Tahun 2011
13.	30.10.2012	Bil. 13 Tahun 2012 • Projek Pengurusan Fidlot Nasional
14.	05.12.2012	Bil. 14 Tahun 2012 • Projek Pengurusan Fidlot Nasional

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI BAGI TAHUN 2012

Sepanjang tahun 2012, Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Tahun 2012 di peringkat negeri adalah seperti di jadual berikut:

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI JOHOR

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	29.03.2012	Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor	Program Penggalakan Pelancongan Negeri Johor
2.	26.04.2012	YPJ Holdings Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
3.	24.05.2012	Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor	Pengurusan Program Bantuan Rumah
		Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor	Pengurusan Aktiviti Perlombongan dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar
4.	11.10.2012	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor	Pengurusan Pengendalian Kes Syariah
		Jabatan Perikanan Negeri Johor	Program Pemesatan Pembangunan Akuakultur
		Jabatan Pertanian Negeri Johor	Program Galakan Usaha Tani
5.	18.10.2012	PIJ Holdings Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
6.	25.10.2012	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	Pengurusan Program Penghayatan Modul Keluarga SAKINAH
		Majlis Perbandaran Muar	Pengurusan Kemudahan Awam

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SABAH

BIL.	TARIKH	JABATAN / AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	15.03.2012	Markas Angkatan Selam, Sabah	Lawatan Kerja
2.	16.03.2012	Kementerian Kewangan Negeri	Pembentangan Isu-Isu Penyata Kewangan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Kementerian/Jabatan/Agensi
		Jabatan Bendahari Negeri	Pembentangan Isu-Isu LKAN Tahun 2010 Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
3.	16 - 18.04.2012	Sabah Air Aviation Sdn. Bhd.	Mendengar Penjelasan Daripada Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Syarikat Kerajaan Mengenai Isu-Isu Yang Dibangkitkan Dalam LKAN 2010 Berkaitan: • Aktiviti Kementerian/Jabatan/ Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan • Agensi Belum Menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2010 • Jabatan/Agensi Yang Berada Kedudukan Terendah Bagi Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2010
		Majlis Daerah Semporna, Majlis Daerah Kunak Dan Majlis Daerah Lahad Datu	
		Supernesa Sdn. Bhd.	
		Perpustakaan Negeri Sabah	
		Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	
		Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah	
		Majlis Perbandaran Tawau	
		Jabatan Perhutanan Negeri Sabah	
		Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	
		Koperasi Pembangunan Desa	
		Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak	
		Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga	
		Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah	
		Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	
		Majlis Ugama Islam Sabah	
		Pejabat Daerah Semporna	
		Lembaga Industri Getah	
4.	22 – 26.04. 2012	Badan Pemeriksa Kewangan Indonesia	Lawatan Kerja
		Dewan Perwakilan Rakyat Provinsi Jakarta, Indonesia	
5.	21.11.2012	JAN, Negeri Sabah	Perbincangan Mengenai Aktiviti Jawatankuasa Dan Mesyuarat Tahun 2013

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SARAWAK

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	09.07.2012	-	Pra Mesyuarat JawatankuasaKira-Kira Wang Awam Ke-46
2.	24.07.2012	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak	Pengurusan Program Bantuan Rumah
		Kementerian kemudahan Awam dan Jabatan Kerja Raya Sarawak	Projek Pembinaan Empangan Bengoh
		Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam	Sistem Maklumat Kerajaan Tempatan
		Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Majlis Bandaraya Miri	Pengurusan Kenderaan
		Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Sarawak	Projek Perkhidmatan Pembetungan Di Sarawak
3.	25.07.2012	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak	Projek Tebatan Banjir
		Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak	Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri
		Lembaga Kemajuan Bintulu	Pengurusan Projek Bintulu *Waterfront Promenade*
		Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	Pengurusan Bendungan Sungai
		Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, Laku Management Sdn.Bhd dan Jabatan Kerja Raya	Pengurusan Pengebilan Air
		Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR

BIL	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	12.01.2012	Perbendaharaan Negeri Selangor	Pengurusan Peruntukan Perbelanjaan Am/ Luar Jangka
2.	23.02.2012	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannnya Kepada Alam Sekitar
3.	26.04.2012	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Selangor & *Tourism* Selangor	Program Pembangunan Pelancongan
4.	31.05.2012	Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Selangor, Pejabat Daerah Dan Tanah, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor & Unit Perancang Ekonomi Selangor	Penyediaan Kemudahan Asas Desa Dan Aktiviti Pembangunan Kampung
5.	02.08.2012	Jabatan Kerja Raya	Projek Menaiktaraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling
6.	02.08.2012	Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat SUK Negeri Selangor	Pengurusan Perolehan
7.	06.09.2012	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Seksyen PBT & UPEN	Rumah Burung Walit

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PAHANG

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT
1.	23.02.2012	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	Mesyuarat Siasatan LKAN Tahun 2010
		Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang	
		Majlis Sukan Pahang	
2.	24.04.2012	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang	Mesyuarat Siasatan LKAN Tahun 2010
		Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh	
		Majlis Perbandaran Termerloh	
		Yayasan Pahang – IKIP Education Sdn. Bhd.	
		Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian – LKPP Property Sdn.Bhd.	
3.	09.05.2012	Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	Mengesahkan minit mesyuarat yang lalu Bil.1/2009, Bil.1/2011, Bil.2/2011, Bil.3/2011, Bil.4/2011
4.	19.07.2012	Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	Bincang draf penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Pahang atas LKAN mengenai kira-kira Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2009
5.	23.11.2012	Pejabat Kewangan dan Perbendaharan Negeri Pahang	Membincangkan Memorandum Awal Pegawai Kewangan Negeri Pahang Ke Atas LKAN Tahun 2011.

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI KEDAH

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	26.01.2012	Jabatan Pertanian Negeri Kedah	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kedah Darul Aman Kali Ke-4 - Pengurusan Program Pembangunan Industri Buah-buahan
2.	27.03.2012	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kedah Darul Aman Kali Ke-5 - Pengurusan Program Peningkatan Populasi Pembiak
3.	09.08.2012	Jabatan Kerja Raya Negeri	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kedah Darul Aman Kali Ke-6 - Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
4.	27.09.2012	Seri Temin Development Corporation Sdn. Bhd.	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kedah Darul Aman Kali Ke-7

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERAK

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	27.02.2012	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak	Membincangkan LKAN Tahun 2009 mengenai Pengurusan Program Pemberian Bantuan Am
		Pejabat Tanah Dan Galian Perak Dan Pentadbir Daerah Dan Tanah Perak Tengah, Kampar dan Slim River	Membincangkan LKAN Tahun 2009 mengenai Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar
2.	06.03.2012	Jabatan Pertanian Negeri Perak	Membincangkan LKAN Tahun 2009 mengenai Program Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan Produk Pertanian
		Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak	Membincangkan LKAN Tahun 2009 mengenai Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar
		Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	
		Lembaga Air Perak	
		Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak	
		Jabatan Pengangkutan Negeri Perak	
3.	09.03.2012	Sekolah Menengah Agama Raja Dr.Nazrin Shah Kg. Gajah	Membincangkan LKAN Tahun 2009 mengenai Pembekalan Dan Penyediaan Makanan Mentah dan Bermasak
		Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Mesyuarat ingin mendapat penjelasan mengenai isu teroka hutan yang berlaku sejak 20 tahun lalu di Hutan Simpan Chikus
		Pembangunan Dan Pemantauan Projek Cawangan Perak Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) FELCRA Wilayah	Pengerusi meminta diadakan satu taklimat oleh KKLW kepada semua ADUN berhubung peranan dan tanggungjawab KKLW terhadap projek pembangunan rakyat
		FELCRA	Pengurus Besar Wilayah FELCRA Bhd. dipanggil hadir mesyuarat untuk memberi penjelasan berkaitan peranan FELCRA sebagai agensi pelaksana bagi pembinaan rumah untuk orang-orang miskin
4.	20.03.2012	Jabatan Pertanian Negeri Perak	Program Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan Produk Pertanian
		Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak	Membincangkan Draf Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri berhubung LKAN Tahun 2009
5.	03.08.2012	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak – Bahagian Perumahan Awam	Membincangkan LKAN Tahun 2010 mengenai Kajian Pengurusan Perumahan Rakyat
		MajlisBandaraya Ipoh	Membincangkan LKAN Tahun 2010 mengenai Pengurusan Premis Perniagaan
		Rural Trade Centre (RTC)	Membincangkan LKAN Tahun 2010 mengenai Penerangan berkaitan pengurusan RTC daripada Pengurus RTC Gopeng

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI TERENGGANU

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	30.04.2012	-	• Mengkaji LKAN Tahun 2009 • Mengkaji LKAN Tahun 2010
2.	28.05.2012	Jabatan Kerja Raya, Negeri Terengganu	• Masalah Keruntuhan Bumbung Stadium Sultan Mizan, Gong Badak & Kemajuan Kerja-kerja Pembaikannya • Masalah Kerja-kerja Penyiapan Lebuh Raya Pantai Timur • Kemajuan Kerja-kerja Pembaikan Lapangan Terbang Sultan Mahmud
3.	09.07.2012	• Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu • Yayasan Terengganu	• Membincangkan mengenai pembinaan projek Taman Ilmu dan IMTIAZ • Lawatan Ke tapak projek Taman Ilmu, Besut

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI KELANTAN

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	20.02.2012	-	Pemilihan perenggan LKAN Tahun 2010
2.	14.03.2012	Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan	Lawatan pemeriksaan mengenai Pengurusan Rumah Awam Kos Rendah
3.	16.04.2012	Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu	Lawatan Pemeriksaan mengenai Pengurusan Tukar Syarat Kegunaan Tanah

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PULAU PINANG

BIL.	TARIKH	JABATAN/ AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	30.03.2012	-	Taklimat oleh: • Ketua Jurutera, Badan Kawal Selia Air • Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perumahan Negeri
2.	10.09.2012	-	Membincangkan LKAN Tahun 2009 • Hutan Lipur Telok Bahang • Taman Negeri Bukit Panchor Membincangkan LKAN Tahun 2010 • Kemudahan Peralatan Sukan

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI MELAKA

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	03.04.2012	Unit KerajaanTempatan	Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan, Penjaja, Pasar Malam & Gerai Majlis
		Jabatan Ketua Menteri	Pengurusan Kenderaan Jabatan
		Majlis Agama Islam Melaka	Pengurusan Hartanah Majlis Agama Islam Melaka
2.	26.04.2012	Unit KerajaanTempatan	Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan, Penjaja, Pasar Malam & Gerai Majlis
		Jabatan Ketua Menteri	Pengurusan Kenderaan Jabatan
		Majlis Agama Islam Melaka	Pengurusan Hartanah Majlis Agama Islam Melaka
		Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
		Jabatan Perhutanan Negeri Melaka	Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar
		Jabatan Pertanian Negeri Melaka	Taman Kekal Pengeluaran Makanan Selandar
		Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	Pengurusan Melaka *River Cruise*
3.	27.04.2012	Syarikat Air Melaka Berhad	Pengurusan Pengebilan Bekalan Air
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka	Pengurusan Pembangunan Industri Ternakan
		Kumpulan Melaka Berhad	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
		Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
4.	10.05.2012	-	Maklum Balas Isu-Isu LKAN Tahun 2009 Maklum Balas Isu-Isu LKAN Tahun 2010
5.	24.05.2012	-	Maklum Balas Isu-Isu LKAN Tahun 2009

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SEMBILAN

BIL.	TARIKH	JABATAN / AGENSI	TAJUK MESYUARAT / LAWATAN
1.	19.06.2012	JAN, Negeri Sembilan	Taklimat Audit Berkenaan LKAN Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan & Aktiviti Jabatan/Agensi Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2010
2.	31.07.2012	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI Tahun 2010
3.	04.09.2012	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan	Lawatan Kerja Bagi Program Pembangunan Industri Sayur-sayuran
4.	04.09.2012	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan	Program Pembangunan Industri Sayur-sayuran

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERLIS

BIL.	TARIKH	JABATAN / AGENSI	TAJUK MESYUARAT / LAWATAN
1.	19.01.2012	• Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri • Jabatan Kerja Raya, Negeri Perlis • Pejabat Pembangunan Persekutuan	Pembinaan Penempatan Di Kurong Tengar, Kuala Perlis – LKAN Tahun 2009
		Kota Kangar Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat – LKAN Tahun 2009



SEMINAR RIVER OF LIFE

LAPORAN AKTIVITI
SEKTOR AUDIT KHAS & PENYELIDIKAN



Ir. Md. Wahid Bin Mohd Nor
Pengarah
(Bahagian Pengauditan Air)



Zulkipli Bin Abdullah
Pengarah
Sektor Audit Khas & Penyelidikan



Samsinar Binti Md. Yusoff
Timbalan Pengarah Audit
(Bahagian Kajian Khas)



Mohamad Fauzi Bin Mohamad Saruman
Timbalan Pengarah Audit
(Bahagian Pemeriksaan Mengejut)



Y. Hamdan Bin Mohd Dom
Timbalan Pengarah Audit
(Bahagian Pengauditan ICT)



Dr. Masiah Binti Ahmad
Timbalan Pengarah Audit
(Bahagian Penyelidikan)



Fadzilah Binti Hj. Mohammad
Timbalan Pengarah Audit
(Bahagian Alam Sekitar)

BAHAGIAN PENYELIDIKAN

Pada tahun 2012, Bahagian Penyelidikan telah menjalankan beberapa kajian, menyedia Garis Panduan Pengauditan, menyediakan kertas kabinet dan laporan, mengurus perihal perhubungan antarabangsa, mengurus lawatan delegasi dari luar negara. Di samping itu, Bahagian ini juga menjadi urusetia kepada persidangan dan seminar yang dianjurkan oleh JAN seperti Persidangan Juruaudit Sektor Awam, Hari Audit Se-Malaysia Tahun 2012 dan Seminar Firma Audit Swasta Tahun 2012.

GARIS PANDUAN

a. Garis Panduan Pengauditan ICT

Garis Panduan Pengauditan ICT disediakan untuk membantu pasukan audit melaksanakan Pengauditan ICT dengan komprehensif, sistematik dan efisyen. Secara umumnya, pengauditan ICT berada di setiap aspek pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN. Pengauditan ICT wujud dalam ketiga-tiga jenis pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN berasaskan kepada mandat Akta Audit 1957 iaitu pengauditan penyata kewangan, prestasi dan pematuhan. Kesan pengkomputeran oleh sesebuah entiti memberi perubahan kepada sistem kawalan dalaman, tahap akauntabiliti disebabkan oleh kepelbagaian pengguna, capaian dan pindaan kepada data, jejak dan bukti audit, integriti data, penstoran dan pemproses data di pelbagai lokasi, pengendalian kerahsiaan dan integriti maklumat utama, pengurusan risiko dan kelancaran sistem.

Objektif pengauditan ICT adalah berdasarkan kepada jenis pengauditan yang dipilih. Secara umumnya objektif pengauditan ICT dilaksanakan adalah untuk menilai sama ada:

- Sistem yang dibangunkan/diperoleh menepati objektif organisasi.
- Perancangan dan pelaksanaan projek/ sistem ICT dikendalikan secara berkesan, cekap dan ekonomik.
- Aplikasi/sistem ICT adalah boleh dipercayai *(reliable)*, sahih, tepat dan kompeten.

Pengauditan ICT meliputi komponen data, sistem/aplikasi seperti ePerolehan, eTanah, SPEKS, eSPKB dan lain-lain; teknologi ICT yang digunakan seperti *Cloud Computing, Satellite technology (remote sensing), emobile, wireless networking;* fasiliti/infrastruktur seperti Pusat Data, *Public Key Infrastructure, Cryptography* dan sumber ICT seperti dana, modal insan, aset, kepakaran, konsultan ICT dan sebagainya.

b. Garis Panduan Pengurusan Dokumen Pengauditan Terperingkat

Garis Panduan Pengurusan Dokumen Pengauditan Terperingkat dikeluarkan bagi melindungi maklumat berkaitan pengauditan daripada didedahkan atau diketahui oleh pihak ketiga atau pihak awam sebelum pembentangan LKAN di Parlimen. Seksyen 8, Akta Audit 1957, memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab KAN dan pegawainya untuk tidak mendedahkan atau menyampaikan maklumat yang diperolehi hasil daripada pengauditannya sama ada daripada akaun, buku, dokumen, kertas dan sebagainya kecuali kepada orang yang melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Akta Audit 1957.

Objektif Garis Panduan ini adalah:

- Menyediakan prosedur berhubung pengendalian dan pengurusan maklumat dan dokumen berkaitan kerja pengauditan sehingga pembentangan LKAN.
- Menyediakan panduan berhubung klasifikasi maklumat dan dokumen sama ada bertaraf Rahsia, Sulit atau Terhad dalam semua proses kerja pengauditan sebelum pengeluaran LKAN.
- Mendedahkan juruaudit kepada peruntukan undang-undang, akta dan arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa yang berkaitan mengenai urusan pengendalian maklumat, dokumen serta rekod awam.

c. Garis Panduan Jaminan Kualiti Dalam Pengauditan (Prestasi/Penyata Kewangan)

Peningkatan sistem pengurusan kualiti adalah jaminan kepada JAN untuk merancang, mengurus, menjalankan pengauditan, menyediakan modal insan yang berkualiti di samping dapat memberikan perkhidmatan dan pengauditan yang berkualiti. Sistem Kualiti juga turut merangkumi pengurusan kualiti, sistem dan jaminan kualiti berhubung struktur, prosedur, keperluan dan unsur pengurusan yang akan berkait rapat dengan input-proses-output. Kesedaran JAN tentang kepentingan peningkatan kualiti dalam pengauditan yang dijalankan adalah suatu langkah bijak melalui peralihan kaedah pengauditan yang lebih berkesan dan kos efektif seterusnya menghasilkan pengauditan yang berkualiti.

Garis Panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada juruaudit dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka bagi memastikan kualiti pengauditan dicapai, dipertahankan dan dipertingkatkan, selaras dengan aspirasi negara, spesifikasi pengauditan serta kriteria standard pengauditan yang ditetapkan. Garis Panduan ini perlu diguna pakai oleh juruaudit *Quality Assurance Review (QAR)*, JAN dalam menilai kualiti pelaksanaan pengauditan penyata kewangan, prestasi dan pengurusan kewangan.

Jaminan Kualiti dapat memberikan faedah terhadap perkara berikut:

- Meningkatkan kualiti pelaksanaan pengauditan dan laporan audit.
- Pengauditan dapat dijalankan secara berkesan dengan menggunakan sumber secara optimum.
- Meningkatkan keupayaan, kredibiliti dan reputasi JAN.
- Meningkatkan kualiti latihan dan mengenal pasti keperluan latihan.
- Meningkatkan dan mengekalkan tahap integriti dan akauntabiliti.
- Meningkatkan kualiti latihan dan mengenal pasti keperluan latihan.
- Meningkatkan motivasi, kompetensi dan kapasiti warga JAN.
- Memudahkan penilaian kerja pengauditan dilakukan.
- Menyediakan kaedah untuk mengukur prestasi JAN.
- Mengelakkan tindakan undang-undang yang mungkin berlaku dengan memastikan kerja pengauditan adalah berkualiti dan mencapai standard yang tinggi.

KAJIAN

a. Kajian Perbandingan Garis Panduan JAN dengan INTOSAI Dan ASOSAI

JAN bertanggungjawab untuk memupuk dan memantap prinsip akauntabiliti dan integriti dalam pentadbiran dan pengurusan wang awam melalui pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan Standard Pengauditan Antarabangsa. Sehubungan itu, JAN telah mengeluarkan 41 standard/manual/panduan/garis panduan (setakat 31 Disember 2011) bagi membantu juruaudit melaksanakan tugas pengauditan dan pelaporan dengan berkesan.

International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI) yang ditubuhkan pada tahun 1953 merupakan organisasi *autonomous*, bebas dan bukan politik yang memayungi komuniti pengauditan sektor awam. INTOSAI telah mengeluarkan standard dan amalan terbaik berkaitan pengauditan dan tadbir urus awam kepada ahli-ahlinya iaitu *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan INTOSAI *Guidance For Good Governance* (INTOSAI GOV). ISSAI telah dikeluarkan dan diluluskan secara berperingkat bermula dari tahun 1998. Berdasarkan maklumat yang dimuat turun dari laman sesawang ISSAI, sebanyak 97 ISSAI telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, 63 ISSAI dan 3 INTOSAI GOV telah diluluskan.

Asian Organisation of Supreme Audit Institutions (ASOSAI) ditubuhkan pada tahun 1979 dan kini dianggotai oleh 45 buah negara Asia. ASOSAI berfungsi sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab terhadap aktiviti latihan dan pembangunan pengetahuan yang berterusan terhadap juruaudit sektor awam di rantau Asia. Setakat 31 Disember 2011, ASOSAI telah mengeluarkan 5 garis panduan bagi rujukan juruaudit sektor awam seperti 8th ASOSAI *Research Project Guidelines on Conducting Environment Audit,* September 2009; 7th ASOSAI *Research Project Guidelines on Audit Quality Management Systems,* December 2004 dan 6th ASOSAI *Research Project on IT Audit Guidelines,* September 2003.

Kajian ini bertujuan untuk menilai sama ada standard/manual/panduan/garis panduan pengauditan yang dikeluarkan oleh JAN telah mengambil kira standard dan panduan INTOSAI serta garis panduan ASOSAI dengan membuat perbandingan kepada ISSAI, INTOSAI GOV dan ASOSAI.

Skop kajian mengambil kira semua garis panduan yang dikeluarkan oleh JAN dengan memfokuskan kepada 3 jenis pengauditan utama iaitu pengauditan penyata kewangan, pengauditan pematuhan dan pengauditan prestasi. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap standard dan manual yang dikeluarkan oleh JAN iaitu Standard Pengauditan Jabatan, Kod Etika Juruaudit, Manual Jabatan dan Manual Prosedur Kerja. Kaedah semakan dokumen yang didapati dalam laman sesawang www.issai.org, www.intosai.org dan www.asosai.org telah digunakan di dalam kajian ini.

Rumusan serta syor daripada kajian ini mendapati secara prinsipnya, amalan pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah mengikut standard/panduan yang dikeluarkan oleh INTOSAI dan garis panduan yang dikeluarkan oleh ASOSAI. Bagaimanapun, ianya tidak dinyatakan secara eksplisit. Selain itu, masih terdapat beberapa standard/ panduan yang dikeluarkan oleh INTOSAI yang masih belum diambil kira.

Namun begitu, JAN telah mengambil inisiatif mengeluarkan beberapa garis panduan pengauditan berkaitan pengurusan air seperti agihan bekalan air, air tidak berhasil dan projek bekalan air serta pengauditan pengurusan projek di mana ianya tidak terdapat dalam standard INTOSAI dan garis panduan ASOSAI. JAN perlu mengemas kini dan mengambil kira ISSAI, INTOSAI GOV dan kandungan garis panduan ASOSAI dalam manual/standard/panduan/garis panduan. Ini adalah selaras dengan kehendak INTOSAI yang menggalakkan ahli negara anggotanya menerima dan mengasimilasikan standard yang telah dikeluarkan bagi meningkatkan kredibiliti profesion juruaudit sektor awam.

b. Kajian Terhadap *Auditing Tools* Yang Digunakan Oleh Ahli Anggota Pertubuhan Institusi Audit Tertinggi Asia *(Asian Organization Of Supreme Audit Institutions - ASOSAI)*

Kajian ini dijalankan sebagai salah satu usaha Jabatan ke arah meningkatkan kualiti pengauditan dan pelaporan dengan memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat. Hasil kajian ini dapat membantu pihak pengurusan atasan JAN menilai kesesuaian penggunaan *Audit Command Language* (ACL) sebagai perisian audit yang utama di JAN berbanding dengan perisian audit yang digunakan oleh ahli negara anggota ASOSAI serta mengenalpasti perisian audit baru yang boleh digunakan.

Auditing tools merujuk kepada perisian-perisian audit yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu pengauditan. Perisian ini boleh membantu mengautomasikan prosedur pemilihan sampel dan penganalisaan data. Ia juga digunakan bagi mendokumentasi kertas kerja audit. JAN menggunakan ACL sebagai *auditing tool* utama Jabatan.

Objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- Mengenalpasti jenis perisian audit yang digunakan oleh ahli negara anggota ASOSAI.
- Mengenalpasti manfaat, keupayaan teknikal, kebolehpercayaan dan kelemahan yang berkaitan bagi perisian audit yang digunakan oleh ahli negara anggota ASOSAI.
- Mengenalpasti faktor yang diambil kira oleh ahli negara anggota ASOSAI dalam pemilihan perisian audit.

Kajian yang bersifat deskriptif ini telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah tinjau selidik secara elektronik. Responden kajian ini adalah kesemua 43 Institusi Audit Asia kecuali Israel dan Malaysia. Setakat 10 Ogos 2012, sebanyak 28 (65%) daripada 43 borang soal selidik telah diterima.

Hasil daripada kajian yang dijalankan dapat dirumus serta disyorkan seperti berikut:

i. Majoriti Institusi Audit menggunakan perisian *MS Excel*, ACL, IDEA, *TeamMate* dan pelbagai kombinasi perisian dalam pelaksanaan pengauditan. Perisian lain yang digunakan adalah *SAP Assure, e-Hive, ActiveData for Excel,* GIS, *Auditor Office*, *Online Auditing Software, MS Access, Arbotu5*, SIAP LKPD, I*ntegrated Results and Risk-Based Audit Software* (IRRBAS), *Spider Project, Upe Plan Designer, Rand Model Designer, Contracts System*, GFMIS dan SPSS.

ii. Walaupun perisian *TeamMate* merupakan satu sistem pengurusan pengauditan dan tidak mempunyai fungsi penganalisaan data, ianya adalah perisian yang menjadi pilihan tertinggi Institusi Audit berdasarkan kemampuan dari aspek manfaat, keupayaan teknikal dan kebolehpercayaan. Perisian yang kedua tertinggi adalah IDEA.

iii. Perisian ACL juga digunakan di kebanyakan Institusi Audit kerana ianya dapat membantu juruaudit seperti mengenalpasti *red flags* atau petunjuk penipuan, mendapat gambaran dan pemahaman yang lebih jelas mengenai perkara yang diaudit, memilih topik pengauditan berasaskan risiko dan meningkatkan keberkesanan audit secara keseluruhan.

iv. Tiga faktor utama yang mempengaruhi pemilihan perisian audit adalah fungsi yang ditawarkan, mudah digunakan dan sokongan teknikal daripada pembekal.

v. JAN boleh mempertimbangkan untuk menggunakan perisian lain seperti *TeamMate* dan IDEA. Bagaimanapun, kajian terperinci perlu dibuat mengenai fungsi yang ditawarkan, kos, mudah digunakan, sokongan teknikal daripada pembekal sebelum sesuatu perolehan perisian dibuat.

c. Kajian Kepuasan Bekerja Warga JAN Tahun 2012

Kajian ini merupakan salah satu usaha ke arah meningkatkan imej JAN secara berterusan. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan bekerja warga JAN secara keseluruhan, mengenal pasti tahap kepuasan bekerja warga JAN terhadap aspek kepentingan kerjaya, penempatan, latihan, hubungan, kerjasama, interaksi antara warga JAN, maklum balas prestasi kerja, pengurusan atasan serta kelengkapan pejabat dan kemudahan lain dan menentukan hubungan antara kepuasan bekerja dan aspek berkenaan. Penemuan dalam kajian ini dapat membantu pihak pengurusan atasan Jabatan dalam merancang dan melaksanakan tindakan tertentu bagi meningkatkan tahap kepuasan bekerja warga JAN terutama bagi merangka dasar dan polisi berhubung pengurusan sumber manusia Jabatan.

Responden kajian ini adalah terdiri daripada semua warga JAN dari pelbagai skim perkhidmatan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional sehingga

Kumpulan Sokongan. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah tinjau selidik secara elektronik. Sebanyak 320 (17%) daripada 1883 borang soal selidik telah diterima.

Bagi tujuan analisis sembilan aspek kerja (kepentingan kerjaya; penempatan; latihan; hubungan dengan penyelia, rakan sejawat dan pegawai/kakitangan bawahan: kerjasama di kalangan warga Jabatan; interaksi antara warga Jabatan; maklum balas prestasi kerja; dan kepuasan terhadap pengurusan atasan), skala berikut digunakan:

- 1 – Amat Tidak Setuju
- 2 – Tidak Setuju
- 3 – Memuaskan
- 4 – Setuju
- 5 – Amat Setuju

Manakala bagi kelengkapan pejabat dan kemudahan lain, skala berikut pula digunakan:

- 1 – Amat Tidak Memuaskan
- 2 – Tidak Memuaskan
- 3 – Sederhana Memuaskan
- 4 – Memuaskan
- 5 – Amat Memuaskan

Secara keseluruhanya hasil daripada analisis yang dibuat, dapat dirumuskan bahawa:

i. Warga JAN berpuas hati dengan kerja mereka terutama dalam aspek kebolehan dan peluang melaksanakan kerja yang mana tidak bertentangan dengan nilai keagamaan dan etika serta jaminan kerjaya yang tetap. Analisis perbandingan menunjukkan tahap kepuasan bekerja warga Sektor Audit BBP adalah tinggi diikuti dengan Sektor Pengurusan. Tahap kepuasan bekerja adalah tinggi bagi warga JAN yang telah berkhidmat melebihi 20 tahun dan juga bagi mereka yang telah berkhidmat kurang dari 5 tahun. Penemuan ini adalah selaras dengan Kajian Kepuasan Bekerja yang dilaksanakan pada tahun 2009.

ii. Analisis terhadap sembilan aspek kerja (kepentingan kerjaya; penempatan; latihan; hubungan dengan penyelia, rakan sejawat dan pegawai/kakitangan bawahan: kerjasama di kalangan warga Jabatan; interaksi antara warga Jabatan; maklum balas prestasi kerja; kepuasan terhadap pengurusan atasan dan kelengkapan pejabat serta kemudahan lain) mendapati tiga aspek iaitu hubungan dengan penyelia, rakan sejawat dan pegawai/kakitangan bawahan; kerjasama di kalangan warga JAN dan kepentingan kerjaya mendapat skor purata 3.80 ke atas. Keputusan terhadap sembilan aspek kerja dalam Kajian Kepuasan Bekerja 2009 mendapati lima aspek kerja yang mendapat skor purata 3.80 ke atas iaitu Kepentingan Kerjaya, Penempatan, Hubungan Dengan Penyelia, Kerjasama di kalangan warga JAN dan Interaksi Antara Warga JAN.

iii. Enam aspek kerja yang perlu diberi perhatian di mana skor purata adalah 3.50 ke bawah seperti berikut:

BIL.	ASPEK KERJA	KETERANGAN
1.	Penempatan	Pembahagian kerja yang adil di cawangan/bahagian/seksyen
2.	Latihan	Program latihan perlu dirancang mengikut keperluan
3.	Kerjasama Di Kalangan Warga Jabatan	Kerjasama yang baik di antara sektor
4.	Maklum Balas Prestasi Kerja	• Kekerapan Penyelia memberi maklum balas mengenai prestasi kerja • Penilaian prestasi yang adil oleh penyelia • Galakan dan pujian dari penyelia
5.	Kepuasan Terhadap Pengurusan Atasan	• Kesediaan pegawai atasan menerima cadangan/pendapat daripada pegawai bawahan • Sokongan pihak pengurusan atasan/pegawai atasan terhadap usaha pegawai • Arahan yang jelas daripada penyelia/pegawai atasan
6.	Kelengkapan Pejabat dan Kemudahan Lain	• Kemudahan peralatan pencetak • Kemudahan perpustakaan • Kemudahan kafetaria • Kemudahan pantri • Kemudahan tempat letak kereta • Kemudahan lif • Penggunaan kenderaan Jabatan

iv. Analisis sembilan aspek kerja berdasarkan perbandingan antara sektor adalah seperti berikut:

BIL.	ASPEK KERJA	SEKTOR YANG PALING BERPUAS HATI	SEKTOR YANG PALING KURANG BERPUAS HATI
1.	Kepentingan kerjaya	BBP	Pengurusan
2.	Penempatan	BBP	AK&P
3.	Latihan	BBP	AKP
4.	Hubungan dengan penyelia, rakan sejawat dan pegawai/kakitangan bawahan	BBP	AK&P
5.	Kerjasama Di Kalangan Warga Jabatan	BBP	AK&P
6.	Interaksi Antara Warga Jabatan	Pengurusan	AKP
7.	Maklum Balas Prestasi Kerja	Pengurusan	AKN
8.	Kepuasan Terhadap Pengurusan Atasan	BBP	AKN
9.	Kelengkapan Pejabat dan Kemudahan Lain	Pengurusan	AKP

Nota: *AKP - Audit Kerajaan Persekutuan*
AKN - Audit Kerajaan Negeri
AK&P - Audit Khas & Penyelidikan

v. Analisis sembilan aspek kerja berdasarkan perbandingan antara tempoh perkhidmatan adalah seperti berikut:

BIL.	ASPEK KERJA	TEMPOH PERKHIDMATAN WARGA JAN YANG PALING BERPUAS HATI	TEMPOH PERKHIDMATAN WARGA JAN YANG PALING KURANG BERPUAS HATI
1.	Kepentingan Kerjaya	Melebihi 20 Tahun	5 Hingga 10 Tahun
2.	Penempatan	Melebihi 20 tahun	11 hingga 20 tahun
3.	Latihan	Kurang 5 tahun	11 hingga 20 tahun
4.	Hubungan dengan penyelia, rakan sejawat dan pegawai/kakitangan bawahan	11 hingga 20 tahun	5 hingga 10 tahun
5.	Kerjasama Di Kalangan Warga Jabatan	Melebihi 20 tahun	5 hingga 10 tahun
6.	Interaksi Antara Warga Jabatan	Melebihi 20 tahun	5 hingga 10 tahun
7.	Maklum Balas Prestasi Kerja	Melebihi 20 tahun	5 hingga 10 tahun
8.	Kepuasan Terhadap Pengurusan Atasan	Melebihi 20 tahun	11 hingga 20 tahun
9.	Kelengkapan Pejabat dan Kemudahan Lain	Melebihi 20 tahun	11 hingga 20 tahun

PERHUBUNGAN LUAR NEGARA

a. Lawatan Delegasi Dari Luar Negara

Sepanjang tahun 2012, JAN telah menerima sebanyak 17 lawatan kerja/Persidangan/Mesyuarat/ Pengauditan telah diadakan seperti berikut:

BIL.	BULAN	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH	PEGAWAI TERLIBAT
1.	Januari	*21st Meeting of INTOSAI Working Group on IT (WGITA)*	Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur	25 - 27.01.12	55 peserta daripada 24 Negara Peserta SAI Malaysia: • YBhg.Dato' Hj. Anwari bin Suri • En. Zulkipli bin Abdullah • En. Y. Hamdan bin Mohd Dom • Cik Alifah Aida binti Lope Abd. Rahman
2.	Februari	Jawatankuasa Pertubuhan ASEANSAI	Pacific Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu Sabah	09 - 11.02.12	48 Peserta daripada 10 negara ASEAN *Knowledge Sharing Committee*: • YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang • Pn Ong Swee Leng, • Dr. Masiah binti Ahmad. • YM Ungku Alhady bin Ungku Mohd Zam *Strategic Plan Committee:* • YBhg.Dato' Hj. Anwari bin Suri • En. Zulkipli bin Abdullah • Datin Seri Dato' Shamsiah binti Hj Daud • Pn. Bibiana Sinos • *Rapporteur* *Training Committee:* • YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman • En. Abd. Wahab bin Ahmad • En. Roslan bin Abu bakar • Pn. Jacinta Wong Ngouk Hua *Rules & Procedures Committees:* • Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan • En. Che Mohd Shukri bin Che Hassan • Cik Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman • En. Ganesh Rao C. Bodiah
3.	Februari	*Working Group on Fighting Against Corruption and Money Laundering* (WGFACML)	Hotel Holiday Villa Beach Resort & SPA, Langkawi, Kedah	08 - 10.02.12	18 peserta daripada 7 negara anggota
4.	Mac	Lawatan Sambil Belajar Delegasi *State Audit Bureau*, Kuwait	JAN	13 - 15.03.12	• Mr. Saad M. Al-Qahtani • Mrs. Eng, Ghadeer M. Ai-Roumi • Mr. Eng. Ebtesam H. AlRefai • Mr. Ali H. Al-Azemi • Mrs. Ghada M. Aljlan
5.	Mac	Seminar *Public Accounts Committee* (PAC) bertajuk '*Strategic Relations of SAIs with the Institutional Environment* dengan kerjsama *Deutsche Gesellscheft fur Zusammenarbeit* (GIZ)	Akademi Audit Negara	06 - 08.03.12	• 38 peserta daripada 9 negara Asia Tenggara

BIL.	BULAN	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH	PEGAWAI TERLIBAT
6.	April	*Technical Meeting: Parallel Audit On Illegal, Unreported And Unregulated (IUU) Fishing And Its Environment*	Pangkor Island Beach Resort, Perak	09 -11.04. 12	• Dr. Ali Masykur Musa • Mr. Kamaludin • Mr. Dwi Sabardiana • Mr. Sudarminto Eko • Mr. Arief Senjaya • Mr. Krisnanto Adi Nugrobo • Mr. Patrice L, Sihombing • Mr. Hartono Ary Susetyo • Mr. Nurhasan • Mr. Yudi Ramdan • Ms. Kusuma Ayu Rusnasanti • Ms. Rikha Handayani • Ms. Siti Hasnawati
7.	Jun	*Seminar on International Public Sector Auditing Standard* (IPSAS)	Akademi Audit Negara	19 - 20.06.12	2 peserta dari BPKI • Mr. Dedy Eryanto • Mr. Basisiwanto Wiratama
8.	Jun	*e-Learning Workshop*	*Creative Content Lab*, Bukit Kiara INTAN	21 - 22.06.12	• Dwi Setiawan Susanto • Esther Indriaty Simanjuntak • R. Bramantyo • Pulung Tri Anggoro • Wahyu Sulistio • Santosa Budi Prihatiningtyas • Surya Tri Wardhana • Sutia Handayani
9.	Julai	*Study Visit by delegation from SAI Vietnam*	JAN	10 - 12.07.12	• Mr. Le Quang Binh • Ms. Nguyen Thi Tuyet • Mr. Vuong Van Quang • Ms. Nguyen Thi Lan Huong
10.	September	*Working Group On Environmental Audit Seminar* (WGEA)	Equatorial Hotel, Pulau Pinang	18 - 20.09.12	• 51 peserta dari 21 negara
11.	September	Lawatan *Deputy AG CNAO*	Kuala Lumpur	21 - 22.09.12	• Dr. Dong Dasheng • Ms. Wang Dannong • Mr. Huang Bigui • Mr. Jiang Haiying • Mr. Ruan Donghua
12.	Oktober	Lawatan Sambil belajar Delegasi Oman	JAN	08 - 11.10.12	• Mr. Yousif Al Nabii
13.	Oktober	ASEANSAI *Parallel Auditing Seminars on Financial Management Accountability Index* (FMAI) & *Non-Revenue Water* (NRW)	Holiday Inn Resort, Pulau Pinang	31.10 - 02.11.12	• 26 peserta dari 9 negara ahli ASEANSAI dan SAI China
14.	November	Lawatan Sambil Belajar Delegasi AITI Korea	Akademi Audit Negara	29.11.12	• Mr. Wang Junghong • Mr. Kim Yongbum • Mr. Kim Youngseok • Dr. Kim Heunglyool • Mr. Choi Wonjin • Mr. Kim Dogon
15.	Disember	Lawatan Dari *School of Economics Sutaatmadja* (STIESA)	JAN	04.12.12	• 90 Pensyarah dan Pelajar
16.	Disember	MoU *Signing Ceremony between* NAD & Afghanistan	Akademi Audit Negara	10.12.12	• YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang • Dr. Mohammad Sharif Sharifi • Mr. Maiwand Ahmadzai
17.	Disember	*Working-level meeting for preparation for 46th Governing Board Meeting*	Kuala Lumpur	13.12.12	• YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang • Mr. Lee Seywoo • Mr. Park Jonghee • Ms. Kang Kyunglee • En. Zulkipli Abdullah • Dr. Masiah Ahmad • YM Ungku Mohammad Alhady Ungku Mohd Zam

b. Lawatan Kerja/Persidangan/Mesyuarat/Pengauditan/Seminar/Bengkel/Kursus ke Luar Negara

Pada tahun 2012 sebanyak 26 lawatan kerja/Persidangan/Mesyuarat/Pengauditan/Seminar/Bengkel/Kursus telah diadakan di luar negara seperti berikut:

BIL	BULAN	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH	PEGAWAI TERLIBAT
1.	Februari/ Mac	*12th ASOSAI Assembly in Jaipur India*	Jaipur, India	28.02.12 –3.03.12	• YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang • En. Zulkipli bin Abdullah • En. Abd. Wahab bin Ahmad • En. Roslan bin Abu Bakar • Pn. Carolina Muyang • En. Nik Zamzuraidi • En Azli bin Arifin
2.	Februari/ Mac	Pengauditan di Pejabat Kedutaan Malaysia	New Delhi, Chennai, Nepal, Bangladesh	22.2.12- 9.3.12	• Pn. Jacinta Wong • Pn. Juraidah binti Sulong • Pn. Norhayati binti Mohd Hanafi
3.	Mac	Pengauditan Akaun INTOSAI bagi tahun 2011	Vienna, Austria	12-16.3.12	• Pn. Farizah binti Harman • Pn. Zarina binti Md. Sidek
4.	Mac	*Intensive Training Program in Performance Auditing*	Pearl Continental Lahore, Pakistan	1.3.12-5.4.12	• En. Abdul Sattar bin Harun
5.	Mac	Pengauditan Akaun Sekretariat OIC & Organisasi Subsidiari bagi tahun 2011	Jeddah, Arab Saudi	3 – 14.3.12	• En. Mohd Sharizal bin Sarul Zaman • Tn. Hj Shahrul Nizam bin Sabaree
6.	Mac	*Seminar on Cooperative Environment Audit On Water Isssue, The Mekong River Basin Management*	Bangkok, Thailand	12-16.3.12	• Pn. Maszura binti Hassan • En. Sharul Nizam bin Jamil • En. Poh Eng Teng • En. Mohd. Suhaidi bin Wan Shamsuddin
7.	Mei	ASEANSAI *Strategic Planning Meeting*	Hanoi, Vietnam	14-17.5.12	• Dr. Masiah binti Ahmad
8.	Jun	Mesyuarat *Inter-Govermental Group of Expert (IGGE) on the Review of Various OIC Regulations and Rules of Procedures*	Jeddah, Arab Saudi	2-6.5.12	• En. Sharul Nizam bin Sabaree
9.	Jun	ASEANSAI *Training Committee*	Eastwood Richmonde Hotel, Phillipines	4-5.6. 12	• Puan Hjh. Zainun binti Taib
10.	Jun	GIZ *Seminar on Sahring Experiences on Quality Assurance Implementation*	Santika Premiere Beach Kuta, Bali, Indonesia	25-27.6.12	• Pn. Yusnani binti Zakaria *(facilitator)* • Tn. Hj/ Mohd. Said bin Supar • Tn. Azhar bin Tuan Hasan
11.	Julai	*Singapore International Water Week 2012*	Marina Bay Sand, Singapore	1-5.7.12	• Ir. Md.Wahid bin Mohd Nor
12.	Julai	GIS *Training*	Kalibata Training Center BPK-RI Jakarta	2 -6.7.12	• Pn. Fadzillah binti Hj Mohammad • En. Abd. Aziz bin Sulaiman • En/ Khairil Anuar bin Idris • Pn. Shahani binti. Zainal Abidin • Cik. Aziatul Akmam binti Atan • En. Mike Mathesan Jalang Bundai • Pn. Jaleha binti Senin • En. Ag Jamal bin Ag Rauf • En.Romli bin Kassim • En Hj Abd Latif bin Wahab • En. Masri Nazip bin Bidin
13.	Julai	*Technical Cooperation in Performance Audit on Customs*	Jakarta, Indonesia	2-5.7.12	• En. Paul Chai Sin Ngee • Pn. Shabariah binti Ariffin • Pn. Norsidah binti Ismail • YM. Tengku Azlie bin Ku Ismail • Cik Veronica a/p Joseph
14.	September	Mesyuarat Teknikal antara JAN & BPK RI	Mataram, Lombok Island, Indonesia	2 - 5.9.12	• YBhg. Dato' Hj. Anwari bin Suri • En. Zulkipli bin Abdullah • Pn. Fadzilah binti Hj. Mohammad • En. Paul Chai Sin Ngee • En. Raja Sunthara Kannan a/l Dato' Raja Gopal • En. Azrul Raimee bin Ramli • Cik Haniza binti Mohamad • En. Azmar bin Momin • Pn. Jaleha binti Senin • Pn. Dayang Fatimah binti Abang Ali • En. Mohd. Suhaidi bin Wan Shamsuddin • Pn. Siti Norbaiti binti Zawahid • Pn. Nur Azimah binti Azizan

BIL	BULAN	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH	PEGAWAI TERLIBAT
15.	September	Lawatan Kerja KAN ke Australia	Melbourne, Sydney, Canberra dan Perth	3 -13.9.12	• YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang • Ir. Md. Wahid bin Mohd. Noor • Pn. Norhasimah binti Rahmat
16.	September	ASEANSAI QAFA *Workshop*	Bangkok, Thailand	5-11.9.12	• Pn. Sarimah binti Umor
17.	September	ASEANSAI *Rules & Procedure Meeting*	Singapore	11-12.9.12	• Pn. Hjh. Zainun binti Taib
18.	September	*Workshop on Cooperative Environmental Audit on Water Issue The Mekong River Basin Mgt*	Bangkok, Thailand	24 – 26.9.12	• En. Muhammad Zhafri bin Zainudin • En. Poh Eng Teng
19.	Oktober	*6th Meeting* INTOSAI WGFACML	Sopot, Poland	1-4.10.12	• Pn. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad
20.	November	ASOSAI *Sponsored Workshop On Dealing With Fraud And Corruption*	Manila, Filipina	12-17.11.12	• En. Bernard Lee Thien Tze
21.	November	*Seminar on* PPP	Netherland	26.– 27.11.12	• En. Othman bin Junaidi
22.	November	ASEANSAI *Symposium on Good Govenance*	Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam	28-29 Nov 2012	• YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang • Pn. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad • Dr. Masiah binti Ahmad • Pn. Marlia binti Abbas • En. Mohd. Iskandar bin Amran • En. Azmi bin Mat • Pn. Norkhasime binti Mohd. Noor
24.	Disember	ASEANSAI *Workshop on Quality Assurance in Financial Audit* (QAFA)	Yogjakarta, Indonesia	2-9.12.12	• Pn. Sarimah binti Umor • Pn. Aneeza binti Mohamed • Pn. Norapiah binti Hj. Buang • Pn. Asniee binti Bujang
27.	Disember	*1st Meeting of 10th ASOSAI Research Project*	Shenzhen, China	10-14.12.12	• En. William Yapp Thou Kiong
28.	Disember	Lawatan Kerja ke Jepun	Jepun	11-18.12.12	• Ir. Md. Wahid bin Mohd. Noor

BAHAGIAN PENGAUDITAN ICT

Perkembangan pesat bidang perkomputeran di sektor awam adalah selaras dengan dasar Kerajaan membangunkan eGovernment sebagai salah satu Aplikasi Perdana dalam Koridor Raya Multimedia. Pembangunan sistem ini menyebabkan sebahagian besar urusan dan transaksi Kerajaan ini dilaksanakan secara elektronik. Keadaan ini memerlukan Bahagian Pengauditan ICT memainkan peranan untuk memastikan pembangunannya memenuhi dasar Kerajaan serta dilaksanakan secara berhemat dan mematuhi prosedur perolehan Kerajaan. Selain dari menentukan keutuhan dan kredibiliti serta *reliability data* yang dijana dan pencapaian matlamat sistem dibangunkan.

Aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012 termasuklah:

KAJIAN

Pada tahun 2012, Bahagian Pengauditan ICT telah menjalankan pengauditan terhadap beberapa aktiviti antaranya ialah Projek Pengkomputeran Mahkamah (e-Kehakiman) dan *Case Management System* (CMS), Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia (LHDNM). Pemerhatian Audit daripada kajian tersebut adalah seperti berikut:-

a. Projek Pengkomputeran Mahkamah (e-Kehakiman)

e-Kehakiman adalah merupakan salah satu projek Kerajaan Elektronik di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dengan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia sebagai agensi pelaksana. Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aplikasi dan infrastruktur projek dilaksanakan dengan teratur selaras dengan kontrak, ekonomik, berkesan dan mencapai matlamat pembangunannya .

Pengauditan ke atas dokumen kontrak dan baucar bayaran telah dijalankan di pejabat Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang. Pengauditan terhadap sistem dan perkakasan ICT akan dilaksanakan pada awal tahun 2013 melibatkan beberapa buah mahkamah yang telah terpilih untuk diaudit.

b. Kajian Pengauditan *Case Management System* (CMS), LHDNM

CMS adalah merupakan salah satu projek di bawah Kontrak Pembangunan Sistem Gudang Data LHDNM. Sistem ini dibangunkan untuk membolehkan pengguna sistem mengendalikan proses kerja audit dan penyiasatan iaitu melalui kertas kerja audit/penyiasatan dari mula sehingga selesai. Modul CMS terdiri daripada empat modul iaitu audit, risikan, penyiasatan serta teknikal dan undang-undang. Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada sistem aplikasi CMS telah dibangunkan dengan teratur, cekap, berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan serta penggunaan sistem adalah ditahap yang baik dan sistem dilengkapi dengan kawalan aplikasi dan kawalan dalaman yang mencukupi. Skop pengauditan adalah tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penggunaan terhadap Modul Audit CMS.

KERTAS MAKLUMAN

a. Pelaksanaan Projek Peluasan eTanah di Melaka dan Negeri Sembilan

i. Status Pelaksanaan Projek

- Pelaksanaan projek telah mengalami kelewatan sebanyak 27.44% di Negeri Sembilan dan 28.46% di Melaka daripada jadual sebenar setakat 31 Disember 2011
- Pembayaran kepada kontraktor telah dijelaskan sebanyak 66.03% iaitu sebanyak RM82 juta

ii. Pelanjutan Pelaksanaan Projek

- Tempoh kontrak perolehan perkhidmatan ICT (pembangunan sistem) dan kontrak perolehan perkakasan dan perisian ICT telah dilanjutkan selama 20 bulan bermula 1 Januari 2012 sehingga 31 Ogos 2013 tanpa tambahan kos. Fokus yang akan diberi semasa pelanjutan tempoh ini adalah seperti berikut:

  a. On-site FAT
  b. On-site PAT
  c. Proses Data Migrasi
  d. Security and Business Continuity Plan (BCP)
  e. Land/Strata Titles Conversion Process
  f. Application Training
  g. Change Management

b. Kajian Penggunaan Dokumen Fizikal Dalam Persekitaran Elektronik

Kajian ini berhubung keperluan penggunaan dokumen fizikal untuk semakan audit dalam persekitaran sistem kewangan secara elektronik. Dengan andaian, perubahan ke arah persekitaran ICT, seharusnya penggunaan dokumen fizikal yang minima perlulah seiring dengan perkembangan tersebut. Objektif

pengauditan adalah untuk mendapatkan status masa kini penggunaan dokumen fizikal sebagai menyokong proses kerja dalam persekitaran elektronik, meninjau persepsi tersebut dan seterusnya melaporkan status situasi semasa pendekatan pengauditan yang dilaksanakan oleh pegawai audit JAN. Pengauditan tertumpu kepada pelaksanaan Pengurusan Kewangan Berdasarkan AI, aliran proses sistem e-SPKB dan HRMIS. Secara keseluruhannya keperluan terhadap dokumen fizikal masih diperlukan walaupun sistem kewangan telah dilaksanakan secara elektronik. Ini kerana kaedah pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN adalah berdasarkan pematuhan kepada undang-undang, peraturan kewangan, pekeliling dan prosedur sistem yang ditetapkan oleh kerajaan. Garis Panduan AI dan Arahan Perbendaharaan juga menetapkan keperluan menyemak dan tandatangan pada cetakan dokumen fizikal. Selain itu, faktor lain adalah kekangan sistem kewangan sedia ada mengurus dokumen sokongan sekiranya ia tidak perlu dilampirkan atau dicetak.

WORKING GROUP ON IT AUDIT (WGITA) TAHUN 2012

Malaysia telah dilantik sebagai tuan rumah bagi Mesyuarat kali ke 21 *INTOSAI Working Group On IT Audit (WGITA)*. Mesyuarat yang pada julung kalinya di anjurkan oleh SAI Malaysia telah diadakan pada 25 hingga 27 Januari 2012 di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur. Mesyuarat dipengerusikan oleh Mr. Vinod Rai, KAN India selaku Pengerusi *Working Group*. Mesyuarat telah di hadiri oleh 52 delegasi daripada 24 buah negara dan seorang delegasi daripada *INTOSAI Development Initiative (IDI).* SAI Malaysia telah diwakili oleh empat orang pegawai kanan JAN yang diketuai oleh YBhg. Dato' Hj. Anwari bin Suri. Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan kepada semua delegasi dan penghargaan kerana telah memilih Malaysia sebagai tuan rumah bagi tahun 2012 oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin Bin Buang. Seterusnya mesyuarat telah dirasmikan oleh Mr. Vinod Rai, KAN India.





Semasa mesyuarat ini, lima laporan projek 2011 hingga 2013 yang sedang dilaksanakan oleh pasukan telah dibentangkan iaitu:

i. *Development of IT Performance Indicators/Index System about IT Performance Audit/Performance Measurement of IT Solutions Implemented in Government Organisations* oleh SAI China
ii. *IT Audit Planning and Detailed Audit Procedures to Review IT Controls* oleh SAI Afrika Selatan
iii. *Optimising IT Value in Government Organisations* oleh SAI Kanada
iv. *Green IT* oleh SAI Norway
v. *Cloud Computing and Virtualisation* oleh SAI Amerika Syarikat

Tiga *country paper* dibentangkan oleh negara anggota seperti berikut:

i. *ERP System Without Specific CAATs* oleh SAI Brazil
ii. *EUROSAI e-Government Audit Algorithm – An Invitation to Share Knowledge* oleh SAI Poland
iii. *Selecting Performance Indicators for an Audit of a State Information System: Russian Experience* oleh SAI Russia

Selain itu, terdapat satu sesi *updates on Into IT* dan *Working Group Website and Reference List of Material on Performance Audit* oleh SAI India, pembentangan *e-Government Initiatives in Malaysia: Issues and Challenges*, oleh Pengarah MAMPU di Akademi Audit Negara, Majlis Makan Malam yang dianjurkan oleh KAN India di Hotel Shangri-La, Majlis Makan Malam yang dianjurkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, perbincangan berkaitan persediaan mesyuarat kali ke 22 di Lithuania serta perbincangan berkaitan tempat mesyuarat kali ke 23. Delegasi juga turut dibawa melawat ke tempat-tempat bersejarah di negeri Melaka dan Kuala Lumpur serta menaiki *Putrajaya Cruise*.

Mesyuarat telah bersetuju bahawa semua projek disiapkan pada tahun 2013, JAN Malaysia telah bersetuju untuk mengambil alih pengendalian dan penerbitan *Jurnal Into IT* dan *hosting* laman web WGITA daripada SAI United Kingdom untuk tempoh tiga(3) tahun bermula dari 31 Mac 2012. Negara Kuwait telah bersetuju untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat kali ke 23 pada tahun 2014.

MESYUARAT PEGAWAI PENGAUDITAN ICT 2012

Mesyuarat Pegawai Pengauditan ICT bagi Tahun 2012 bertemakan Pengurusan Perubahan Asas Kejayaan Transformasi telah dianjurkan oleh Bahagian Pengauditan ICT pada 25 hingga 27 Jun 2012 di Hotel Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah. Mesyuarat dihadiri oleh seramai 50 orang pegawai JAN dan Unit Audit Dalam (UAD) yang melaksanakan pengauditan ICT.

Penganjuran mesyuarat bertujuan untuk berkongsi ilmu dan membincangkan kajian-kajian pengauditan ICT yang telah dan akan dilaksanakan serta isu-isu berkaitan dengan tugasan.



SISTEM PENGURUSAN PENGAUDITAN (eSPP)

Latihan eSPP kepada pegawai JAN telah dilaksanakan di Akademi Audit Negara dan JAN, Negeri. Latihan dikendalikan oleh pihak Akademi, ahli jawatankuasa eSPP dan pihak *Kometsoft*.

JAWATANKUASA

a) Jawatankuasa Luar

- Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Elektronik (EGCOM)
- Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)
- Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT)
- Jawatankuasa Pemandu JPJ *Revamp*

b) Jawatankuasa Dalam

- Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Ketua Pegawai Maklumat (CIO), JAN

Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2011-2015 telah dilancarkan pada 28 Mac 2011. Satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kerja Ketua Pegawai Maklumat (CIO), JAN telah dibentuk untuk memantau status pelaksanaan aktiviti/inisiatif yang dibangunkan di bawah Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2011-2015 tersebut. Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Maklumat JAN iaitu YBhg. Dato' Hj. Anwari bin Suri. Keahlian terdiri daripada Pengarah-pengarah Sektor, Akademi Audit Negara, Bahagian Pengurusan dan Bahagian Hal Ehwal Korporat. Bahagian Pengauditan ICT bersama Bahagian Teknologi Maklumat selaku urus setia mesyuarat tersebut. Sehingga November 2011, lima mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

BIL.	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH
1.	Mesyuarat Bil.1 Tahun 2011	05.04.2011
2.	Mesyuarat Bil.2 Tahun 2011	02.06. 2011
3.	Mesyuarat Bil.3 Tahun 2011	06.07.2011
4.	Mesyuarat Bil.4 Tahun 2011	22.08.2011
5.	Mesyuarat Bil.5 Tahun 2011	18.11.2011

BAHAGIAN KAJIAN KHAS

Sepanjang tahun 2012, Bahagian Kajian Khas (BKK) telah menjalankan pengauditan terhadap perkara berikut:

a. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perkongsian Keuntungan Antara Syarikat Konsesi Dengan Kerajaan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan sama ada Kerajaan menerima perkongsian keuntungan daripada aktiviti yang melibatkan syarikat konsesi mengikut nisbah yang telah dipersetujui. Sebanyak 26 projek yang telah diadakan mengikut konsep perkongsian keuntungan dengan syarikat swasta. Daripada jumlah ini sebanyak lima projek konsesi tol telah dipilih sebagai sampel audit. Konsesi tol yang dipilih

adalah Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Butterworth-Kulim (LBK), Jambatan Pulau Pinang (JPP), Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA) dan Lebuhraya Cheras-Kajang (Grand Saga). Daripada pengauditan yang dijalankan didapati bahawa Kerajaan hanya menerima hasil perkongsian keuntungan daripada JPP. Penetapan *threshold* yang tinggi merupakan punca Kerajaan tidak menerima hasil daripada perkongsian keuntungan tersebut.

b. Pengauditan Terhadap Kenaikan Kos Projek Lebuhraya Pantai Timur 2 Serta Perbandingan Kos Pembinaan Antara Jabatan Kerja Raya dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia

Pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti faktor kenaikan kos pembinaan projek ini disamping menentukan perbezaan kos projek bagi pembinaan yang diselia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Hasil daripada pengauditan ini didapati faktor kenaikan kos adalah disebabkan oleh bayaran Perubahan Harga (VOP) mengikut SPP 3/2008, pertambahan bayaran pengambilan balik tanah, tambahan anggaran kos untuk rekabentuk dan pengawasan, anggaran pertambahan kos bagi pakej yang ditender semula, anggaran kos pembinaan plaza tol dan komponen sampingan seperti pembinaan Rehat dan Rawat (R&R) dan Hentian Sebelah. Kos pembinaan per kilometer bagi lebuh raya yang diurus oleh JKR adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan LLM.







c. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Bantuan/Subsidi Kerajaan Kepada Nelayan

Kajian ini tertumpu kepada pemberian bantuan elaun sara hidup dan bayaran insentif hasil tangkapan ikan kepada nelayan yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Elaun sara hidup nelayan dibayar kepada setiap nelayan warganegara Malaysia yang aktif manakala bayaran insentif hasil tangkapan ikan dibayar mengikut berat dan jenis ikan yang didaratkan di jeti-jeti berdaftar seluruh Malaysia. Kajian ini akan diteruskan pada tahun 2013.




d. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Bantuan/Subsidi Kerajaan Kepada Pesawah

Kajian ini ditumpukan kepada Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dan Insentif Peningkatan Hasil (IPH) yang diperuntukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bagi meningkatkan hasil pertanian. Bantuan/subsidi ini telah diuruskan oleh agensi MOA seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS). Kajian ini akan diteruskan pada tahun 2013.





e. Pengauditan Khas: Pengauditan Terhadap Projek Ladang Satelit Jabatan Perkhidmatan Veterinar Bersama Cawangan Audit Pertanian

Pengauditan ini dilaksanakan secara *blue ocean strategy* bersama Cawangan Audit Pertanian atas permintaan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia bagi menilai pengurusan pembinaan ladang satelit di Negeri Sembilan serta mengenalpasti masalah yang mengakibatkan projek tidak siap dan siap tidak mengikut spesifikasi. Projek ini sepatutnya dirancang sebanyak 180 unit kandang lembu fidlot. Bagaimanapun, hanya 67 unit yang dibina di enam buah negeri dan dilaksanakan oleh Bahagian Pengaliran Dan Saliran Pertanian (BPSP) Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Sehingga hari ini masih terdapat beberapa projek terpaksa ditangguhkan kerana berlaku faktor peningkatan kos projek yang besar dan prestasi perunding yang dilantik BPSP yang kurang memuaskan. Pihak JPV berperanan menyediakan kemudahan kandang serta kawasan penanaman foder/foraj seluas 100 hektar untuk digunakan oleh pengusaha ladang lembu. Pengusaha ladang hanya perlu membayar sewa kandang lembu pada kadar yang minima yang dinilaikan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah (JPPH). Pengusaha bebas mengunakan kemudahan yang ada seperti sumber elektrik, air, rumah pekerja, jalan ladang, pagar kawasan, *wheel dip*, rumah baja, rumah makanan lembu dan sebagainya.

f. Penerbitan Buku Pelik Tapi Benar

Bahagian Kajian Khas telah berjaya menerbitkan buku **Pelik Tapi Benar** dan telah dilancarkan pada Hari Audit SeMalaysia yang diadakan di Kuantan pada 1–3 Oktober 2012. Ia adalah cetusan idea YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, KAN yang merupakan kompilasi realiti yang berlaku dan diekstrak dari LKAN sejak tahun 2007 hingga 2010. Buku ini memaparkan isu mengenai salah aturan berhubung aktiviti perolehan dan perbelanjaan wang awam untuk menjadi iktibar dan *lesson learnt* kepada orang ramai serta pihak bertanggungjawab supaya tidak berlaku perkara yang sama. Antara isu tersebut ialah pembaziran dan pemborosan daripada aktiviti perolehan dan perbelanjaan yang tidak terkawal, bangunan yang dibina terbiar tidak digunakan, pembinaan tidak mengikut spesifikasi, pembelian barang atau peralatan/perolehan yang melebihi keperluan atau tidak diperlukan, pelaburan yang sia-sia dan sebagainya.

BAHAGIAN PENGAUDITAN AIR

Bahagian Pengauditan Air telah melaksanakan skop pengauditan berdasarkan lima bidang pengauditan air iaitu Pengurusan Bekalan Air Minum, Pengurusan Sumber Air, Pengurusan Banjir, Pengurusan Hakisan Pantai dan Pengurusan Air Sisa & Kumbahan. Ini meliputi khidmat nasihat teknikal dalam kerja-kerja pengauditan prestasi disamping menyediakan garis panduan pengauditan dan latihan. Berikut adalah aktiviti dan pencapaian bagi Bahagian Pengauditan Air sepanjang tahun 2012.

a. Pengauditan dan Khidmat Nasihat Teknikal

Sepanjang tahun 2012, sebanyak lapan kajian dengan 19 lawatan tapak/projek telah dijalankan Bahagian Pengauditan Air bersama Sektor Audit Kerajaan Persekutuan. Sektor Audit Khas dan JAN, Negeri bagi pengauditan prestasi untuk LKAN 2012. Ini meliputi pengauditan dan khidmat nasihat teknikal bagi Kajian Projek Pembentungan, Projek Pengurusan Banjir dan Hakisan Pantai, Projek Pembinaan dan Pengurusan Empangan, Pengurusan Sumber Air, Projek Bekalan Air Luar Bandar, penyenggaraan dan mendalamkan sungai dan lain lain disamping khidmat nasihat teknikal bagi projek semasa atau *on going project* seperti Landasan Berkembar dan *River Of Life*. Berikut adalah beberapa lawatan tapak yang telah dijalankan.

i. Pengairan dan Saliran

Lawatan tapak dan pengauditan teknikal telah dijalankan bagi Sektor Audit Kerajaan Persekutan dan lima JAN, Negeri iaitu Johor, Perak, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sarawak. Ianya meliputi kajian Pengurusan Banjir, Kerja Mendalam dan Membaiki Sungai, Penggalian dan Pengindahan Sungai serta Kajian Hakisan Pantai.







ii. **Pengurusan Air Sisa dan Kumbahan**

Semakan dokumen dan lawatan tapak telah dilaksanakan di beberapa tapak projek meliputi Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Kedah bagi kajian Projek Pembentungan bagi Sektor Persekutuan. Komponen terlibat seperti projek pembinaan dan menaiktaraf *Sewage Treatment Plant* (STP)*, networking* dan *rehabilitation works*.

b. **Latihan dan Seminar**

Bagi tahun 2012, Bahagian Pengauditan Air telah melaksanakan empat kursus dan dua seminar berbanding tiga yang disasarkan bagi memenuhi keperluan pegawai audit khususnya dalam bidang teknikal. Selain itu juga, Bahagian Pengauditan Air telah diberi peluang untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan diperingkat antarabangsa bersama anggota ASEANSAI dalam Seminar ASEANSAI *Knowledge Sharing on Non Revenue Water* di Pulau Pinang. Seminar ini diadakan selama dua hari yang dihadiri oleh delegasi antaranya dari Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei, Laos, Vietnam, Cambodia, Loa PDR , Myanmar termasuk juga dari negeri China. Berikut adalah latihan dan seminar yang telah dijalankan oleh Bahagian Pengauditan Air sepanjang tahun 2012:






PROGRAM LATIHAN DAN SEMINAR BAGI TAHUN 2012

BIL.	LATIHAN/SEMINAR	TARIKH	TEMPAT	BIL. PESERTA
1.	Kursus Asas Teknikal Pengairan & Saliran – Hakisan Pantai	14 – 16.02.2012	Akademi Audit Negara	34 Orang
2.	Kursus Asas Teknikal Pengairan & Saliran – Tebatan Banjir	06 – 08.03.2012	Akademi Audit Negara	32 Orang
3	Kursus Lanjutan Teknikal Pengairan & Saliran – Hakisan Pantai	10 – 12.07.2012	Akademi Audit Negara	29 Orang
4	*Seminar River Of Life*	07 – 09.10.2012	Awana Genting Highlands	28 Orang
5	*Seminar ASEANSAI Kwonledge Sharing – NRW Auditing Experince*	30.10 – 02.11.2012	Holiday Inn, Pulau Pinang	16 Orang
6	Kursus Lanjutan Teknikal Pengairan & Saliran – Tebatan Banjir *(River Of Life)*	06 – 08.11.2012	Akademi Audit Negara	27 Orang

c. Penyediaan Garis Panduan Bekalan Air

Dua Garis Panduan Pengairan dan Saliran telah berjaya dikeluarkan dan dilancarkan sempena Hari Audit Se-Malaysia 2012 iaitu Modul Empangan dan Modul Hakisan Pantai. Objektif penyediaan Garis Panduan ini antaranya memberi pendedahan mengenai sistem dan pengurusan pengairan & saliran. Ia juga bagi meningkatkan pengetahuan mengenai polisi, peraturan-peraturan dan prosedur dalam menguruskan projek serta memberi kefahaman pendekatan audit yang standard, komprehensif dalam membantu juruaudit menjalankan pengauditan teknikal. Bagi terjemahan pula, Modul Garis Panduan Bekalan Air – Khidmat Pelanggan telah diterjemahkan ke Bahasa Inggeris. Penyediaan Garis Panduan ini dipengerusikan oleh Bahagian Pengauditan Air dan dijalankan bersama jawatankuasa yang dilantik meliputi pegawai audit dari Bahagian Penyelidikan, Sektor Khas & Penyelidikan, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan pegawai juga dari Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).





BAHAGIAN PENGAUDITAN ALAM SEKITAR

KAJIAN

a. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembangunan Tanah Tinggi dan Kesan kepada Kualiti Alam Sekitar di Majlis Daerah Cameron Highlands, Pahang Dengan Kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia







b. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perikanan Marin dan Alam Sekitarnya Bersama Cawangan Audit Pertanian & Industri Asas Tani, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan



c. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembangunan Tanah Tinggi dan Kesannya kepada Kualiti Alam Sekitar di Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Selangor Dengan Kerjasama *Vendor* GIS JAN



d. Mesyuarat Teknikal Ke III Bersama MoU Dengan Badan Pemeriksa Keuangan, Indonesia Mengenai *Parallel Audit On Illegal, Unreported And Unrecorded (IUU) Fishing and Its Environment* Pada 9 hingga 11 April 2012 di Pulau Pangkor



Mesyuarat teknikal di antara JAN Malaysia dan BPK RI telah diadakan pada 9 hingga 11 April 2012 di Pangkor Beach Resort, Perak di mana ianya merupakan rentetan daripada mesyuarat teknikal sebelum ini yang diadakan di Manado, Indonesia pada 3 hingga 5 Oktober 2011. Mesyuarat pada kali ini membincangkan tiga bidang iaitu *Illegal, Unreported And Unregulated (IUU) Fishing And Its Environment, Custom Duties Assessment On Exported Goods* dan juga *Water Resource Management.*

e. Mesyuarat Teknikal IV Mengenai Bersama MoU Dengan Badan Pemeriksa Keuangan, Indonesia *Parallel Audit On Illegal, Unreported And Unrecorded (IUU) Fishing and Its Environment* Pada 2 hingga 4 September 2012 di Lombok, Indonesia



Mesyuarat teknikal di antara JAN Malaysia dan BPK RI telah diadakan pada 2 hingga 4 September 2012 di Hotel Sheraton Senggigi Beach, Lombok, Indonesia. Mesyuarat ini merupakan kesinambungan daripada mesyuarat teknikal sebelum ini yang diadakan di Pangkor Beach Resort, Perak pada 9 hingga 11 April 2012. Mesyuarat teknikal pada kali ini adalah merupakan perbincangan lanjut mengenai *Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) Fishing and Its Environment, Custom Duties Assessment on Exported Goods* dan *Water Resource Management* selain daripada membincangkan kemajuan pelaksanaan pengauditan dan penyediaan draf laporan audit bagi kajian *Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) Fishing and Its Environment* dan *Custom Duties Assessment on Exported Goods*. Manakala bagi pengauditan terhadap *Water Resources Management and Its Environment* telah membincangkan mengenai penyediaan Memorandum Perancangan Audit (APM) yang akan dilaksanakan pada semester kedua bagi tahun 2012. Delegasi JAN Malaysia bagi mesyuarat ini terdiri daripada:

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	YBhg. Dato' Hj. Anwari bin Suri - **Ketua Delegasi**	Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)
2.	En. Zulkipli bin Abdullah	Pengarah,Sektor Audit Khas &Penyelidikan
3.	Pn. Fadzilah binti hj. Mohammad	Timbalan Pengarah Audit,Bahagian Pengauditan Alam Sekitar
4.	En.Paul Chai Sin Ngee	Timbalan Pengarah Audit,Cawangan Audit Kastam
5.	En. Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal	Timbalan Pengarah Audit,Cawangan Audit Pertanian & Industri Asas Tani
6.	En. Azrul Raimee bin Ramli	Ketua Penolong Pengarah Audit,Bahagian Pengauditan Air
7.	Cik Haniza binti Mohamad	Penolong Pengarah Audit, Bahagian Penyelidikan
8.	En. Azmar bin Momin	Penolong Pengarah Audit, JAN, Negeri Johor
9.	Pn. Jaleha binti Senin	Penolong Juruaudit, Bahagian Pengauditan Alam Sekitar
10.	Pn. Dayang Fatimah binti Abang Ali	Penolong Juruaudit, Cawangan Audit Pertanian & Industri Asas Tani
11.	Mohd Suhaidi bin Wan Shamsuddin	Penolong Juruaudit, Bahagian Pengauditan Air
12.	Norbaiti binti Zawahid	Penolong Juruaudit, Cawangan Audit Pertanian & Industri Asas Tani
13.	Nur Azimah binti Azizan	Penolong Juruaudit, Cawangan Audit Pertanian & Industri Asas Tani

f. *The 4th Seminar on Environmental Auditing and 3rd Working Meeting ASOSAI Working Group on Environmental Auditing* Diadakan Pada 18 hingga 20 September 2012, Hotel Equatorial, Pulau Pinang.



JAN telah dipilih menjadi tuan rumah kepada *The 4th Seminar on Environmental Auditing and 3rd Working Meeting ASOSAI Working Group on Environmental Auditing* (WGEA) yang diadakan di Hotel Equatorial, Pulau Pinang dari 18 hingga 20 September 2012 dan telah dihadiri oleh 56 delegasi dari 23 negara. Sehubungan itu, Bahagian Pengauditan Alam Sekitar telah dipertanggungjawabkan menjadi urusetia bersama-sama JAN Pulau Pinang dan Perak bagi tujuan memastikan pengurusan mesyuarat dilaksanakan dengan kemas, teratur dan berjalan mengikut program yang ditetapkan selaras dengan menaikkan imej JAN Malaysia diperingkat antarabangsa.

g. Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Antara Jabatan Audit Negara (JAN) dan Agensi Remote Sensing Malaysia Pada 3 Ogos 2012 di Bilik Persidangan, JAN.

JAN dan Agensi Remote Sensing Malaysia telah menandatangani Nota Kerjasama mengenai penggunaan *Geographic Information System* (GIS) dan Teknologi *Remote Sensing* pada 3 Ogos 2012 dalam usaha untuk menggalakkan kerjasama dan Nota Kerjasama ini bertindak sebagai rangka kerja am bagi kerjasama melaksana dan menyokong pelaksanaan aktiviti pengauditan yang lebih berkesan dengan menggunakan data *Remote Sensing*.



h. Majlis Perjumpaan Bersama KAN dengan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Pada 22 Oktober 2012 Dewan Serbaguna, Aras G, Presint 2, Putrajaya



Majlis perjumpaan bersama YBhg. Tan Sri Dato' Setia Amrin bin Buang dengan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah diadakan pada 22 Oktober 2012 selaras dengan isu global alam sekitar yang hangat diketengahkan didada-dada akhbar maka sokongan daripada Kerajaan, Swasta dan NGO amatlah diperlukan bagi tujuan mempertingkatkan kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar demi mencapai pembangunan lestari (*sustainable development*) di mana JAN dalam hal ini tidak terkecuali untuk memainkan peranan demi menjaga kelestarian alam sekitar selaras dengan misi dan visi negara kearah *green environment*. Justeru, Bahagian Pengauditan Alam Sekitar, JAN telah bercadang mengadakan perjumpaan dengan Badan Awam, Swasta dan NGO untuk berbincang dan mengemaskini maklumat mengenai isu global alam sekitar yang boleh membantu Negara secara langsung dan tidak langsung selain daripada dapat membantu pengauditan alam sekitar selaras dengan penubuhan Bahagian Pengauditan Alam Sekitar di JAN pada tahun 2008.

i. Persetujuan MoU Bersama Badan Pemeriksa Keuangan (BPK-Ri) Mengenai Latihan *Geographical Information System* (GIS) Pada 2 hingga 6 Julai 2012, BPK-RI Jakarta, Indonesia.



Latihan GIS telah diadakan seperti mana dipersetujui seperti dalam memorandum persefahaman (MoU) Mesyuarat Teknikal Parallel Audit antara JAN Malaysia dan BPK-RI untuk kali kedua di mana latihan kali pertama telah diadakan pada Disember 2009. Latihan pada kali ini diadakan pada 2 hingga 6 Julai 2012 di Pusat Didikan dan Latihan (PUSDIKLAT) Jakarta, Indonesia yang disertai oleh 12 peserta JAN serta 2 pegawai dari Agensi Remote Sensing Malaysia bagi tujuan membantu pegawai JAN dalam aspek teknikal GIS yang digunakan oleh BPK-RI. Latihan GIS di Jakarta diketuai oleh Puan Fadzilah bt. Haji Mohammad, Timbalan Pengarah Pengauditan Alam Sekitar. Kebanyakan peserta JAN telah mendapat pendedahan berkaitan GIS dan ini boleh membantu jabatan untuk memantapkan pembangunan GIS yang sedia ada.

j. Perkhidmatan Pembangunan Sistem Aplikasi *Geographical Information System* (GIS) di Bahagian Pengauditan Alam Sekitar, JAN Oleh *GeoIntelligence* Sdn. Bhd.



Perkhidmatan pembangunan GIS di Bahagian Pengauditan Alam Sekitar, JAN telah dilaksanakan dengan *GeoIntelligence* Sdn. Bhd. GIS melalui kontrak yang telah ditandatangani pada 27 Disember 2011 dan berakhir pada 30 Mac 2012. Pembangunan aplikasi GIS dengan kos RM199,980 merupakan aplikasi cerun dan *pilot* projek yang telah dipilih ialah di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). GIS merupakan suatu sistem pangkalan data berkomputer yang mana segala maklumat geografi dan pemetaan secara digital sesuatu kawasan dapat disimpan, diolah dan dianalisis dengan menggunakan sistem komputer. Manakala *Remote Sensing* merupakan teknologi melibatkan penggunaan sensor. Ianya terletak di atas suatu platform (satelit) yang bergerak jauh dari permukaan bumi, di mana ia memancar dan menerima gelombang elektro-magnetik bagi merakamkan fenomena bumi (statik/ dinamik) bagi tujuan pengumpulan data untuk analisis, pemantauan dan rujukan. Data rakaman kemudiannya dihantar ke stesen penerima dan dikenali sebagai Data Satelit Digital.

BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pengauditan Mengejut yang dilaksanakan oleh JAN adalah selaras dengan kehendak seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan yang menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan kerajaan. Manakala, mandat JAN adalah dinyatakan di dalam seksyen 6 Akta Audit 1957. Garis Panduan Pengauditan Mengejut yang telah diluluskan pada 27 September 2012 adalah menjadi rujukan utama ketika menjalankan pengauditan mengejut.

Objektif penubuhan Bahagian Pemeriksaan Mengejut adalah untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan pengauditan mengejut di Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor di mana pengauditan mengejut belum dilakukan oleh JAN,Negeri. Bahagian Pemeriksaan Mengejut juga bertanggungjawab untuk mengumpul dan menganalisa pemerhatian audit serta jawapan pengauditan mengejut yang dilaksanakan oleh Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit BBP. Selain itu, Bahagian Pemeriksaan Mengejut juga memantau pelaksanaan pengauditan mengejut secara keseluruhan. Analisa keseluruhan pemerhatian dan jawapan pengauditan mengejut akan dilaporkan dalam LKAN Kerajaaan Persekutuan.

a. Pengauditan Mengejut

i. Pengauditan Mengejut Oleh Bahagian Pemeriksaan Mengejut

Pada tahun 2012, Bahagian Pemeriksaan Mengejut telah melakukan pengauditan mengejut di 42 Kementerian/Jabatan/PTJ/PK/Agensi. Jumlah ini adalah melebihi sasaran awal (16 peratus) yang ditetapkan iaitu 36 pada awal tahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

PENGAUDITAN MENGEJUT OLEH BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/PTJ/PK/AGENSI
1.	Pejabat Kesihatan Daerah Sepang, Selangor
2.	Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Negeri Sembilan, Seremban
3.	Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur
4.	Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields, Kuala Lumpur
5.	Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur
6.	Balai Polis Brickfields, Kuala Lumpur
7.	Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras, Kuala Lumpur
8.	Balai Polis Travers, Kuala Lumpur
9.	Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul, Kuala Lumpur
10.	Jabatan Pendaftaran Negara Taman Melawati, Selangor
11.	Jabatan Pendaftaran Negara Taman Maluri, Kuala Lumpur
12.	Klinik Kesihatan Sungai Besi, Kuala Lumpur
13.	Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia, Kuala Lumpur
14.	Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangan W.P.Kuala Lumpur
15.	Balai Polis Sungai Besi, Kuala Lumpur
16.	Balai Polis Kepong, Kuala Lumpur
17.	Jabatan Imegresen Kuala Lumpur
18.	Sekolah Agama Menengah Hulu Langat, Batu 10 Cheras
19.	JAN Negeri Sembilan
20.	Balai Polis Mid Valley, Kuala Lumpur
21.	Balai Bomba & Penyelamat, Ibu Pejabat Kuala Lumpur
22.	Pejabat Imigresen WP K Lumpur, Jalan Duta
23.	Jabatan Pelajaran WP Putrajaya
24.	Balai Bomba & Penyelamat, Wangsa Maju K Lumpur
25.	Pusat Kesihatan Setapak
26.	Pusat Kesihatan Sepang
27.	Jabatan Pengangkutan Jalan Kuala Lumpur, Jalan Genting Kelang, Setapak
28.	Balai Polis Kuala Langat Banting
29.	Rejimen 515 AW Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur
30.	Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan K Lumpur

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/PTJ/PK/AGENSI
31.	Institut Kemahiran MARA, Kuala Lumpur
32.	Jabatan Alam Sekitar, Cawangan Kajang
33.	Jabatan Imigresen Sepang
34.	Bahagian Kewangan & Pentadbiran Sektor Pengurusan JAN
35.	Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan
36.	Hospital Banting Selangor
37.	Hospital Selayang
38.	Jabatan Imigresen Malaysia, Kelana Jaya
BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/PTJ/PK/AGENSI
1.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Putrajaya
2.	Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Kuala Lumpur
3.	Kementerian Pengangkutan Malaysia, Putrajaya
4.	Kementerian Kerja Raya , Kuala Lumpur

ii. Pengauditan Mengejut Atas Permintaan Pihak Pengurusan

Bahagian Pemeriksaan Mengejut juga telah menerima arahan daripada pihak pengurusan untuk melaksanakan pengauditan mengejut di Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan pada 12 hingga 14 Oktober 2012. Walaupun dalam tempoh arahan yang singkat, pegawai Bahagian Pemeriksaan Mengejut bersama pegawai daripada UAD Kementerian Kesihatan telah berjaya melaksanakan tugas dalam tempoh yang singkat. Ini bermakna pegawai di Bahagian Pemeriksaan Mengejut ini boleh di aturgerak dan melaksanakan tugas pengauditan dalam tempoh notis yang singkat.



iii. Pengauditan Mengejut Oleh Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri Dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan

Pada tahun 2012, sejumlah 36 PTJ/PK juga telah dijadikan sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) bagi pengauditan mengejut yang perlu dicapai oleh Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit BBP serta JAN, Negeri. Bagaimanapun, terdapat JAN, Negeri yang telah melakukan lebih daripada yang ditetapkan. Sehingga pertengahan bulan Disember 2012, sejumlah 354 pemerhatian audit telah

diterima dan sedang dianalisa untuk penyatuan oleh Bahagian Pemeriksaan Mengejut. Senarai PTJ/PK/Agensi yang telah dilakukan pengauditan mengejut oleh Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit BBP serta JAN, Negeri adalah seperti di jadual berikut:

PENGAUDITAN MENGEJUT OLEH SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN, SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA JAN, NEGERI

BIL.	JAN, NEGERI/SEKTOR	BILANGAN PENGAUDITAN MENGEJUT
1.	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	33
2.	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	7
3.	Kedah	6
4.	Kelantan	27
5.	Johor	35
6.	Melaka	20
7.	Pahang	28
8.	Pulau Pinang	25
9.	Selangor	48
10.	Terengganu	28
11.	Negeri Sembilan	16
12.	Perak	17
13.	Sabah	18
14.	Perlis	32
15.	Sarawak	14
JUMLAH		**354**

Semua salinan pemerhatian bagi PTJ/PK yang telah diaudit beserta jawapannya perlu dihantar kepada Bahagian Pemeriksaan Mengejut untuk tujuan penyatuan bagi penyediaan LKAN Kerajaan Persekutuan (di bawah tajuk Pemeriksaan Mengejut).

b. Pemerhatian Pengauditan Mengejut

Melalui pemerhatian yang dibuat hasil pengauditan mengejut dan jawapan terhadap pemerhatian tersebut, dapat dibuat rumusan bahawa masih berlaku ketidakpatuhan terhadap beberapa peraturan yang telah dipilih untuk dipantau semasa pengauditan mengejut pada tahun 2012. Menyedari hakikat ini, beberapa auditi memberikan maklum balas bahawa mereka sangat mengalu-alukan pengauditan mengejut ini dan mengakui bahawa pengauditan ini dapat memberikan kesedaran untuk mematuhi peraturan pengurusan kewangan pada setiap masa. Contoh isu yang dibangkitkan dalam pengauditan mengejut adalah seperti di jadual berikut:

CONTOH PEMERHATIAN PENGAUDITAN MENGEJUT

BIL.	PEMERHATIAN AUDIT	CATATAN
1.	Wang kutipan tidak di masukkan ke dalam bank dengan segera	AP 78 (a)
2.	Buku Tunai terimaan (manual) tidak kemaskini	
3.	Daftar Borang Hasil tidak diselenggara untuk menunjukkan semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang diterima dan dikeluarkan	AP 67
4.	Perakuan ada dibuat dibelakang helai pertama salinan buku resit untuk mengesahkan bahawa nombor siri resit adalah betul	AP 66(a)
5.	Baki stok borang hasil di daftar tidak bersamaan dengan baki sebenar	AP 67
6.	Buku Tunai Panjar wang Runcit tidak direkod kemaskini	
7.	Terdapat bil Panjar Wang Runcit yang belum/lewat dibayar	AP 103
8.	Pegawai yang memungut hasil tidak diberi kuasa secara bertulis atau surat perwakilan kuasa tidak dikemaskini	AP 69
9.	Semua penerimaan dan pengeluaran setem tidak direkodkan	Kawalan dalaman
10.	Baki setem di daftar telah disahkan oleh Ketua Pejabat	Kawalan dalaman
11.	Peti besi tidak mempunyai anak kunci/ kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan	AP 125
12.	Nombor kombinasi peti besi tidak ditukar setiap 6 bulan atau apabila terdapat pertukaran pegawai	AP 129
13.	Peti besi jika praktik tidak dicantumkan ke rangka bangunan	AP 127
14.	Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala dan tidak kurang sekali dalam tempoh enam bulan	AP 309 (a)
15.	Pemeriksaan Mengejut oleh Ketua Jabatan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap	AP 309 (b)

Secara keseluruhan. Pengauditan mengejut yang telah dijalankan telah membantu PTJ/PK/agensi berkaitan dalam mempertingkatkan lagi tahap kecekapan pengurusan kewangan sektor awam secara amnya.

c. Garis Panduan Pengauditan Mengejut

Ketika Persidangan Juruaudit Se-Malaysia di Kuantan, Pahang pada 01 Oktober 2012, Garis Panduan Pengauditan Mengejut telah dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang. Garis panduan ini akan menjadi rujukan utama kepada pasukan audit yang melaksanakan pengauditan mengejut.





LAPORAN AKTIVITI

SEKTOR PENGURUSAN



Zamani Bin Md. Jidin
Timbalan Pengarah
(Bahagian Teknikal)



Hj. Aziz Bin Mohd Akil
Pengarah Sektor Pengurusan



Yaacob Bin Samat
Timbalan Pengarah
(Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)



Zaleha@ Siti Zaleha Binti Yusof
Timbalan Pengarah
(Bahagian Teknologi Maklumat)



Noorizani Binti Che Muhamad
Timbalan Pengarah
(Bahagian Hal Ehwal Korporat)



Jamal Abd. Nasir Bin Yaacob
Timbalan Pengarah
(Bahagian Kewangan & Pentadbiran)



Fadhilah Shah Binti Abdul Latif
Penasihat Undang-Undang
(Unit Undang-Undang)

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

SEKSYEN PENGURUSAN PRESTASI

AKTIVITI SEKSYEN PENGURUSAN PRESTASI

a. Menguruskan Pemangkuan/Kenaikan Pangkat Pegawai
b. Menguruskan Perakuan Tanggung Kerja
c. Menyelaras Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Pegawai
d. Menguruskan Pengisytiharan Harta Pegawai
e. Mengurus Kes Tatatertib
f. Menguruskan Perakuan Pelantikan Pinjaman/Pertukaran Sementara
g. Menguruskan Penganugerahan Pingat dan Bintang
h. Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)
i. Mengurus setiakan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia

URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN PEMANGKUAN SEPANJANG TAHUN 2012

BIL.	AKTIVITI/PROJEK/KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR 2012
KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI (AUDIT DAN GUNASAMA)		
1.	Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional **(AUDIT)**	**98 orang (100%)** JUSA C–4 (100%) W54 – 4 (80%) W52 – 11 (110%) W48 – 24 (100%) W44 – 55 (100%)
	Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional **(GUNASAMA)**	**1 orang** PTD Gred M44 – 1
	Kumpulan Pelaksana **(AUDIT)**	**42 orang (100%)** PJA W36 – 1 PJA W32 – 40 PAP N4 – 1
	Kumpulan Pelaksana **(GUNASAMA)**	**1 orang** N32 - 1
	KUP 15 tahun Kumpulan Sokongan (Juruaudit dan Gunasama)	**9 orang** PJA W32 – 7 orang (14 Ogos 2012) PT(P/O) N22 – 2 orang (April 2012)

BIL.	AKTIVITI/PROJEK/KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR 2012
PEMANGKUAN PEGAWAI (AUDIT DAN GUNASAMA)		
2.	Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional **(AUDIT)**	**43 orang (86%)** JUSA C – 1 (100%) W54 – 1 (100%) W52 – 5 (100%) W48 – 8 (100%) W44 – 28 (80%)
	Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional **(GUNASAMA)**	**1 Orang** PTD Gred M44 - 1
	Kumpulan Pelaksana **(AUDIT)**	**72 orang (131%)** PJA W36 – 21 PJA W32 – 30 (Siri 1) PJA W32 – 14 (Siri 2) Pem JA W26 – 7
	Kumpulan Pelaksana **(GUNASAMA)**	**11 orang** N22 – 5 orang N26 – 1 orang N32 – 5 orang

PENCALONAN PENERIMA BINTANG DAN PINGAT

BIL.	PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT-PINGAT	BIL. PENCALONAN (ORANG)	BIL. PENERIMA (ORANG)
1.	Kedah 2012 (16.1.2012)	3	3
2.	Wilayah Persekutuan (DKBPWP) 2012 (1.2.2012)	3	2
3.	Perak 2012 (19.4.2012)	2	2
4.	Persekutuan 2012 (2.6.2012)	12	6
5.	Pulau Pinang 2012 (14.7.2012)	3	3
6.	Terengganu 2012 (20.7.2012)	3	-
7.	Sarawak 2012 (8.9.2012)	13	7
8.	Sabah 2012 (6.10.2012)	5	5
9.	Pahang 2012 (24.10.2012)	1	-
10.	Kelantan 2012 (12.11.2012)	3	-
11.	Selangor 2012 (11.12.2012)	5	-
JUMLAH		**53**	**28**

PENERIMA BINTANG DAN PINGAT MENGIKUT SEKTOR/BAHAGIAN

BIL.	SEKTOR/JAN/BAHAGIAN	BILANGAN PENERIMA
1.	Sektor Pengurusan	1
2.	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	1
3.	Sektor Audit Kerajaan Negeri	29
4.	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	2
5.	Bahagian/Unit Audit Dalam	4
JUMLAH		**37**

PENCAPAIAN TAHUN 2012

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN 2012
1.	Menyelaras Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Pegawai	2,634 borang
2.	Menguruskan Pengisytiharan Harta Pegawai	87 perisytiharan telah diluluskan
3.	Mengurus Kes Tatatertib	13 kes
4.	Menguruskan Perakuan Pelantikan Pinjaman/Pertukaran Sementara	31 orang
5.	Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)	3 kali setahun
6.	Mengurus setiakan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia	1 kali setahun

SEKSYEN PENGURUSAN KOMPETENSI

Sepanjang tahun 2012, Seksyen Pengurusan Kompetensi telah mengadakan beberapa aktiviti seperti berikut:

a. Bengkel *Task Force Group* Program Bersepadu Potensi dan Kompetensi (PROSPEK)





Bengkel *Task Force Group* PROPSEK bertujuan untuk membangunkan Manual Program Kompetensi dan Potensi (BKP) JAN Bagi Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W52, W48, W44, W41 selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 4 Tahun 2011.

Bengkel tersebut telah diadakan pada 14 hingga 17 Februari 2012 bertempat di Awana Resort Hotel, Genting Highlands, Pahang Darul Makmur dan dihadiri oleh seramai 25 ahli terdiri daripada pegawai kanan JAN dan 8 urus setia.

b. Mesyuarat Penggubalan Soalan Dan Skema Jawapan Bagi Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bilangan 1 Dan 2 Tahun 2012

Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 21 hingga 24 Mac 2012 bertempat di A'Famosa Resort, Jalan Kemus, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka. Mesyuarat tersebut dihadiri seramai 16 orang panel penggubal dan dibahagikan kepada 3 kumpulan mesyuarat megikut kertas peperiksaan iaitu Kertas Perlembagaan dan Undang-undang, Kertas Perakaunan dan Kertas Pengauditan. Seramai tiga kakitangan Seksyen Pengurusan Kompetensi telah bertindak sebagai urusetia.

c. Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bagi Juruaudit W41 dan Penolong Juruaudit Gred W27 Dalam Percubaan dan Peperiksaan Khas KPSL Ke Skim Perkhidmatan Penolong Juruaudit Gred W27 Tahun 2012





Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bil. 1 Tahun 2012 telah dilaksanakan pada 17 hingga 19 April 2012 di enam buah lokasi dan telah dihadiri oleh seramai 27 calon daripada Juruaudit Gred W41 dan 55 calon Penolong Juruaudit Gred W27. Senarai Pusat Peperiksaan dan calon-calon mengikut negeri yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

SENARAI PUSAT PEPERIKSAAN DAN CALON-CALON MENGIKUT NEGERI BIL. 1 TAHUN 2012

BIL.	LOKASI	CALON - CALON
1.	Akademi Audit Negara	Putrajaya, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan
2.	JAN Negeri Melaka	Melaka dan Johor
3.	JAN Negeri Sarawak	Sarawak
4.	JAN Negeri Sabah	Sabah
5.	Wisma Persekutuan Kelantan	Kelantan, Terengganu dan Pahang
6.	JAN Negeri Kedah	Kedah, P.Pinang dan Perlis

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bil. 2 Tahun 2012 dan dan Peperiksaan Khas KPSL Ke Skim Perkhidmatan Penolong Juruaudit Gred W27 Tahun 2012 telah dilaksanakan pada 27 hingga 29 November 2012 di tujuh buah lokasi dan telah dihadiri oleh seramai 16 calon daripada Juruaudit Gred W41, 57 calon Penolong Juruaudit Gred W27 dan enam calon KPSL. Senarai Pusat Peperiksaan dan calon-calon mengikut negeri yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :

SENARAI PUSAT PEPERIKSAAN DAN CALON-CALON MENGIKUT NEGERI BIL. 2 TAHUN 2012

BIL.	LOKASI	CALON - CALON
1.	Akademi Audit Negara	Putrajaya, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan
2.	JAN Negeri Melaka	Melaka dan Johor
3.	JAN Negeri Sarawak	Sarawak
4.	JAN Negeri Sabah	Sabah
5.	Wisma Persekutuan Kelantan	Kelantan, Terengganu dan Pahang
6.	JAN Negeri Kedah	Kedah, Pulau Pinang dan Perlis
7.	JAN Negeri Perak	Perak

d. Mesyuarat Pemeriksaan Kertas Jawapan Peperiksaan Siri 1 Tahun 2012

Mesyuarat Pemeriksaan Kertas Jawapan Peperiksaan Perkhidmatan Siri 1 Tahun 2012 telah diadakan selama tiga hari mulai pada 02 hingga 04 Mei 2012 bertempat di Allson Hotel Putra, Nilai, Negeri Sembilan. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh seramai enam pemeriksa dan empat urus setia. Sejumlah 151 kertas jawapan peperiksaan Perlembagaan dan Undang-undang, Perakaunan dan Pengauditan telah diperiksa.

e. Program Pusat Penilaian Kompetensi *(Assessment Centre)* Juruaudit Gred W41

Program ini dilaksanakan selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 1 Tahun 2011 berhubung dengan kaedah pengambilan melalui proses *MyRecruitment*.





Program Pusat Penilaian Kompetensi *(Assessment Centre)* Juruaudit Gred W41 telah dilaksanakan pada 30 Jun 2012 sehingga 15 Julai 2012 di tujuh buah lokasi Pusat Penilaian dan dijayakan oleh seramai 27 panel penilai, 27 fasilitator dan 45 urusetia. Butiran mengenai lokasi dan calon terlibat adalah seperti di jadual berikut:



SENARAI LOKASI DAN BILANGAN CALON TERLIBAT DALAM PROGRAM PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI JURUAUDIT GRED W41 TAHUN 2012

BIL.	LOKASI	TARIKH	CALON
1.	Institut Kemajuan Desa (INFRA)	30.06– 01.07. 2012	140 orang
2.	Intan Wilayah Timur (INTIM)	30.06 – 01.07. 2012	63 orang
3.	Intan Wilayah Selatan (IKWAS)	07 – 08.07. 2012	69 orang
4.	Intan Wilayah Utara (INTURA)	07 –08.07. 2012	103 orang
5.	INTAN SABAH	07 – 08.07. 2012	30 orang
6.	Institut Latihan Kehakiman Perundangan (ILKAP)	14 – 15.07. 2012	153 orang
7.	Akademi Percukaian Malaysia, Kuching SARAWAK	14 – 15.07. 2012	46 orang
JUMLAH			**604 orang**

BAHAGIAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

SEKSYEN KEWANGAN


Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2012, peruntukan perbelanjaan mengurus JAN berjumlah RM 146,879,100.00 iaitu pertambahan sebanyak RM 9,985,100.00 (6.80%) dari tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM 146,879,015.98 (100%) telah dibelanjakan. Maklumat terperinci adalah seperti berikut :

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2011 DAN 2012

OBJEK AM	2011			2012		
	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)
Emolumen	83,820,000.00	81,738,305.07	97.5%	92,932,000.00	95,921,378.66	100%
Perkhidmatan dan Bekalan	51,503,800.00	46,522,713.46	90.4%	51,989,900.00	49,077,114.36	100%
Aset	1,400,000.00	1,282,422.69	91.6%	1,760,000.00	1,726,520.86	100%
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	140,200.00	103,792.55	74.0%	140,000.00	105,135.24	99.99%
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	30,000.00	21,112.50	70.4%	57,000.00	48,866.86	99.99%
JUMLAH	**136,894,000**	**129,668,346.27**	**94.7%**	**146,879,100.00**	**146,879,015.98**	**100%**

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2011 MENGIKUT OBJEK AM



Berdasarkan rajah di atas, peruntukan 2012 telah bertambah sebanyak RM 9.99 juta berbanding peruntukan tahun 2011. Prestasi perbelanjaan 2012 menunjukkan Jabatan telah berbelanja 100%. Perbelanjaan ini adalah melibatkan bayaran Imbuhan Tahunan 2012 yang telah diumumkan pada tahun berkenaan.

SEKSYEN PEROLEHAN

Perolehan di JAN telah diuruskan dengan teratur dan berkesan dengan mematuhi semua peraturan yang berkaitan berlandaskan prinsip-prinsip akauntabiliti awam, dibuat secara telus *(transparent)*, nilai faedah yang terbaik *(value for money)*, saingan terbuka, adil dan saksama serta mematuhi peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa.

Perolehan Jabatan bagi tahun 2012 telah dilaksanakan secara Pembelian Terus, Sebut Harga, Tender, eBidding dan Rundingan Terus melalui Sistem e-Perolehan. Di bawah peruntukan mengurus, Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM9.9 juta. Maklumat perolehan tersebut adalah seperti jadual berikut:

BIL.	JENIS PEROLEHAN	JUMLAH PEROLEHAN DILAKSANAKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Perolehan Secara Pembelian Terus bagi Pesanan Kerajaan	730	9,858,331.01
2.	Perolehan Secara Sebut Harga	7	1,969,800.00
3.	Perolehan Secara Tender	1	1,108,000.00
4.	Perolehan Secara eBidding	1	420,000.00
5.	Perolehan Secara Rundingan Terus	2	802,000.00

Pelantikan/Pelanjutan Pengauditan oleh Firma Audit Swasta (FAS)

Pada tahun 2012/2013 sebanyak 61 FAS telah dilantik yang untuk menjalankan kerja pengauditan untuk 388 agensi Kerajaan yang terdiri daripada BBP dan Kumpulan Wang Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pelantikan/Pelanjutan Pengauditan oleh FAS tahun 2012/2013 dilaksanakan secara Pelantikan Terus, Pelanjutan dan Sebut Harga. Maklumat Pengurusan Pelantikan FAS adalah seperti jadual berikut:

BIL.	PELANTIKAN / PELANJUTAN PENGAUDITAN OLEH FIRMA AUDIT SWASTA	KUANTITI
1.	Pelantikan FAS secara Sebut Harga bagi Tahun Kewangan 2012	8
2.	Pelantikan Baru FAS secara Lantikan Terus bagi Tahun Kewangan 2012 / 2013	90
3.	Pelantikan secara pelanjutan FAS bagi Tahun Kewangan 2012 / 2013	551

SEKSYEN PEMBANGUNAN

Latar Belakang

Jumlah peruntukan asal pembangunan yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RM Ke-10) untuk *Rolling Plan* Pertama adalah sebanyak RM9,562,800 bagi melaksanakan dua projek sambungan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan satu projek pengkomputeran. Manakala sebanyak RM53 juta diperuntukkan sehingga tahun 2013 bagi projek di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Finance Initiative* - PFI) untuk tiga projek sambungan.

Maklumat prestasi perbelanjaan pembangunan sehingga 31.12.2012 adalah seperti jadual berikut:

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN SEHINGGA 31.12.2012



Aktiviti dan Pencapaian Sepanjang Tahun 2012

Aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Seksyen Pembangunan JAN sepanjang tahun 2012 termasuklah:

Majlis Perasmian Wisma Audit Negeri Kelantan

Bangunan JAN, Negeri Kelantan dibina di daerah Kota, Jajahan Kota Bharu, Kelantan seluas 4.25 ekar. Projek ini dibiayai melalui peruntukan secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dengan kos *As Tendered Detail Abstract* (ATDA) sebanyak RM16.3 juta.





Tarikh milikan tapak projek adalah pada 02.07.2009 dan telah siap sepenuhnya pada 02.12.2011. Bangunan yang dikenali sebaga Wisma Audit ini terdiri daripada satu blok bangunan pejabat dua tingkat yang dilengkapi dengan kemudahan bilik mesyuarat utama, bilik sindiket, surau, perpustakaan, Unit ICT, lot parkir dan gelanggang rekreasi. Wisma Audit Negeri Kelantan yang berkeluasan 3806 meter persegi ini telah mula beroperasi sepenuhnya pada 8 Januari 2012.

Majlis Perasmian Wisma Audit Negeri Kelantan ini disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammd V, Sultan Dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Kelantan Darul Naim pada 21 Oktober 2012.





Projek Pembinaan Pejabat JAN, Negeri Pahang.


Bangunan JAN, Negeri Pahang dibina atas Lot 3/2 Seksyen II, Mukim Indera Mahkota, Daerah Kuantan, Pahang seluas 3 ekar. Projek yang dibiayai dengan Peruntukan Pembangunan ini telah ditender semula di bawah RMK-10 dengan kos As *Tendered Detailed Abstract* (ATDA) sebanyak RM19.5 juta.

Tarikh milikan tapak projek adalah pada 28.06.2011 dan tarikh jangka siap semasa adalah pada 31.01.2013. Laporan kemajuan fizikal projek sehingga 18.12.2012 adalah sebanyak 97.73% dan kerja-kerja yang sedang dijalankan di tapak adalah seperti berikut :

- Kerja mengecat di bangunan utama
- Kerja menurap premix
- Kerja pemasangan pintu
- Kerja pemasangan aluminium *frame & glass wall* di bangunan utama
- Kerja pemasangan *kitchen cabinet* di bilik pantri
- Kerja pemasangan *covered carpark*
- Kerja pembersihan tapak
- Kerja pemasangan *interlocking paver*

Cadangan Pembinaan Bangunan JAN, Negeri Sabah Secara Kaedah *Public Private Partnership* (PPP).

Pembinaan Bangunan JAN Negeri Sabah dilaksanakan berdasarkan konsep *Public Private Partnership* (PPP) bagi mengoptimumkan elemen *value for money* dengan cara pengagihan risiko yang cekap, pendekatan perkhidmatan sepanjang hayat aset, inovasi sektor swasta dan kepakaran pengurusan serta penggabungan elemen reka bentuk, kewangan, pembinaan dan operasi projek yang berkaitan.



Sepanjang tahun 2012, JAN telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Nilai *(Value Management Lab)* Projek JAN Negeri Sabah di The Palace Hotel, Kota Kinabalu Sabah pada 03.04.2012 - 06.04.2012 dan Bengkel Pemurnian Rekabentuk Cadangan Projek Pembinaan Bangunan Jabatan Audit Negara Negeri Sabah yang berlangsung di Royale Bintang Hotel, Kuala Lumpur pada 05.11.2012 - 08.11.2012. Bengkel yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya Malaysia, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri dan pemaju YHC Realty Sdn. Bhd. tersebut diadakan bagi memuktamadkan rekabentuk, keluasan lantai serta anggaran kos untuk dijadikan dasar dalam proses rundingan harga.

Sehingga 31.12.2012, status pelaksanaan Projek Pembinaan Bangunan JAN, Negeri Sabah secara PPP adalah dalam peringkat rundingan terma dan syarat perjanjian.

Projek Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat JAN Di Parcel F, Presint 1, Putrajaya

Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat JAN adalah di Parcel F, Presint 1 Putrajaya dengan rekabentuk *'Garden Office'* selaras dengan konsep keseluruhan *'Garden City'* Putrajaya. Keluasan tapak tanah di Parcel F adalah seluas 34.17 ekar yang menempatkan pelbagai jabatan kerajaan. Bangunan JAN ditempatkan di Blok F3 dan F4 dengan keluasan keseluruhan bagi kedua-dua blok tersebut sejumlah 42,868 meter persegi.



Projek tersebut akan dilaksanakan oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PJH) dan dibina dengan menggunakan kaedah *Build-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT). Tempoh pembinaan projek adalah selama 42 bulan dan dijangka siap pada tahun 2017.

Sepanjang tahun 2012, JAN telah mengadakan beberapa siri mesyuarat serta perbincangan bersama Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PJH) bagi mengenalpasti keperluan ruang serta susun atur ruang pejabat di Parcel F tersebut.

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

OBJEKTIF

Bahagian Teknologi Maklumat di wujudkan di JAN adalah bagi

- Menguruskan sumber teknologi maklumat serta memberikan khidmat teknikal ICT
- memastikan program pengkomputeran JAN dirancang dan dilaksanakan selaras dengan visi dan misi JAN

Bagi melaksanakan objektif ini, Bahagian Teknologi Maklumat mempunyai persekitaran ICT yang perlu dirancang dan dilaksanakan selaras dengan misi JAN iaitu melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Parlimen dan badan Perundangan Negeri ke arah meningkatkan tadbir urus sektor awam.

Dua aspek utama di dalam melaksanakan objektif Bahagian Teknologi Maklumat adalah meliputi:

- Khidmat teknikal ICT, operasi dan rangkaian
- Pembangunan aplikasi

Bagi keperluan operasi serta khidmat teknikal, pencapaian yang diterima adalah apabila segala permasalahan telah dapat diambil tindakan sewajarnya serta program penambahbaikan keselamatan dan rangkaian tetap dipertingkatkan dan dikawal selia, serta sistem dan e-mel dapat dicapai oleh pengguna tanpa sebarang masalah.

Selain dari itu, KPI Bahagian Teknologi Maklumat seperti yang telah disarankan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang telah dapat dilaksanakan iaitu pencapaian Portal yang telah berjaya memperoleh penarafan 5 bintang dalam Penilaian Laman Web Sektor Awam anjuran Multimedia Development Corporation (MDEC) bagi tahun 2012.

PERKHIDMATAN TEKNIKAL ICT, OPERASI DAN RANGKAIAN

PerkhidmatanTeknikal ICT, Operasi dan Rangkaian adalah merangkumi:

- Operasi ICT JAN
- Rangkaian, keselamatan dan pusat data
- Khidmat teknikal ICT serta pengurusan e-mel rasmi JAN

OPERASI ICT

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), bagi *Rolling Plan* pertama tahun kedua, 2012 JAN telah diberi peruntukan pembangunan sebanyak RM2.5 juta. Antara projek-projek yang telah dilaksanakan adalah seperti dalam jadual di bawah.

BIL.	NAMA PROJEK	KOS (RM)
1.	Perolehan Peralatan ICT dan Kelengkapannya	893,425.50
2.	Pembangunan Portal JAN dan perkakasannya	409,966.00
3.	Menaik taraf infrastruktur Rangkaian Akademi Audit Negara serta migrasi IPV6 Fasa ke 2	363,647.00
4.	Pelaksanaan *Security Posture Assesment* dan *Network Forensic*	149,800.00
5.	Projek sambungan 2011 – Penggunaan GIS dalam Pengauditan	82,793.00
6.	Projek sambungan 2011 – Penambahbaikan Sistem eSPP	252,850.00
7.	Perolehan server Sistem eARAS	46,500.00
PROJEK DILAKSANAKAN HASIL PENJIMATAN		
8.	Server Sistem Pengurusan Aset (SPA)	48,600.00
9.	*Server Rack & Tower* UPS – enam unit	17,560.00
10.	Perisian Dewan Eja &Terjemahan (230 lesen)	49,220.00
11.	Backup System E-mel Rasmi JAN	48,800.00
12.	Peralatan Sokongan Untuk Pusat Data & Khidmat Sokongan Teknikal	45,758.00
13.	*Mobile Broadband* Untuk Kemudahan Pengauditan	780.00

Selain daripada Peruntukan Pembangunan di atas, dua perolehan ICT yang lain iaitu Penyenggaraan Sistem E-mel Rasmi JAN dan Penyenggaraan Sistem *Video Conference* (VC) telah dibuat dengan menggunakan peruntukan Belanja Mengurus. Kos bagi kedua-dua perolehan ini adalah sebanyak RM269,800 dan RM91,000. Bagi Perkhidmatan Penyenggaraan dan Khidmat Sokongan Teknikal Perisian *Audit Command Language* (ACL) pula, ia telah dilaksanakan secara Rundingan Terus *(Direct Nego)* dengan kos sebanyak RM490,000.

Sebanyak enam sebut harga, satu tender, satu Rundingan terus serta beberapa pesanan tempatan (LO) telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan ICT JAN, yang kebiasaannya akan dibentangkan terlebih dahulu di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT JAN (JPICT).

Bagi perolehan peralatan ICT, sebanyak 393 peralatan telah dibeli secara tender dan butiran perolehan adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	PERALATAN	KUANTITI
1.	Komputer Peribadi	40
2.	Komputer Riba	98
3.	Pencetak Warna *(stand alone)*	18
4.	Pencetak Warna *(Network)*	35
5.	Pencetak Mono *(stand alone)*	54
6.	Pencetak Mono *(Network)*	98
7.	UPS	50

RANGKAIAN, KESELAMATAN DAN PUSAT DATA

Rangkaian 1Gov*Net(Audit)

1Gov*Net merupakan satu rangkaian bersepadu untuk Sektor Awam yang akan diuruskan secara berpusat bagi menyediakan perkhidmatan komunikasi data, sidang video, bagi semua agensi kerajaan di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak BerkuasaTempatan. Memandangkan kontrak pelaksanaan Audit*Net akan tamat tempoh pada 31 Disember 2012, dengan kerjasama MAMPU dan pihak pembekal sedia ada, migrasi rangkaian Audit*Net telah dilaksanakan mulai bulan Jun 2012.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 71 lokasi telah berjaya dipindahkan kerangkaian 1Gov*Net, serta 2 lokasi yang akan dilaksanakan awal tahun 2013, di mana lokasi keseluruhanJabatan Audit Negara berjumlah 73 termasuk JAN Negeri dan Cawangan/SeksyenKecil. Migrasi ini termasuk aktiviti menaik taraf kapasiti bandwidth kepada 1Mbps, 2Mbps, 4Mbps, 8 Mbps dan 16Mbps.

Menaiktaraf Infrastruktur Rangkaian Akademi Audit Negara Serta Migrasi IPV6 Fasa 2

Akademi Audit Negara merupakan Pusat Latihan JAN yang aktif mengadakan kursus dalaman atau luaran, termasuk juga kursus peringkat antara bangsa. Kajian telah mendapati infrastruktur rangkaian dan peralatan sedia ada Akademi Audit Negara tidak memenuhi keperluan piawaian IPv6.

Syarikat Velocity Technology Sdn. Bhd. Telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf ini dengan kos sebanyak RM363,647. Antara kerja-kerja menaik taraf yang dilaksanakan adalah seperti membekalkan peralatan rangkaian Akademi Audit Negara, migrasi IPv4 ke IPv6, menaik taraf sistemr angkaian Akademi Audit Negara yang melibakan penukaran Core Switch dan Access Switch, menaik taraf sistem kabel rangkaian Akademi Audit Negara serta menetapkan semula konfigurasi rangkaian Akademi Audit Negara. Semua kerja berkaitan telah selesai dilaksanakan pada minggu kedua November 2012.

Keselamatan dan Pusat Data : Pelaksanaan *Security Posture Assessment* (SPA) & *Network Forensic*

Security Posture Assessment (SPA) dan *Network Forensic* merupakan aktiviti proaktif bagi membolehkan agensi menilai dan mengesan tahap kelemahan rangkaian dan sistem ICT supaya penambahbaikan keselamatan ICT dapat dirancang di samping memantau keselamatan ICT sedia ada.

JAN telah melantik syarikat yang berpengalaman dalam bidang keselamatan ICT iaitu Ofisgate Sdn. Bhd. Untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut dengan kos sebanyak RM149,800. Ujian penilaian tahap keselamatan ini telah dilaksanakan di tiga lokasi iaitu Ibu Pejabat JAN, JAN, Negeri Selangor dan JAN, Negeri Sembilan. Antara skop kerja yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- *Network Architecture Review*
- *Network Devices Assessment*
- *Host Vulnerability Assessment*
- *Server OS Configuration Review*
- *ICT Security Policy Review*
- *Physical Security Audit*
- *Internal Penetration Test*
- *External Penetration Test*
- *Network Forensic*

KHIDMAT TEKNIKAL

Penyenggaraan Pencegahan

Bahagian Teknologi Maklumat melaksanakan Penyenggaraan Komputer Peribadi Berjadual tiga kali setahun berdasarkan Prosedur Kualiti Audit-PK-(S)-04, bagi mencegah aset ICT daripada mengalami permasalahan atau kerosakan. Untuk peralatan ICT bagi sistem-sistem utama JAN, khidmat Penyenggaraan Berjadual *(Preventive Maintenance)* telah disediakan. Sistem-sistem yang terlibat adalah Sistem E-mel Rasmi JAN, *Sistem Video Conference, System Center Configuration Manager* (SCCM) dan *Sistem Active Directory*.

Penyenggaraan Pembaikan

Penyenggaraan pembaikan dilaksanakan apabila berlaku permasalahan terhadap sesuatu peralatan ICT, untuk memastikan peralatan bermasalah dapat beroperasi semula seperti sedia kala.

Sepanjang tahun 2012 mulai bulan Januari hingga Disember, sebanyak 823 aduan kerosakan telah diterima dan diselesaikan. Butiran terperinci kerosakan mengikut bulan dan tempoh pembaikan dilaksanakan adalah seperti dalam jadual-jadual di bawah:

TEMPOH PEMBAIKAN	JUMLAH
1 hari	397
2 - 6 hari	323
melebihi 7 hari	103
JUMLAH KEROSAKAN	823

BULAN	ADUAN
Januari	100
Februari	73
Mac	79
April	82
Mei	95
Jun	48
Julai	82
Ogos	63
September	64
Oktober	61
November	48
Disember	28
JUMLAH	823

Pelupusan ICT

Kebiasaan setiap tahun, Bahagian Teknologi Maklumat akan menerima permohonan JAN Negeri bagi pemeriksaan peralatan ICT yang akan dilupuskan. Bagi tahun 2012 sebanyak 126 Peralatan ICT yang telah dilupuskan bagi negeri Sabah, Selangor, Negeri Sembilan dan kawasan sekitar Lembah Kelang termasuk Ibu Pejabat JAN sendiri. Jadual peralatan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH PERALATAN DILUPUSKAN
Selangor	14
Sabah	31
Negeri Sembilan	10
Ibu Pejabat	71

PEMBANGUNAN SISTEM

Aktivti utama pembangunan sistem bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:

Pembangunan Portal Baru JAN

Pembangunan Portal ini melibatkan perolehan perkakasan dan pembangunan baru portal jabatan, intranet dan portal Akademi Audit Negara, setelah mengambil kira beberapa kriteria yang disyaratkan oleh pihak MAMPU dan MDEC, agar pencapaian *online* dapat dimanfaatkan dan dipertingkatkan.





Peningkatan Sistem Pengurusan Pengauditan

Sistem Pengurusan Pengurusan telah dipertingkatkan dengan menambahbaik modul sedia ada dan menambah modul dan sub modul baru seperti Penyediaan Draf LKAN, Pengurusan FAS, Pasukan Rujukan dan Pengurusan Latihan. Adalah diharapkan dengan peningkatan Sistem eSPP ini dapat membantu pengurusan pengauditan di JAN.



Penambahbaikan Laman Web INTOSAI IT Audit

Laman Web INTOSAI IT Audit sebelum ini dikendalikan oleh NAO United Kingdom telah diserahkan kepada JAN Malaysia mulai tahun 2012. Penambahbaikan dilaksanakan untuk menjadikan laman web ini lebih berinformasi.



Penambahbaikan Sistem eARAS

Sistem eARAS telah di tambahbaik dengan memasukkan ciri *automated working paper*. Melalui sistem ini, kertas kerja untuk pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dilaksanakan di dalam Sistem eARAS.

BAHAGIAN TEKNIKAL

Bahagian Teknikal bertanggungjawab memberi khidmat nasihat teknikal dan terlibat secara langsung dalam proses Pengauditan Prestasi projek-projek pembinaan. Ia juga terlibat membantu Sektor Pengurusan bagi menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembinaan dan pengubahsuaian pejabat JAN. Selain daripada kerja-kerja pengauditan, bahagian ini juga turut memberi penjelasan dan kefahaman yang berkaitan dengan isu-isu teknikal kepada juruaudit apabila diperlukan.

Pegawai-pegawai teknikal juga terlibat dalam memberi latihan khususnya dalam aspek teknikal kepada pegawai-pegawai awam. Bidang khidmat nasihat teknikal yang diberi meliputi aspek kejuruteraan dan pentadbiran kontrak dalam projek pembinaan. Bahagian ini terdiri dari tujuh orang pegawai teknikal iaitu lima Jurutera Awam, seorang Juruukur Bahan dan seorang Penolong Jurutera Elektrik. Aktiviti yang telah dilaksanakan dan pencapaian pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

PENCAPAIAN PENGAUDITAN, KHIDMAT NASIHAT DAN CERAMAH

AKTIVITI	SEKTOR AUDIT				AKADEMI AUDIT NEGARA	AUDIT DALAM	JUMLAH
	KERAJAAN PERSEKUTUAN	KERAJAAN NEGERI	BADAN BERKANUN	KHAS & PENYELIDIKAN			
Pengauditan	13	8	10	-	-	-	31 projek
Khidmat Nasihat Teknikal	Semua Sektor / UAD / Lain-lain Agensi						28 kali
Ceramah	Unit Audit Dalam IPTA / JPM dan JKR						26 jam

PENCAPAIAN PEMBANGUNAN JABATAN

AKTIVITI	PENCAPAIAN (KALI)	
	MESYUARAT PROJEK	LAWATAN TAPAK
Menyelaras dan memantau projek-projek pembangunan JAN di negeri-negeri dalam pembinaan dan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. - JAN Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor dan Kelantan	54	24
Mesyuarat Pembangunan Dan Penyediaan Ringkasan Projek bagi projek-projek JAN dalam perancangan - JAN Sabah, Pulau Pinang, Kedah, Johor, Sarawak dan Terengganu.	26	

PENCAPAIAN PENGAUDITAN PROJEK MRT LEMBAH KLANG

AKTIVITI	PENCAPAIAN
Pengauditan Projek MRT Lembah Klang - Mesyuarat, Pengauditan dan Lawatan - Kursus Kejuruteraan Keretapi - Laporan Perolehan dan Tanah	 26 kali 5 hari 2 laporan

BAHAGIAN HAL EHWAL KORPORAT

MESYUARAT PENGURUSAN JABATAN AUDIT NEGARA

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 22 Mesyuarat Pengurusan telah diadakan. Setiap mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang dan dihadiri oleh 35 ahli mesyuarat termasuk Pengarah JAN, Negeri/Timbalan Pengarah JAN, Negeri.







CERAMAH EKSEKUTIF

Lapan sesi Ceramah Eksekutif telah diadakan sepanjang tahun 2012. Salinan rakaman juga telah dibuat dan diedarkan kepada semua Sektor/JAN, Negeri dan Akademi Audit Negara untuk tujuan rujukan dan sesi latihan dalaman di pejabat masing-masing. Tajuk-tajuk Ceramah Eksekutif adalah seperti berikut:

PROGRAM CERAMAH EKSEKUTIF

TARIKH	TAJUK	PENCERAMAH	TEMPAT
31.01.2012	*Thinking Without The Box*	Robest Yong Han Aun, *Innoprenueur*	Dewan Serbaguna JAN
20.03.2012	Motivasi Kejayaan Wanita Bekerjaya	Shaliza Binti Shafie, Ranu Professional & Development Support	Dewan Serbaguna, Menara Usahawan
29.03.2012	*Service Excellence: Basis, Effects and Enhancements*	Dr. G. Sukhdev Singh Ranu, Ranu Professional Development Support	Dewan Perdana, Putrajaya International Convention Center
30.05.2012	*Supply Chain Management & Its Relevance To Government Procurement*	Nor Azmi Bin Ramli, Tenaga Nasional Berhad	Dewan Serbaguna JAN
18.06.2012	Memperkasakan Integriti – Bahaya Dari Penggunaan Internet	Mohamad Nizam Kassim, Cyber Security Malaysia	Dewan Serbaguna JAN
25.06.2012	Transformasi Diri Ke Arah Kecemerlangan Organisasi	Abdul Rahim Bin Husin, Akademi Integrasi Moden	Dewan Serbaguna JAN
05.11.2012	Membudayakan Kreativiti & Inovasi Dalam Organisasi	Hj. Ahmad Fadzil Bin Mahmud	Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan
30.11.2012	Kebahagian Keluarga	Ustaz Mat Salleh Bin Hussin	Santuary Resort, Kuantan Pahang

PENGURUSAN PENERBITAN DAN PENGEDARAN

Laporan Aktiviti Tahunan Jabatan Audit Negara

Bahagian ini merupakan penyelaras dan urus setia penyediaan Laporan Aktiviti Tahunan JAN. Penyediaan adalah mengikut sasaran yang telah ditetapkan sekali dalam setahun, setiap Laporan Aktiviti perlu diedarkan kepada semua Kementerian/jabatan/ Agensi Kerajaan selewat-lewatnya pada bulan April tahun berikutnya. Bagi Laporan Aktiviti 2011 urus setia telah berjaya mengedar dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 30 April 2012.









Liputan Media Berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011

Setelah LKAN dibentangkan di Parlimen setiap tahun. YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang telah mengarahkan Bahagian ini untuk menyediakan Kompilasi Liputan Media Berkaitan LKAN bagi memudahkan rujukan oleh pegawai JAN. Pada tahun ini, Bahagian telah berjaya menyediakan dan membuat edaran Kompilasi Liputan Media Berkaitan LKAN 2011 pada 28 Disember 2012.

INOVASI

JAN telah mencapai sasaran untuk melaksanakan program-program Inovasi yang ditetapkan. Antara enam program yang telah dilaksanakan adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
1.	**Ceramah Eksekutif Jabatan Audit Negara Bil. 1/2012** **Penceramah:** Encik Robest Yong *Innovation Ambassador* Agensi Inovasi Malaysia **Tajuk:** *Thingking Without The Box*	31.01.2012	Dewan Serbaguna, Menara Usahawan	Bahagian Hal Ehwal Korporat
2.	**Kursus Fasilitator Kumpulan Inovatif & Kreatif Lanjutan Jabatan Audit Negara** **Penceramah:** i. En. Muhammad Yusof bin Derasol ii.Puan Suzana binti Edros Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Tengah	24.02–01.03.2012	Hotel Bayview, Pulau Pinang	Bahagian Hal Ehwal Korporat & Cawangan Pembangunan Modal Insan

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
3.	**Bengkel Pemantapan Gerak Kerja Kumpulan Inovatif dan Kreatif Jabatan Audit Negara** **Penceramah:** Success Touch Enterprise	01-05.04.2012	Gold Coast Morib Resort, Selangor	Bahagian Hal Ehwal Korporat & Cawangan Pembangunan Modal Insan
4.	**Kursus Sehari Berskala Besar** **Penceramah:** Encik Mohd Rizal bin Ayob Q Ideas Solution **Tajuk:**Pemikiran Kreatif, Tindakan Inovatif	03.05.2012	Dewan Serbaguna, Menara Usahawan	Cawangan Pembangunan Modal Insan
5.	***Innovation Tree*** - Program bagi mendapatkan idea dari warga Jabatan Audit Negara berdasarkan topik yang dikemukakan.	07.05.2012	Bahagian Hal Ehwal Korporat	Bahagian Hal Ehwal Korporat
6.	Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) JAN & Hari Inovasi JAN 2012	05-06.11.2012	Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan	Bahagian Hal Ehwal Korporat

NAZIRAN PENGURUSAN KEWANGAN DI JAN

Bahagian ini juga telah diamanahkan untuk menjalankan naziran Pengurusan Kewangan ke atas semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Kos (PK) di bawah JAN. Bagi tahun 2012 Bahagian ini telah merancang untuk menjalankan naziran di lapan pejabat Sektor/JAN, Negeri/Cawangan Audit. Hasil penemuan naziran yang dijalankan akan dimaklumkan kepada YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang untuk makluman beliau.

BIL.	JAN/CAWANGAN/SEKSYEN	TARIKH
1.	Wilayah Persekutuan Labuan	19-20.11.2012
2.	Keningau	21-22.11.2012
3.	Tawau	19-20.11.2012
4.	Sandakan	21-22.11.2012
5.	Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri	27-28.11.2012
6.	Cawangan Audit Kastam	07.12.2012
7.	Seksyen Audit Lembaga Tabung Haji	11.12.2012
8.	JAN, Negeri Sembilan	21.12.2012

PROGRAM ANJURAN AGENSI LUAR

Bahagian ini juga telah diamanahkan untuk menyelaras program anjuran Kementerian/Jabatan bagi memastikan penyertaan JAN. Sepanjang tahun 2012 JAN telah menyertai program-program seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	ANJURAN	TARIKH	PENCAPAIAN
1.	Perhimpunan Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W 1433H/2012M	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	05.02.2012	Johan
2.	Perhimpunan Hari Pekerja	Kementerian Sumber Manusia	12.05.2012	Tiada
3.	Acara Perbarisan Hari Kebangsaan Ke-55 & Perhimpunan 55 Tahun Merdeka Janji Ditepati	Jabatan Perdana Menteri	31.08.2012	Tiada

Lawatan Pelajar Institusi Awam/Swasta Ke JAN

Bahagian ini juga telah diamanahkan untuk menyelaras setiap lawatan pelajar institusi awam/swasta ke JAN. Sepanjang tahun 2012 JAN telah menerima empat lawatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	TARIKH	INSTITUSI	BIL. PESERTA
1.	20.01.2012	UiTM Kampus Dungun Terengganu	30 orang
2.	26.04.2012	UiTM Sarawak	30 orang
3.	08.06.2012	UiTM Shah Alam	90 orang
4.	04.12.2012	STIE Sutaatmadja, Indonesia	110 orang

UNIT UNDANG-UNDANG

Unit Undang-Undang di JAN diwujudkan melalui pengisian jawatan Penasihat Undang-Undang (PUU) pada 1 Ogos 2012. Jawatan tersebut diwujudkan di JAN melalui Waran Perjawatan Bilangan A133 Tahun 2011 bertarikh 5 Ogos 2011. Skop tugas dan fungsi PUU di JAN adalah seperti berikut:

- Memberi nasihat perundangan khususnya berhubung isu-isu di bawah Perlembagaan Persekutuan Akta Audit Negara 1957 serta Akta Tatacara Kewangan 1957 yang dirujuk
- Menjalankan penyelidikan atau kajian mengenai perkara undang-undang yang dirujuk
- Mentafsir mana-mana peruntukan undang-undang bertulis serta pekeliling, surat pekeliling dan yang seumpamanya yang dirujuk
- Menyemak dokumen perundangan termasuk notis perundangan, perjanjian dan memorandum persefahaman yang mana Jabatan merupakan salah satu pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi
- Menyemak serta memberi pandangan dan ulasan dalam pindaan Akta dan undang-undang subsidiari di bawahnya yang melibatkan fungsi dan bidangkuasa Jabatan
- Memberi nasihat perundangan terhadap kajian pengauditan yang dijalankan terhadap kewangan, prestasi dan aktiviti serta projek Kementerian, Jabatan, agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri; syarikat dan anak syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
- Memberi nasihat perundangan berhubung isu-isu tatatertib serta perkhidmatan serta menjadi ahli Lembaga Tatatertib berkaitan bagi Jabatan
- Menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jabatan apabila diminta bagi memberi nasihat perundangan serta memastikan apa-apa keputusan dasar yang dibuat oleh Jabatan adalah menurut undang-undang
- Menyertai sesi perkongsian maklumat atau latihan yang melibatkan aspek perundangan

PANDANGAN UNDANG-UNDANG

Dalam tempoh empat bulan sejak penubuhannya, unit ini telah dirujuk oleh pelbagai sektor di JAN berhubung pelbagai isu yang memerlukan pandangan dari aspek perundangan. Sebagai unit yang baru, unit ini peka kepada isu-isu yang sering timbul dalam pengauditan. Unit ini sentiasa berusaha memberikan nasihat perundangan yang berkualiti kepada JAN selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara. Pandangan undang-undang yang telah diberikan kepada pelbagai sektor sepanjang tahun 2012 di JAN antara lainnya, termasuklah:

Pandangan Undang-Undang Pelbagai

PERKARA / ISU	SEKTOR/CAWANGAN/BAHAGIAN/NEGERI
Penurunan kuasa kepada pegawai bagi menandatangani sijil audit berdasarkan saiz penyata kewangan yang diaudit selaras dengan undang-undang	Sektor Audit Khas & Penyelidikan
Kuasa pengauditan KAN untuk mengakses dokumen termasuk dokumen-dokumen yang dikelaskan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 terhadap syarikat Kera jaan	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Syarikat Kerajaan
Pandangan undang-undang terhadap cadangan-cadangan bagi memantapkan institusi audit dan profesion juruaudit sektor awam Malaysia yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Khas Mengkaji Transformasi Perkhidmatan Awam	Sektor Audit Khas & Penyelidikan
Prosedur pembentangan LKAN bagi akaun sesuatu negeri di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri serta pendedahannya kepada umum sebelum pembentangan	Pejabat Ketua Audit Negara
Kuasa pengauditan KAN untuk mengakses dokumen yang melibatkan agensi penguatkuasaan seperti Polis di Raja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Kastam di-Raja Malaysia yang termasuk dokumen Kertas Siasatan dan sebagainya di bawah undang-undang	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri
Kuasa / status pengauditan terhadap Perbadanan Menteri Besar dan seumpamanya	Sektor Audit Kerajaan Negeri
Kedudukan pinjaman anak syarikat / syarikat subsidiari Kerajaan Negeri daripada institusi kewangan / bank komersial di Malaysia tanpa kelulusan daripada Kementerian Kewangan dari segi undang-undang	Sektor Audit Kerajaan Negeri
Kedudukan pinjaman peribadi oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat kerajaan yang juga merupakan ahli lembaga pengarah syarikat tersebut dari segi undang-undang	Sektor Audit Kerajaan Negeri
Pandangan terhadap cadangan sesebuah Kementerian untuk menubuhkan akaun atau kumpulan wang amanah bagi menyimpan baki peruntukan yang disalurkan kepada agensi-agensi di bawah Kementerian yang tidak digunakan	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
Pembentangan penyata kewangan tabung pinjaman pelajaran Kerajaan Negeri dari segi undang-undang	Sektor Audit Kerajaan Negeri
Pandangan berhubung pengurusan pelaburan ekuiti Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan

Perjanjian/Memorandum Persefahaman

PERKARA	SEKTOR/CAWANGAN/BAHAGIAN/NEGERI
Memorandum Persefahaman (MOU) antara JAN dengan *The Accounts Chamber of the Russian Federation*	Sektor Audit Khas & Penyelidikan
Memorandum Persefahaman (MOU) antara JAN dengan *Control & Audit Office of the Government of the Islamic Republic of Afghanistan*	Sektor Audit Khas & Penyelidikan
Draf Perjanjian Perkhidmatan *Security Posture Assesment* (SPA) dan *Network Forensic* di JAN	Sektor Pengurusan
Isu Berhubung Draf Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	Jabatan Audit Negara, Negeri Terengganu
Draf Perjanjian Perkhidmatan Pelaksanaan IPv6 Serta Menaiktaraf Sistem Rangkaian di JAN	Sektor Pengurusan
Draf Perjanjian Perkhidmatan Bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Peralatan ICT beserta Kelengkapannya di Jabatan Audit Negara.	Sektor Pengurusan
Draf Perjanjian Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Sokongan Teknikal Perisian Pengauditan *Audit Command Language* (ACL)	Sektor Pengurusan
Draf Perjanjian Penyewaan Ruang Pejabat JAN Negeri Johor dengan Lembaga Tabung Haji	Sektor Pengurusan

Isu Perkhidmatan dan Tatatertib

Selain daripada isu-isu di atas, unit ini juga sering dirujuk berhubung isu-isu yang melibatkan perkhidmatan dan tatatertib di JAN. Bagi tujuan tersebut pandangan yang diberikan turut melibatkan tafsiran kepada pekeliling perkhidmatan yang berkaitan serta mengambil kira dasar agensi-agensi berkaitan.

Penyediaan LKAN

Unit ini juga memainkan peranan penting adalam memastikan pengauditan yang dijalankan dan dilaporkan dalam LKAN adalah selaras dengan undang-undang. Bagi tujuan tersebut, unit ini memberikan pandangan dari aspek perundangan terhadap kajian-kajian pengauditan yang melalui sesi perbincangan yang diadakan. Sepanjang tahun 2012, unit ini terlibat memberikan pandangan dari aspek perundangan melalui sesi perbincangan LKAN bagi Sektor Audit Kerajaan Persekutuan dan LKAN bagi negeri-negeri.

Kursus

Bagi memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai aspek perundangan, sepanjang tempoh empat bulan di JAN, unit ini telah menghadiri bengkel/kursus berikut:

a. Bengkel Pengendalian Kes dan Tindakan Tatatertib terhadap Pegawai Awam

Bengkel ini telah diadakan pada 4-5 Oktober 2012 bertempat di Dewan Tan Sri Abdul Kadir, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Bengkel tersebut telah memberi pendedahan dan kefahaman mengenai keputusan terkini Mahkamah Persekutuan dalam kes Kerajaan Malaysia vs Tay Chi Huat berkenaan hak untuk didengar serta proses membuat keputusan dalam mengenakan tindakan disiplin, terutamanya berkenaan kesilapan umum. Bengkel tersebut juga memberi penekanan dalam prosedur yang betul dan penentuan fakta yang relevan dengan kes serta cabaran dan tindakan yang boleh diambil dalam meningkatkan kualiti tindakan tatatertib dalam perkhidmatan awam.

b. *Short Course on Financial Procedure Act* 1957 [Act 61]

Kursus ini telah diadakan pada 4 Disember 2012 bertempat di Dewan Tan Sri Abdul Kadir, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Kursus telah memberi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai tatacara kewangan Kerajaan menurut peruntukan kewangan di bawah Perlembagaan Persekutuan, Akta Prosedur Kewangan 1957 serta pekeliling perbendaharaan. Kursus juga telah memberi pendedahan mengenai serta isu-isu berkaitan dalam tatacara kewangan kerajaan.

LAPORAN AKTIVITI

AKADEMI AUDIT NEGARA



Hjh. Noor Akma Binti Mohd Baki
Timbalan Pengarah (Akademik)
Akademi Audit Negara

Hjh. Zainun Binti Taib
Pengarah
Akademi Audit Negara

Nur Syuhaiza Binti Ruslan
Timbalan Pengarah (Pengurusan)
Akademi Audit Negara

AKADEMI AUDIT NEGARA

Akademi Audit Negara merupakan sebuah Institusi Latihan Awam khusus untuk melatih warga JAN dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan aktiviti dan program serta meningkatkan akauntabiliti. Oleh itu Akademi Audit Negara telah menyediakan program latihan yang berkesan bagi semua warga JAN dan memberikan ruang secukupnya untuk mereka mempertingkatkan budaya kerja cemerlang. Akademi Audit Negara telah melaksanakan kursus untuk peserta dalam negeri dan luar negara.

Kursus Dalam Negeri

Akademi Audit Negara memikul tanggungjawab yang tinggi untuk memastikan semua warga JAN menerima latihan sekurang-kurangnya tujuh hari dalam setahun. Akademi Audit Negara perlu memastikan semua kursus yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Latihan JAN dilaksanakan dengan sempurna. Pada tahun 2012, Akademi Audit Negara telah melangkah setapak lagi dalam pendekatan pembelajarannya dengan mewujudkan kerjasama dengan Institut Perakaunan Negara (IPN) dalam melaksanakan beberapa kursus tertentu, antaranya ialah CAATT's *Data Downloading* dan Kursus Perakaunan Kerajaan yang dijalankan di IPN, Sabak Bernam.

Berikut merupakan pencapaian pelaksanaan kursus bagi tiga tahun mengikut sekolah masing-masing:

SEKOLAH	TAHUN 2010	TAHUN 2011	TAHUN 2012
	BIL. KURSUS	BIL. KURSUS	BIL. KURSUS
Sekolah Pengauditan	30	31	32
Sekolah Perakaunan	25	17	21
Sekolah IT	18	27	38
Sekolah Pengurusan	21	17	16
JUMLAH	**94**	**92**	**107**

Kursus Luar Negara



Pada tahun 2012, Akademi Audit Negara telah berjaya melaksanakan lima kursus antarabangsa. Kursus ini adalah hasil daripada usaha sama antara JAN dengan Institusi Audit Afghanistan dan Bangladesh. Pendekatan kursus ini berasaskan pendedahan teori, perbincangan dan persembahan kumpulan, *roleplay*, serta aktiviti luar. Antara kursus yang dfianjurkan adalah seperti berikut:

a. *Risk- Based Auditing For Public Sector*

Kursus ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 6 hingga 17 Februari 2012 di Akademi Audit Negara. Seramai 20 pegawai dari Institusi

Audit Afghanistan telah didedahkan dengan pengauditan berasaskan risiko. Di samping itu, mereka juga telah mengikuti program lawatan sambil belajar ke JAN, Negeri Selangor dan Melaka.



b. *Public Sector Auditing Training Programme*

Akademi Audit Negara telah diberi kepercayaan kali kedua untuk melaksanakan kursus bagi 22 pegawai dari Bahagian Audit Dalaman Kementerian Kewangan, Afghanistan. Kursus ini dilaksanakan selama 2 minggu iaitu pada 26 Mac hingga 6 April 2012. Antara aktiviti luar yang telah dirancang untuk peserta adalah lawatan sambil belajar ke Port Dickson, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.

c. *Public Sector Auditing Training Programme*

Akademi Audit Negara sekali lagi telah diberi kepercayaan oleh Jabatan untuk menganjurkan tiga siri kursus *Public Sector Auditing* pada bulan April, September, dan November 2012 untuk pegawai-pegawai dari Institusi Audit Bangladesh. Kursus selama dua minggu, telah dilaksanakan dengan pelbagai aktiviti dalaman dan di luar bilik kuliah. Antaranya ialah perbincangan mengenai penyata kewangan, isu-isu audit prestasi manakala aktiviti luar termasuk lawatan ke JAN, Negeri Melaka dan Cawangan Audit Kewangan, Putrajaya.





d. *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP)

Akademi Audit Negara merupakan salah satu Institusi Latihan Awam di seluruh Negara yang diberi kelulusan sebagai *course provider* di bawah *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP). Sejak tahun 2007 hingga kini, sebanyak sepuluh kursus telah dikendalikan iaitu lima kursus *Performance Audit* dan lima kursus IT Audit. Kursus yang dibiayai sepenuhnya

oleh kerajaan ini ditawarkan kepada juruaudit di kalangan negara-negara membangun dari rantau Asia, Asia Barat, Afrika dan juga negara-negara kepulauan. Kandungan kursus berdasarkan kurikulum yang disediakan oleh ASOSAI dan INTOSAI, manakala ceramah pula disampaikan oleh pegawai-pegawai audit yang berpengalaman luas dalam bidang pengauditan prestasi dan pengauditan IT. Matlamat utama kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman peserta berhubung prinsip-prinsip asas, konsep dan metodologi yang digunakan dalam menjalankan pengauditan prestasi dan juga pengauditan IT.



Pada tahun 2012, Akademi Audit Negara berjaya melaksanakan kursus *Performance Audit* yang telah dihadiri oleh 25 orang peserta. Kursus ini telah berlangsung selama dua minggu iaitu pada 18 hingga 29 Jun 2012. Pendekatan pelaksanaan kursus ini berasaskan pendedahan teori, perbincangan dan persembahan kumpulan, *roleplay*, pembentangan *country paper*, percambahan ilmu melalui *luncheon talk* serta lawatan sambil belajar. Antara faedah yang diperolehi daripada kursus ini ialah wujudnya jaringan profesional dan perkongsian ilmu di kalangan peserta kursus. Selain itu, Akademi Audit Negara semakin dikenali di peringkat antarabangsa dan beberapa produk pelancongan di negara kita menarik minat peserta-peserta luar negara.

Kursus Untuk Penceramah Dan Pemudahcara

Akademi Audit Negara telah mengadakan kursus untuk penceramah dan pemudahcara (TOT) untuk meningkatkan prestasi penceramah serta mempelajari teknik-teknik pemudahcara yang lebih holistik dan berkesan. Kursus TOT juga membantu penceramah untuk merancang dan menyediakan modul pembelajaran dengan lebih menyeluruh. Kursus ini terbahagi kepada dua iaitu kursus dalam negeri dan kursus luar negara. Kesemua kursus ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, manakala Akademi Audit Negara sebagai koordinator dan pengurus kursus sahaja.

Kursus Dalam Negeri

a. Bantuan Kecemasan

Kursus ini telah dilaksanakan di Bilik Tanjung, Akademi Audit Negara pada 25 Julai 2012. Kursus ini telah memberi manfaat mengenai kaedah bantuan kecemasan kepada semua jurulatih *teambuilding* Akademi Audit Negara seramai 25 orang.

b. *Mukmin Trainer Profesional*

Kursus ini telah diadakan di Felda Tekam Resort, Jerantut, Pahang pada 21 hingga 23



September 2012. Kursus ini berjaya membangunkan jatidiri peserta kursus khususnya penceramah Akademi Audit Negara. Kursus ini telah dihadiri oleh 30 orang pegawai JAN.

c. *The Professional Learning Facilitator*

Kursus ini telah diadakan di Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka pada 21 hingga 23 September 2012. Kursus ini telah memberi pendedahan mengenai kaedah dan teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang professional dan berkesan. Kursus ini telah dihadiri oleh 30 orang pegawai JAN.



d. *Individual & Organization Excellence with Noble* di Ipoh, Perak

Kursus ini telah diadakan di Ipoh, Perak pada 20 hingga 23 November 2012. Kursus ini berjaya mempertingkatkan ilmu dalam kecemerlangan individu dan pengurusan khususnya bagi penceramah Akademi Audit Negara. Kursus ini telah dihadiri oleh 25 orang pegawai JAN.



Kursus Luar Negara

a. *Leadership Development Program*

Kursus ini telah dihadiri oleh Encik Azharul Asean bin Talib, Penolong Pengarah Audit dari Sekolah Perakaunan, Akademi Audit Negara pada 10 hingga 14 September 2012 di Mount Eliza, Australia. Kursus ini antara lain memberi pendedahan kepada konsep kepemimpinan dan pembangunan dalam organisasi.



b) *Combating Fraud and Civil Society in Government, Business and Civil Society Organization*

Kursus ini telah dihadiri oleh Puan Norita binti Ismail, Ketua Sekolah Perakaunan dan Puan Nurhayati binti Mohamed, Penolong Pengarah Audit dari Akademi Audit Negara pada 24 September hingga 05 Oktober 2012 di London, United Kingdom. Kursus ini memberi peluang kepada pegawai-pegawai mempelajari kaedah untuk menangani *fraud* dalam perkhidmatan awam.

PERSIDANGAN
SEKTOR-SEKTOR

PERSIDANGAN SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2012

Tempat : **Permaisuri Resorts, Port Dickson, Negeri Sembilan**
Tarikh : **03 hingga 05 Disember 2012**



Persidangan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan 2012 yang bertemakan ***Cepat, Tepat & Integriti*** selaras dengan dengan amanat YAB Perdana Menteri kepada semua penjawat awam telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Hj. Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan). Juruaudit perlu bekerja dengan cepat dan tepat selaras dengan cabaran baru JAN seperti menyediakan LKAN sebanyak tiga kali setahun. JAN perlu melaksanakan tugas dengan lebih profesional, penuh integriti, bertanggungjawab serta sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan untuk menjamin kecemerlangan JAN.

Persidangan kali ini telah dihadiri oleh seramai 288 peserta dari pegawai dan kakitangan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan Ibu Pejabat dan juga JAN peringkat Negeri.

Objektif Persidangan adalah untuk:

- Meningkatkan pengetahuan dan kepakaran warga Sektor Audit Kerajaan Persekutuan dalam bidang baru bagi membolehkan pengauditan dilaksanakan dengan lebih efisien
- Sebagai wadah perkongsian maklumat, pengetahuan serta pengalaman dan juga sesi percambahan idea baru dalam pengauditan
- Menyediakan platform untuk semua Juruaudit membincangkan masalah dan pendekatan dalam usaha meningkatkan kualiti pengauditan
- Meningkatkan kredibiliti Juruaudit melalui sesi perbincangan dan *brainstorming*

- Membincangkan inovasi dan kreativiti baru pengauditan melalui Garis Panduan Penyediaan LKAN, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
- Mewujudkan semangat kerjasama, perkongsian maklumat dan budaya sihat

Garis Panduan Pengauditan berikut telah dilancarkan iaitu:

- GP Pengauditan Taksiran Kastam
- GP Pengauditan Cukai Pendapatan
- GP Penyediaan LKAN
- GP Pengurusan Kewangan (AI)

Tajuk Ceramah/Wacana Minda yang dibiincangkan adalah:

- Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan
- Forum "Pengajaran Dari Penyediaan Laporan Audit 2011"
- Taklimat AI *Updates*

Sesi *Townhall*

YBhg. Dato' Hj. Anwari bin Suri seterusnya menerangkan kepentingan sesi *Townhall* ini diadakan selaras dengan kehendak KAN dan Ketua Setiausaha Negara supaya pihak pengurusan atasan sentiasa mengetahui dan memahami segala permasalahan dan ketidakpuashatian pegawai-pegawai di bawah seliaan masing-masing.

Antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut:

- Garis Panduan Penampilan Audit perlu diperbaharui
- Garis Panduan Kastam perlu penambahbaikan disebabkan pelaksanaan SMK
- Pemarkahan APC - ramai pegawai dari JAN Negeri tidak puas hati
- Peluang pegawai Persekutuan dari JAN Negeri ke luar negara
- Isu peluang kenaikan pangkat bagi gred W36 yang berpengalaman
- *Reward* diberi kepada pegawai-pegawai audit yang *outstanding* dalam penghasilan LKAN
- Maklumat eSPP yang tidak kemas kini walaupun input data telah dibuat
- Garis Panduan Audit Prestasi perlu ditambah baik selaras dengan pengeluaran GP Penyediaan LKAN yang baru dilancarkan
- Isu pertukaran yang terlalu cepat di JAN Negeri
- Kajian Audit MINDEF tidak dilaporkan di LKAN
- Keperluan Program Anak Angkat diadakan semula
- Perbezaan pendapat antara unit naziran JANM dengan Juruaudit JAN
- Isu elaun khas diberi kepada pegawai Audit seperti pegawai SPRM
- Pengauditan baucar bayaran perlu dipertingkatkan
- Peranan Jurutera JAN kurang membantu dalam kerja pengauditan dan penulisan Laporan Audit

PERSIDANGAN SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI

Tempat : **Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak**
Tarikh : **20 hingga 21 Disember 2012**

Persidangan Sektor Audit Kerajaan Negeri Tahun 2012 dengan tema **Merealisasikan Inisiatif Di Bawah GTP2** telah diadakan pada 20 hingga 21 Disember 2012 di Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak dengan penyertaan seramai 160 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dari Ibu Pejabat Sektor Audit Kerajaan Negeri (SAKN), Pengarah-pengarah Audit Negeri dan Timbalan serta pegawai JAN, Negeri dari seluruh Malaysia. Persidangan telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri).







Objektif Persidangan

- Memantapkan hala tuju Sektor Audit Kerajaan Negeri ke arah merealisasikan GTP2
- Menilai semula kemajuan kerja tahun 2012 dan memuktamadkan sasaran kerja tahun 2013
- Pendekatan baru kerja-kerja pengauditan dan pelaporan yang lebih kreatif dan inovatif
- Memberi peluang untuk pegawai berbincang dan bertukar pendapat berhubung isu-isu semasa Sektor Audit Kerajaan Negeri

Tajuk Pembentangan yang disampaikan oleh penceramah:

- . Cabaran 2013: KPI Dan Penstrukturan Baru JAN Negeri
- Isu-isu Penting Dalam Perjanjian Kontrak
- *Quantifying Success Factor For GLC's Performance Audit – How Do We Do?*
- Pengauditan Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Menggunakan ACL: Satu Transformasi
- Rang Undang-undang Perbekalan: Merentasi Aspirasi Perlembagaan
- Konvensyen KIK Tahun 2012 – *What's Next?*
- Pemantapan Pengauditan Penyata Kewangan
- *Value Management*
- Pengurusan Nilai: Pengalaman JAN Sabah

Garis Panduan Pengauditan yang dikeluarkan:

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang telah melancarkan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Negeri Pindaan Tahun 2012.



PERSIDANGAN SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Tempat : de Baron Resort di Langkawi, Kedah
Tarikh : 22 hingga 23 November 2012

Persidangan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (BBP) tahun 2012 telah diadakan pada 22 dan 23 November 2012 di de Baron Resort di Langkawi, Kedah. Persidangan dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang pada 22 November 2012 melalui rakaman video. Persidangan tahun 2012 ini telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Puan Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan. Tema Persidangan tahun ini adalah **Kualiti Dan Inovasi Merealisasikan Transformasi.**

Persidangan ini telah dihadiri oleh 172 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dari Ibu Pejabat dan pegawai di Seksyen BBP peringkat negeri.



Dalam ucapan pembukaan, YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang telah mengingatkan pegawai audit kepada pelbagai isu seperti berikut:

- LKAN telah menjadi bahan yang penting dan tugas kerja JAN semakin mencabar kerana laporan tersebut telah mendapat perhatian daripada masyarakat, media dan Parlimen. Ia dapat dilihat dari segi kesungguhan dan tindakan diambil oleh kerajaan terhadap teguran audit.



- *Government Transformation Programme* (GTP) 2.0 akan dilaksanakan pada tahun 2013. Salah satu cadangan GTP adalah membentangkan LKAN tiga kali setahun. Dengan itu, beliau menyarankan kualiti LKAN perlu diberi perhatian dan menghasilkan laporan yang *watertight*, adil dan seimbang. Bagaimanapun, pada tahun ini JAN mengadakan *cross fertilization* bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan beliau berpendapat pasukan-pasukan audit boleh menghasilkan laporan yang *watertight* dengan penglibatan pegawai-pegawai SPRM dan Pegawai Undang-Undang.



- Transformasi perlu diadakan di kalangan warga JAN kerana Jabatan akan menghadapi pelbagai cabaran pada masa akan datang seperti penggunaan standard-standard baru yang telah dikeluarkan oleh INTOSAI dan pelaksanaan perakaunan berasas akruan. Beliau juga menekankan kepentingan latihan dalaman secara berterusan di JAN. Latihan dalaman hendaklah sentiasa diadakan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan kepada semua kakitangan JAN. Dengan itu, sasaran latihan dalaman perlu ditetapkan.

Persidangan ini bertujuan:

- Membentangkan Rancangan Audit Tahunan Sektor Audit BBP Tahun 2013
- Menyelaras pengauditan di peringkat Ibu Pejabat dengan JAN, Negeri
- Mendedahkan pegawai kepada teknik-teknik dan isu-isu terbaru mengenai pengauditan seiring dengan perkembangan semasa
- Membincangkan isu dan cabaran dalam menjalankan pengauditan
- Menilai pencapaian Sektor Audit BBP dan memantapkan pengauditan tahun 2013
- Memupuk semangat kerjasama dan kerja berpasukan di kalangan Sektor Audit BBP

Selaras dengan tema dan objektif persidangan, sebanyak tujuh kertas kerja termasuk kertas kerja berkaitan dengan peranan *Audit Oversight Board* (AOB) dalam *Quality Assurance Juruaudit* yang dibentangkan oleh Pengerusi AOB En. Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff dan kertas kerja mengenai Pengurusan Perubahan oleh Pengarah Sektor Pengurusan Tuan Hj. Aziz bin Mohd. Akil. Sesi pembentangan kertas kerja telah dimeriahkan dengan pelbagai soalan dan komen daripada para peserta persidangan. Persidangan ditutup secara rasminya oleh Puan Ong Swee Leng, Pengarah Audit Sektor Badan Berkanun Persekutuan selepas rumusan oleh Puan Ong Swee Leng dan sesi soal jawab.

PERSIDANGAN SEKTOR AUDIT KHAS & PENYELIDIKAN

Tempat : Le Grandeur Palm Resort, Johor
Tarikh : 18 hingga 21 November 2012



Persidangan Sektor Audit Khas dan Penyelidikan yang bertemakan **Memperkasa Sektor Audit Khas dan Penyelidikan Menerajui Transformasi Jabatan Audit Negara** telah berlangsung di Le Grandeur Palm Resort, Johor Darul Takzim pada 18 hingga 21 November 2012. Tujuan Persidangan diadakan adalah untuk membincangkan dan membentangkan kertas kerja cadangan pelaksanaan peranan JAN dalam *Government Transformation Programme* 2.0 (GTP 2.0), pencapaian kerja tahun 2012 setiap Bahagian, hala tuju Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan dan perancangan kerja tahun 2013 berdasarkan bajet dan Pelan Strategik Sektor. Semasa majlis perasmian pembukaan, perutusan daripada YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang telah disampaikan melalui rakaman video. Encik Zulkipli bin Abdullah selaku Pengarah Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan kemudiannya merasmikan Persidangan Sektor Tahun 2012. Seterusnya, semua pegawai Sektor dipecahkan kepada empat kumpulan iaitu Hijau, Jingga, Hitam dan Biru bagi menyertai sketsa ringkas mengikut tajuk yang diterima secara pengundian. Pertandingan ini telah dimenangi oleh pasukan Jingga manakala pasukan Hijau berjaya merebut tempat kedua. Hari kedua persidangan dimulakan dengan ceramah mengenai penilaian tahunan (LNPT) oleh Pengarah Sektor Pengurusan iaitu Tuan Haji Aziz bin Mohd Akil. Beliau menekankan tentang pentingnya penilaian prestasi dibuat secara profesional bagi memberi keadilan kepada semua pihak yang terlibat. Sesi berikutnya



diteruskan dengan pembentangan oleh Tuan Azhar bin Tuan Hasan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kajian Khas mengenai penubuhan satu bahagian baru yang bakal berperanan untuk memantau kualiti LKAN yang dikeluarkan. Cik Aziatul Akmam daripada Bahagian Pengauditan Alam Sekitar membentangkan kertas kerja bertajuk "Pelaksanaan Inisiatif Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 oleh JAN" yang merangkumi empat inisiatif utama di bawah GTP 2.0 iaitu *fast tracking access* LKAN, pembentukan Jawatankuasa Tindakan, *Online Dashboard* LKAN dan Putrajaya *Inquisition*. Encik Azrul Raimee bin Ramli, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengauditan Air telah membentangkan kertas kerja mengenai keperluan untuk memperkasakan pelaksanaan pengauditan alam sekitar selaras dengan perkembangan semasa khususnya dunia dalam menghadapi era *climate change*. Persidangan Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan juga diserikan dengan Majlis Makan Malam bertemakan *smart casual* dengan warna hitam dan merah. Hari terakhir persidangan diteruskan dengan pembentangan pencapaian resolusi persidangan Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan tahun 2011. Tiga daripada empat resolusi yang telah diluluskan pada persidangan yang lalu telah pun dilaksanakan melainkan perolehan aplikasi terjemahan masih belum dapat direalisasikan atas faktor kekangan peruntukan. Seterusnya, Pengarah Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan telah membentangkan rumusan persidangan serta lima resolusi untuk dipersetujui bersama iaitu :-

i. Resolusi 1 : Memperkemaskan Kertas Kerja berkenaan pelaksanaan inisiatif-inisatif di bawah GTP 2.0

ii. Resolusi 2 : Muktamadkan kertas kerja penubuhan Bahagian Jaminan Kualiti dan Pengauditan Nilai

iii. Resolusi 3 : Memantapkan Pelaksanaan Kajian Secara *Across The Board* Melalui Kerjasama dengan Agensi Remote Sensing Malaysia

iv. Resolusi 4 : Memuktamadkan Sasaran Kerja Tahunan Setiap Bahagian Dengan Mengambilkira Kemampuan Kewangan Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan

v. Resolusi 5 : Mewujudkan Urusetia Kewangan Untuk Memantau Prestasi Perbelanjaan Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan



PERSIDANGAN SEKTOR PENGURUSAN

Tempat : Sanctuary Resort, Cherating Pahang
Tarikh : 29 November hingga 01 Disember 2012



Persidangan Sektor Pengurusan telah diadakan pada 29 November hingga 1 Disember 2012 di Sanctuary Resort, Cherating, Pahang dengan tema **Memperkasakan Pengurusan Organisasi Ke Arah Transformasi 1 Audit**. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tn. Haji Aziz Bin Mohd Akil, Pengarah Sektor Pengurusan dan persidangan ini dihadiri oleh 156 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari Sektor Pengurusan.

Tujuan persidangan ini diadakan adalah seperti berikut:

- Membentangkan Pencapaian Rancangan Tahunan Sektor Pengurusan bagi Tahun 2012
- Membentangkan Rancangan Tahunan Sektor Pengurusan bagi Tahun 2013 mengikut Perancangan Strategik JAN
- Meningkatkan pengetahuan modal insan dengan memberi pendedahan mengenai perkembangan terkini dalam Sektor Awam
- Memupuk semangat kerjasama dan kerja berpasukan di kalangan pegawai di Sektor Pengurusan

Persidangan Sektor Pengurusan kali ini telah berjaya dilaksanakan dengan sempurna seperti yang dirancang adalah hasil usaha dan kerjasama yang bersepadu dari semua Jawatankuasa penganjuran. Seawal pemilihan tempat, serta beberapa mesyuarat yang telah dijalankan dan kerjasama dari pengurusan atasan serta semua pihak yang terlibat telah memberikan hasil yang memuaskan hati semua.

Persidangan Sektor kali ini telah dapat mencapai objektif seperti yang dirancang, dimana semua Sasaran Kerja 2012 telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya, serta Perancangan Kerja 2013 juga telah berjaya dibentangkan dan bakal dilaksanakan. Sesi perkongsian ilmu juga telah banyak memberikan manfaat dan maklumat kepada semua peserta. Semua perancangan yang berjaya dilaksanakan merupakan impak dari semangat kerjasama dan bantu membantu dari awal hingga akhir, serta semangat kerja berpasukan antara kakitangan di Sektor Pengurusan.

PERSIDANGAN AKADEMI AUDIT NEGARA

Tempat : **Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang**
Tarikh : **04 hingga 5 Disember 2012**

Persidangan Akademi Audit Negara kali ketiga telah diadakan di Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang pada 4 hingga 5 Disember 2012. Tema persidangan ialah **Pembelajaran Berterusan Wahana Kecemerlangan Warga Jabatan Audit Negara**. Objektif persidangan adalah untuk merangsang kerjasama pintar dan inovatif di kalangan warga kerja Akademi Audit Negara ke arah pembangunan modal insan yang berilmu dan berprestasi tinggi. Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Akademi Audit Negara, Puan Hajah Zainun binti Taib.

Sebanyak enam kertas kerja telah dibentangkan semasa persidangan ini termasuk Imbasan Pencapaian Prestasi Akademi Audit Negara Tahun 2012, dan Rancangan Latihan Tahun 2013 secara keseluruhan. Ketua-ketua Sekolah telah membentangkan Rancangan Latihan 2013 bagi Sekolah masing-masing, manakala Bahagian Pengurusan Akademi Audit Negara turut membentangkan Bajet 2013 dan rancangan kerja tahun 2013. Kertas kerja bertajuk Perancangan Strategik Sumber Manusia JAN telah dibentangkan oleh Tuan Haji Aziz bin Akil, Pengarah Sektor Pengurusan.

Selain pembentangan kertas kerja, satu ceramah 'Amalan Hijau Dalam Pejabat' telah disampaikan oleh Puan Zahilah binti Zahid dari Malaysian Green Technology Corporation. Ceramah tersebut telah memberi kesedaran dan pengetahuan di kalangan warga Akademi Audit Negara mengenai kepentingan memulihara alam sekitar melalui perolehan hijau.

Di hari akhir persidangan, Pengarah Akademi Audit Negara telah membuat rumusan mengenai hasil pembentangan kertas kerja. Beliau telah menyarankan agar warga Akademi Audit Negara terus memantapkan pengurusan sumber manusia demi memenuhi keperluan latihan Jabatan dan perkhidmatan awam umumnya.



Tahniah & Syabas

ATAS PENGANUGERAHAN DARJAH PADUKA MAHKOTA PERAK (DPMP) YANG MEMBAWA GELARAN DATO' DAN PINGAT PANGLIMA GEMILANG DARJAH KINABALU (PGDK) YANG MEMBAWA GELARAN DATUK KEPADA:



Datin Seri Dato' Shamsiah Binti Hj. Daud
Menerima Darjah Paduka Mahkota Perak (DPMP)
Daripada DYMM Sultan Perak
Pada 19 April 2012
Yang Membawa Gelaran Dato'



Datuk Juhari Bin Haron
Menerima Pingat Panglima Gemilang
Darjah Kinabalu (PGDK)
Daripada Yang Di Pertua Negeri Sabah
Pada 6 Oktober 2012
Yang Membawa Gelaran Datuk

PENERIMA PINGAT DAN DARJAH KEBESARAN
DI KALANGAN WARGA JABATAN

PENERIMA PINGAT DAN DARJAH KEBESARAN DI KALANGAN WARGA JABATAN

BIL.	NAMA/GRED	NAMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT	GELARAN
SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN			
1.	Puan Jacinta Wong Ngouk Hua / W48	Ahli Mangku Negara (AMN)	Tiada
SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN			
2.	Puan Hjh. Normah binti Alias / W44	Ahli Mangku Negara (AMN)	Tiada
3.	Puan Wan Zaleha binti Abdul Razak / W36	Pingat Pangkuan Negara (PPN)	Tiada
SEKTOR PENGURUSAN			
4.	Tuan Hj. Mohammad Nazari bin Othman / N22	Pingat Pangkuan Negara (PPN)	Tiada
BAHAGIAN AUDIT DALAM JABATAN PERDANA MENTERI			
5.	Puan Noraza binti Mohd Ariff / W52	Ahli Mangku Negara (AMN)	Tiada
6.	Puan Rokiah binti Saad / W48	Ahli Mangku Negara (AMN)	Tiada
UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR			
7.	Encik Redzuan bin Hj. Abdul Samad / W48	Darjah Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W)	Tiada
8.	Puan Rusnisi binti Harus / W32	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Tiada
JAN, NEGERI SABAH			
9.	Datuk Juhari bin Haron / JUSA C	Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK)	Datuk
10.	Encik Pg. Amir bin Pg. Hj. Omar / W52	Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK)	Tiada
11.	Puan Latipah binti Sulaiman / N22	Bintang Setia Kinabalu (BSK)	Tiada
12.	Encik Siboi @ James bin Muhamat / W26	Bintang Setia Kinabalu (BSK)	Tiada
13.	Puan Wong Yit Mui / W22	Bintang Kinabalu (BK)	Tiada
JAN, NEGERI SARAWAK			
14.	Tuan Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan / JUSA C	Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
15.	Puan Hjh. Toieyah binti Hj. Tioh / W54	Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak	Pegawai Bintang Kenyalang (PBK)
		Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
16.	Encik Ambrose Anak Dango / W52	Pingat Pentadbiran Awam	Pingat Perkhidmatan Bakti (Perak) (PPB)
17.	Cik Hjh. Suria binti Su'ut / W48	Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
18.	Puan Siti Eishah binti Narudin / W44	Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
19.	Encik Tambi bin Anyai / W44	Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
20.	Puan Sadiah biniti Reduan / W36	Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
21.	Encik Poh Eng Teng / W36	Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak	Ahli Bintang Kenyalang (ABK)
		Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
22.	Puan Rozannah binti Hj. Abdul Wahab / W36	Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
23.	Encik Chang Thze Siong / W26	Pingat Pentadbiran Awam	Pingat Perkhidmatan Terpuji (Gangsa) (PPT)
24.	Encik Jeffrey David Mush / W22	Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
25.	Encik Bong Jin Ted / W22	Darjah Yang Amat Mulia Bintang Sarawak	Bentara Bintang Sarawak (BBS)

BIL.	NAMA/GRED	NAMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT	GELARAN
26.	Puan Hasimah binti Hj. Japar / N22	Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
27.	Puan Hjh. Meriam binti Abdullah / N17	Darjah Yang Amat Mulia Bintang Sarawak	Bentara Bintang Sarawak (BBS)
28.	Puan Sa'adiah binti Arabi / N17	Darjah Yang Amat Mulia Bintang Sarawak	Bentara Bintang Sarawak (BBS)
		Pingat Perkhidmatan Setia (PPS)	Tiada
JAN, NEGERI KEDAH			
29.	Encik Azemi bin Mamat	Bintang Perkhidmatan Cemerlang (BCK)	Tiada
30.	Puan Siti Hajar binti Hashim	Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah (PCK)	Tiada
31.	Puan Asihah binti Ismail	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)	Tiada
JAN, NEGERI PERAK			
32.	Datin Seri Dato' Shamsiah binti Hj. Daud / W54	Darjah Paduka Mahkota Perak (DPMP)	Dato'
33.	Puan Hjh. Fatimah binti. Abdullah / W32	Pingat Pekerti Terpilih (PPT)	Tiada
JAN, NEGERI PULAU PINANG			
34.	Tuan Hj. Amir Zaki bin Ahmad / W54	Darjah Johan Negeri (DJN)	Tiada
35.	Tuan Hj. Yusop bin Hashim / W26	Pingat Bakti Setia (PBS)	Tiada
36.	Encik Shamsul bin Sayuti / N4	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)	Tiada
JAN, NEGERI PERLIS			
37.	Encik Noor Hishamuddin Shah bin Mohamad Shafiee / W44	Pingat Mahkota Perlis (PMP)	Tiada



JASAMU
DI KENANG

